

**RASUAH DALAM UMNO**  
**Chedet.co.cc**  
**August 19, 2008**  
**by Dr. Mahathir Mohamad**

1. Dato Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Pahang telah membuat kenyataan yang beliau tidak akan bertanding untuk Majlis Tertinggi UMNO kerana rasuah yang berleluasa dalam kempen pemilihan ketua-ketua pemuda, ketua bahagian dan Majlis Tertinggi.
2. Sebelum ini saya telah lapor berkenaan tindakan dua tokoh UMNO; seorang Ketua Bahagian yang menulis kepada Ibu Pejabat UMNO berkenaan rasuah yang dilakukan oleh Presiden sendiri untuk mendapat sokongan bagi pencalonannya sebagai Presiden pada Disember ini dan yang satu lagi tindakan seorang veteran UMNO yang telah lapor kepada Badan Pencegah Rasuah berkenaan rasuah yang sama yang dilakukan oleh Presiden, walaupun ia sendiri kerap bercakap dan mendesak semua orang supaya jangan amalkan rasuah.
3. Baru-baru ini saya telah dapat maklumat daripada beberapa pemimpin UMNO bahawa rasuah, iaitu pemberian duit yang tidak kecil jumlahnya dan pemberian lain-lain, telah dilakukan untuk pemilihan ke Majlis Tertinggi dan Ketua Pemuda.
4. Lebih daripada 150 ahli telah dikenalpasti yang akan mencabar ketua-ketua bahagian yang ada sekarang dengan diberi sogokan wang yang besar. Ada pula Ketua Bahagian yang diberi kontrak projek Kerajaan supaya mencalonkan calon tertentu.
5. Mereka yang menjadi Ketua Bahagian sekarang yang akan dicabar dan dijatuhkan tahu dan sedar yang rasuah ini sedang berlaku. Mereka kecewa. Tetapi mereka tidak sanggup mendedah secara tepat dan terbuka orang yang memberi sogokan dan siapa yang mereka dikehendaki mencalon dan menyokong dan lain-lain butir dan maklumat berkenaan kegiatan rasuah ini. Mereka yang disogok pula tidak sanggup membuat apa-apa laporan.
6. Mereka sedar bahawa rasuah yang berleluasa dalam UMNO ini akan menghancurkan parti, dan merosakkan masa depan orang Melayu dan negara Malaysia tetapi mereka masih berharap apabila mereka sudah tidak jadi Ketua Bahagian, tidak jadi ahli atau memegang jawatan dalam Majlis Tertinggi, apabila mereka tidak lagi jadi Menteri atau Timbalan Menteri, mereka mungkin diberi suguhati dengan dilantik sebagai Senator dan melalui saluran ini mungkin dapat jadi Menteri lagi, atau dapat jadi pengerusi syarikat GLC, atau jadi penasihat berpangkat Menteri kepada PM atau pengerusi badan-badan lain, atau dijadikan duta dan lain-lain, semuanya dengan elaun-elaun yang lumayan juga.
7. Oleh kerana harapan ini mereka sanggup melihat rasuah berleluasa dalam UMNO, melihat UMNO hancur, melihat orang Melayu diperhambakan, menjadi golongan yang miskin dan tidak berkuasa dalam negara, merosakkan negara. Tidak ada seorang pun daripada mereka, daripada Timbalan Presiden sehingga ke ketua cawangan, yang akan sanggup mendedah secara jelas, mengeluarkan 'statutory declaration' berkenaan rasuah yang akan menghancurkan UMNO dan menghakis apa sedikit daripada kuasa orang Melayu di negara ini yang masih ada.
8. Mereka ini berharap orang luar daripada UMNO, NGO (Badan bukan Kerajaan) Melayu akan menyelamatkan UMNO supaya mereka yang tersingkir akan dapat kembali jawatan-jawatan mereka.
9. Semua ini berlaku kerana presiden UMNO membenarkan ianya berlaku. Sebagai Perdana Menteri beliau dipercayai akan menyelamatkan mereka yang terlibat dengan mengguna rasuah untuk mendapat tempat dalam kepimpinan UMNO daripada apa-apa tindakan jika laporan dibuat kepada Jawatan Kuasa Disiplin Parti atau Badan Pencegah Rasuah.
10. Perjuangan 62 tahun UMNO akan menjadi sia-sia kerana UMNO sudah dilanda gejala rasuah dan

tidak lagi dapat perjuangkan tujuan-tujuan yang UMNO ditubuh. Perjuangan pemimpin dan ahli UMNO sekarang tertumpu kepada mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Kerana semua mereka sudah terlibat dengan rasuah, samada memberi atau menerima, tiada ada siapa yang ingin bertindak memberhentikan jenayah ini.

11. Inilah keadaan dalam UMNO sekarang.

12. Malangnya yang boleh bertindak hanyalah ahli UMNO.

13. Saya tidak fikir ada dalam UMNO orang yang mampu bertindak. Masing-masing hanya utamakan kepentingan diri. Apa yang akan jadi pada kaum bangsanya tidak mengapa asalkan diri sendiri mendapat sesuatu.

14. Hari ini UMNO belum hancur lagi tetapi ia jelas sudah lemah. Dengan tahap kelemahan ini sahaja pun orang Melayu sudah berada dalam keadaan kelam kelibut, berpecah dan terdedah pada macam-macam serangan terhadap maruah bangsa dan agama yang mereka tidak berupaya mempertahankan.

15. Percayalah, apabila orang Melayu begitu mudah menjual hak mengundi mereka, akhirnya mereka akan terima padahnya; mereka akan hilang apa juga kuasa yang sedikit yang ada pada mereka untuk menyelamatkan kaum bangsa mereka. Mereka akan kembali menjadi hamba orang, mempertahankan orang. Mereka akan jadi seperti orang Melayu Singapura yang sudah jadi kaum minoriti yang termiskin di pulau yang sebenarnya sebahagian dari Tanah Melayu dahulu. Inilah nasib yang menunggu orang Melayu.

#### 401 Comments

By apanamaAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:09 PM

Rasuah dalam Umno kini amat berleluasa bukan kerana ahli Umno menjadi 'corrupt' secara tiba-tiba tetapi kerana amalan ini i-pupuk dari peringkat tertinggi.

Presiden yang berlagak seperti pemilik mutlak parti adalah punca segala-galanya.

He not only has no control over anything but is also actively involved in political corruption of the highest order.

By MFR-Fakhrul on August 19, 2008 6:16 PM

i dont mind if i sound stupid but i want to say that u are the BESTEST leader that ever walk on the earth... i love u Tun.. may God bless u, ur equally charismatic wife and family...

By apanamaAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:17 PM

This is the cycle which seems to be 'vehicle' Umno is riding at the moment.

Alexander Fraser Tytler's quotes below, while making real sense is also kind of scary. What will the future of this beloved nation of ours be if Abdullah Ahmad Badawi continues to be blind, deaf and dumb?

"From bondage to spiritual faith; From spiritual faith to great courage; From courage to liberty; From liberty to abundance; From abundance to complacency; From complacency to apathy; From apathy to dependence; From dependence back into bondage."

Are we heading towards bondage, again after slightly more than just 50 years?

By MFR-Fakhrul on August 19, 2008 6:18 PM

i dont mind if i sound stupid but i want to say that u are the BESTEST leader that ever walk on the earth... i love u Tun.. may God bless u, ur equally charismatic wife and family...

By joehoneyAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:19 PM

Salam buat Tun serta Keluarga,

Istilah rasuah ne terlalu luas la Tun. Belanja sikit2 kat kawan2 pun tak kan rasuah namanya. Tak kan cuma pakai air liur aja kalau nak jadi pemimpin?

Istilah yang paling mudah adalah LIWAT. Semua orang tau, tapi ada juga yang betul2 tak tau. Hehehe.....

Hidup Tun!  
By KulimHiTech on August 19, 2008 6:22 PM

Salam Tun

Org2 melayu la ni tak tau nak turn pi mana. Umno dah jadi kalam kelibut lagu tu..Nak sokong pembangkang lagi tak guna...pemimpin depa pun nak gadai maruah bangsa..mengarut!

Love to read your blog.  
By mattradin on August 19, 2008 6:24 PM

SALAM to U SIR!!

WAKE UP PEOPLE- !!  
NO MORE MISTAKE....PLEASE WAKE UP!!  
THE TIME IS NOW!!!!

SIR i thank u !!!  
SALAM...  
By Nobita on August 19, 2008 6:28 PM

Semua ni salah Tun sendiri.  
22 tahun berkuasa dan Tun tak tahu saipa yang sepatutnya jadi pengganti. Ini tak masuk akal. 22 tahun tu lama.  
Kami akan tetap menyalahkan Tun. Ingat lah tu. Kami akan tetap ingat siapa yang memilih PM sekarang ini. Tun lah orang nya.  
By Mohamed IsmailAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:29 PM

Dear TDM yang dikasihi,

Walaupun saya bukan seorang ahli UMNO tapi saya rasa terkilan dengan apa yang sedang berlaku sekarang. Jelas terang tang tang yang berada di atas iaitu Paklah sendiri mengajar yang bawah-bawah tentang rasuah dengan mempraktikkannya bukan menanganinya untuk masa depan negara.

Saya dapat rasakan dengan kenaikan Anwar Ibrahim akan membuatkan kaum bukan Melayu makin berani bersuara dan sesungguhnya jika benar Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri yang seterusnya, sudah tentu mereka akan lagi lantang berkata-kata.

Rupanya mudah untuk menjatuhkan orang Melayu walaupun sudah 50 tahun merdeka....

Mudah.... Mudah...  
By SYAMiLLiON on August 19, 2008 6:34 PM

corupted leader nowadays not afraid of pak lah...  
By mesiaboleh on August 19, 2008 6:36 PM

Salam Tun,

Semoga sihat sejahtera.

Rasuah yang amat berleluasa pada masa kini memang semakin teruk.

Negara kita Malaysia akan parah dari segi ekonomi jika perkara ini tidak dibanteras. Semoga Tun dapat terus menulis di blog ini dgn idea2 yang bernas

By JobsBroadway.comAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:37 PM

Tun,

You are still a very powerful person. Respect.

JobsBroadway.com - Malaysia Fastest Growing Jobsite

By Mamak Nyanyok on August 19, 2008 6:40 PM

Tun:

Gejala rasuah itu biasalah bagi Umno , bukan sahaja Umno bahkan banyak anggota kerajaan juga rasuah,

Kalau tak silap saya Tun juga marah marah tentang rasuah, ini membuktikan sejak zaman pemerintahan Tun juga kuat rahsua, cuma Tun yang pandai pandai lepas makan tutup mulut tak nampak clear saja, antaranya orang menggelarkan Tun sebagai Mr 10 % ....

cuba lihat video clip ini, jelas nampak segala rahsia Umno

<http://www.youtube.com/user/antimamak>

By hapib0yAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:40 PM

dear Tun Mahathir,

i hope that you could proceed with something more than giving info here. thanks

regards,

TAN

By chongtam on August 19, 2008 6:41 PM

Tun TDM

Betul Tu Tun Betul Tu....

Selamatkan malaysia Tun

Selamatkan lah Tun...

TQ

By millionaire on August 19, 2008 6:41 PM

My Dearest Tun,

Fighting the british for MERDEKA was not this hard but fighting against corruption is a mountain of a task. Malays divided is not good for all the races and harmony of this country. Maybe people forgot FIJI.

God Bless You Tun and Your Family.

Thank You.

By ProudlyMalaysian on August 19, 2008 6:41 PM

It's very disheartening to look at such an important party in Malaysia fall in this state. I hope this can be rectified soon for the good of Malaysia

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:41 PM

Dearest Tun, u know this.

Then do something.

Takkan Tun hanya bercakap sahaja.  
Tun mampu.  
Kami dalam ketakutan.  
Tolonglah.

By foo on August 19, 2008 6:42 PM

Dah lama dah... banyak sgt dah..  
By thaiso on August 19, 2008 6:43 PM

Assalamualaikum Tun.

Pesan Luqman Nur Hakim kepada anaknya. Jika takde orang yang layak untuk dijadikan orang perantaraan, sebaik-baiknya biar diri kamu sendirilah menjadi orangnya.

Kalau ada umur yang panjang dan peluang yang mendatang mana tahu saya pulak jadi PM Malaysia. Walaupun saya tidak sehebat Tun.

Terima kasih Tun.  
By Zulmd on August 19, 2008 6:50 PM

Assallammualaikum,  
YABhg. Tun Dr. Mahathir sekeluarga. Smuga sentiasa sehat walafiat.

Rasuah dalam UMNO bukan baru. Setiap kali ada pemilihan MT/Bhg/Caw. pasti rasuah akan menular.. Dari Perlis sampai Sabah dan Balek ke Johor hingga Kelantan.. Semua sama jer.. Pada perwakilan ini bukan rasuah tapi suguhati untuk mereka TUAL.. 3 tahun sekali.. Perwakilan UMNO peduli apa akan jadi asalkan mereka dapat imbuhan bila saja nama sah sebagai perwakilan cawangan ke bahagian dan perwakilan bahagian ke Dewan Merdeka.. Mereka betul betul merdeka dengan ribuan duit rasuah dalam kocek baju Melayu.. Duit di hantar ke bilik tidur perwakilan setiap tahun.. MEMANG MELAYU MUDAH LUPA..

Saya akui KEBENARAN AKAN APA YANG TUN NYATAKAN..

Tapi siapa lah kita nak mengadu.. bukan kita yang di rasuahkan.. mengadu pun kita dianggap akan merosakkan parti. Ahli UMNO dilarang membuat laporan polis akan kes rasuah politik.. Umpama satu kes yang berlaku pada tahun 2000.. bila seorang setiausaha politik di tuduh rasuah politik wang.. Macam mana nak dikenakan beliau tuduhan politik wang? Kerana dah memang jawatan politik dia SETIAUSAHA POLITIK MENTERI !! Dalam sejarah politik Malaysia HANYA seorang sahaja SETIAUSAHA POLITIK yang pernah dituduh bersalah dari segi undang undang negara TAPI bukan kes politik. Tetapi kes 'espionage' kerana menjual rahsia kerajaan Malaysia kepada kuasa besar ketika itu. Itu pun Setiausaha Politik kepada YABhg. Tun, ketika Tun sebagai TPM dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

sekarang dunia Melayu khianat Melayu ..ada jer nak dikongsi ramai..  
Kemana menghilang nya menteri de-facto undang2 ZAID 'BAR' IBRAHIM ya Tun..

Saya sekeluarga doakan agar TUN sekeluarga sehat dan ceria selalu.  
SELAMAT MENYAMBUT BULAN RAMADHAN.  
Wassallammualaikum.  
By keris pusaka on August 19, 2008 6:55 PM

salam buat tun..

setiap pertuduhan rasuah di negara ini bila melibatkan jerung-jerung besar amat sukar dibuktikan tapi

kalau ikan-ikan bilis yang merasuah pasti akan terjatut atau jadi kambing hitam.. sesungguhnya rasuah di malaysia sudah semakin kritikal melibatkan banyak pegawai kerajaan hinggalah peniaga seperti saya pun tak mungkin dapat kalau tak merasuah orang - orang tertentu atas dasar entertainment atau untuk tabung politik.. ia telah terlalu lama berlaku hingga jadi trend yang tak mungkin dapat dikawal.. hatta jika pas sekalipun memerintah.. rasuah ini akan tetap menjadi budaya kita.. moga allah ampunkan dosa pemimpin-pemimpin ku yang tahu budaya ini tapi tak berbuat apa2..

semoga tu sihat selalu

By telagiAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:56 PM

Salam sejahtera Tun,

Dengan tidak mengurangkan rasa hormat saya kepada Tun,ingin saya bertanya kepada Tun satu soalan :

Dengan pendedahan ini semua,orang orang Melayu semakin risau dan celaru.Sebagai rakyat biasa yang hanya memegang undi,tiada apa apa lagi yang boleh kami lakukan,hanya melepaskan perasaan di dalam blog.Apakah ikhtiar Tun untuk mengatasi segala masalah yang Tun telah utarakan?

Apakah Tun juga melepaskan perasaan seperti kami yang tidak mempunyai apa apa ini?Tun masih mempunyai suara,banyak cabang untuk Tun melepaskan perasaan Tun demi memperbaiki apa yang telah Tun nukilkan.Tun memang dilahirkan sebagai pemimpin rakyat,hanya mati yang menoktahkan kepimpinan.Insyallah kami akan menyokong Tun.

Tun,sampai kemanakah bicara tanpa usaha?

Salam hormat dari saya.

<http://telagi.blogspot.com>

By Suqizam 'EsQ' Ibrahim on August 19, 2008 6:57 PM

Salam Tun & Tun

Itu la pasal saya tidak langsung lagi melihat UMNO walaupun sebelah mata...terlalu memalukan golongan yang ada dalam umno kini....

Apa nak jadi dengan kami yang dulunya ahli umno???

Sokong PKR????Gila lagi...

Sokong PAS.....maybe...looks like the worst considered option...

Sokong DAP.....nak mampus...tapi apa salahnya. I know a lot of my chinese frens...they are as good as(or better) us and give us no harm...in fact when they work they are more focus & sharp....Why not then???

By azizi zabidi on August 19, 2008 6:58 PM

saya sokong Tun..'Melayu Mudah Lupa"

By Sheikh on August 19, 2008 6:59 PM

Tun,

Kononnya melayu dah kaya sekarang jadi macam enau dalam belukar yang melepaskan pucuk masing masing.

Kononnya UMNO di buat macam mana pun tetap kekal untuk di hisap darahnya oleh ahli ahli akan datang.

Jadi ambil apa yang boleh sementara 'ada masa'.

Zaman sekarang, ada orang tidak sayang anak sendiri. Inikan pula bangsa lagi lah jauh.

Jadi kiranya UMNO dah mati. Dah di padang masyar. Masing masing kesana kemari tanpa tujuan.

Persatuan tidak wujud lagi.

UMNO pun sudah sakit masih ramai yang bermimpi boleh buat duit kalau berpangkat. Mata pembangkang yang sudah semakin besar tidak akan berdiam diri.

Atau masing masing berlumba untuk kepenjara.

Bukan mereka mahu perbaiki malah tenatkan lagi.

Ini lah kejahilan sebahagian yang berpangkat tinggi dalam UMNO kerana kurang ugama. Lebih teruk dari rakyat biasa. Sebab itu PAS hentam mereka semacam jer. Walaupun PAS pula berfikiran kolot walaupun berkelulusan tinggi.

Jadi mereka ini ekstrem di kedua hujung.

By tengkolok on August 19, 2008 7:00 PM

Rasuah dalam UMNO bukanlah sesuatu yang baru. Ia telah lama berlaku sejak zaman Tun dulu lagi. Jadi, tak perlulah terperanjat seolah-olah ianya hanya baru berlaku. Kini nasi telah menjadi bubur....

By iswara on August 19, 2008 7:01 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya masih lagi ahli UMNO,harap akan ada perubahan menjadikan UMNO kembali maca zaman Tun menjadi PM dahulu...

Salute pada atas keputusan Dato'Seri Adnan Yaakob atas keputusan beliau itu.....

By Reb@kAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:02 PM

Yes, indeed, this is what happen in UMNO right now, At my place "Ketua PEMUDA" seems has been paid to challenge "Ketua Bahagian" bribe with a lot of money,to all Ketua Cawangan, only certain refuse to take this bribery tsunami, let us pray to God, punishment will wait for them, definetely!!! Amin

<http://pasiralus.blogspot.com>

By panjihitam on August 19, 2008 7:04 PM

Baguslah Tun. Adalah lebih baik negara tercinta ini ditadbir oleh DAP yang bukan melayu. Biar mereka berkuasa yang merosakannya pun orang-orang Umno. Ini semua sementara akhirat jua lah tempat selama-lamanya. Semua ahli umno teruskan dengan sikap kamu yang tamak sangat duit yang tak seberapa sebelum terlambat tak lama lagi pemerintahan baru. Kita yang dibawah bermati-matian mempertahankan orang atas tapi sudahnya rasuah, gila kuasa dan macam2 lagi dah naik bosan. Saya orang Johor dah muak dengan Umno yang tak sedar diri. Supaya berkuburlah cepat lagi baik buat sakit hati. Kita seperti menyalak bukit, baik lupakan mereka sahaja. Kalau Tun sendiri tak boleh lakukan apa-apa apatah lagi kita semua. Duduk Diam sahaja.

By abu syafiqAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:05 PM

Assalamu'alaikum. Betullah kenyataan Dr.Mahathir. Saya sokong 100%. Dr. lebih faham pasal parah tak parah nie. Patutlah Dr nie dpt tittle Dr, tahu mana yg dah teruk mana yg ok. Hidup che det!  
Wassalam.

Ustaz Abu Syafiq

[www.abu-syafiq.blogspot.com](http://www.abu-syafiq.blogspot.com)

By azizi zabidi on August 19, 2008 7:06 PM

Selamatkan Malaysia Kita..

By michael on August 19, 2008 7:07 PM

tun,

pls fight corruption to the end,just like how u fight for the country last time....we dont want abdullah or anwar to be pm.....

By azliAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:07 PM

Aslkm YBhg TUN,

Di dlm sistem yg ada dlm UMNO skrang, nampaknya saya yang telah menjadi ahli setia UMNO sejak 32thn yang lalu tiada dapat berbuat apa2 untuk membetulkan keadaan parah di dlm UMNO skrang. Kalau dah merasuah dlm mendapatkan jawatan dari ketua cawangan, ketua bahagian, MKT seterusnya jawatan presiden dan timb presiden, apalah hak kami untuk bersuara untuk membetulkan keadaan. Apatah lagi untuk berjuang mempertahankan hak bangsa melalui UMNO...

UMNO sedang meniti jalan kehancuran....

Kalau beginilah keadaannya TUN, boleh tak TUN beri cadangan untuk menyelamatkan parti keramat UMNO ini agar si penghancur bangsa yang berada di atas tu dapat di singkirkan menjelang perhimpunan UMNO akan datang..

Tolong ya TUN beri cadangan sbb kita ni banyak bercakap soal orang ni tak betul, orang tertentu merasualah dsb nya.

By pak abuAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:07 PM

assalamualaikum YAB Tun.

Rasuah ini dah lama menjalar dalam UMNO..zaman Tun sendiri lagi pun dah ada..peringatan demi peringatan telah di beri...namum tak nampak solusinya..masih berluasa dan semacam tak terdaya ahli ahli nak membendungnya...

Dah takdir orang Melayu AKAN jadi bangsa yang merempat di tanah air sendiri?

semua kerana sudah di tanam dalam lubuk hati orang Melayu yg jadi ahli umno,SEKIRANYA nak kaya, nak berharta -rebut jawatan jadi ketua pemuda ,ketua cawangan, jadi ajk bahagian , jadi naib ketua bahagian ,jadi timbalan Ketua bahagia dan jadi ketua bahagian...

PASAL APA DI PANGGIL BAHAGIAN, ATAU KETUA BAHAGIAN? KERANA mereka AKAN DAPAT BAHAGIAN NANTI...

ini musim pemilihan...baru baru ini saya kebetulan pergi Termeluh tenguk saudara sakit, waktu malamnya singgah kat kedai makan Thai...wah penuh dgn orang politik sedang berkempen rupanya...Yang datang tu sudah tentu dari cawangan dari kampung kampung...kalau tak musim kampen tak ada pula orang orang ni nak ajak member member dari kampung tu datang makan...

By Zubli ZainordinAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:07 PM

Tun Dr Mahathir Mohamad,

Saya sudah lama tidak komen, di sini sebab tidak dapat sign in.

Kini baru dapat, lega...

InsyaAllah, aktif kembali di sini.

By Seman Kilat on August 19, 2008 7:09 PM

Assalamu alaikum Tun,



Datuk Seri Adnan pernah berbuat kebaikan kepada saya di tahun 2007 di hospital Tawakkal dan tanpa pengetahuan orang yang disekeliling kami. Itu kejujuran dan ikhlas pada saya.

Sesungguhnya ramai yang perihatin akan diri Tun dan tulisan-tulisan Tun.

Molek juga Tun rakamkan buah-buah fikiran Tun dalam bentuk buku-buku dengan tajuk-tajuk khusus supaya generasi kami dan generasi akan datang dapat mengambil kebaikan darinya.

Wassalam Tun dan keluarga.

By langsuyor on August 19, 2008 7:09 PM

Salam Tun,

Teruknya Umno. Untung saya tidak pernah menjadi ahli Umno.....

By ajmAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:10 PM

salam TUN,

Bukan perkara baru lagi dlm UMNO, dari atas kebawah semua mahu habuan. maruah bangsa tak mustahak lagi.

Kami melayu yg diatas pagar ini tak tahu nak sokong mana lagi. Kami tak mahu Anwar Pembelot, kami juga tak mahu Paklah Pemusnah bangsa.

Kami tiada pilihan lagi, Pas pun dah bersekongkol dgn DAP.

TUN apa lagi yg kami boleh bergantung, maruah dicabar, agama pun dicabar, ekonomi di monopoli.

Kami tidak hairan jika ini berterusan negara akan jadi huru-hara.

BUMI DIPIJAK MILIK ORANG. MENANG SOROK NEGARA TERGADAI.

Perjalanan memang jauh kerana kita kena mula semula.

Selamat sejahtera TUN.

By Roy on August 19, 2008 7:12 PM

Amat menyedihkan. Ramai yang sayangkan UMNO tapi sekarang dah jadi meluat sangat. Jika ada pilihanraya sekarang, UMNO akan kalah di semua negeri kecuali Johor mungkin. Harap-harap nasib orang Melayu dapat dipertahankan oleh parti Melayu yang lain. Bekas ahli UMNO mungkin masih tidak dapat mempercayai PKR dan DSAI. Saya rasa, ramai akan menyokong PAS nanti.

UMNO dah habis dah Tun. Nak buat macam mana. Kebanyakan ahli dan pemimpin UMNO sekarang dah tak sayangkan orang Melayu. Mereka berjuang untuk wang-ringgit sahaja.

By peejoo on August 19, 2008 7:12 PM

Salam Tun,

Terlalu ramai yang pentingkan kepentingan diri sendiri tanpa batas AGAMA.... alaskan kekayaan, pangkat etc menyebelahi mereka....

By sktan on August 19, 2008 7:12 PM

Salam Ayahanda Tun,

Comment Dan Alasan alasan Tun TEPAT SEKALI.

Demi kepentingan diri, Ketua2 UMNO rela MENGHANCURKAN NEGARA, mahu pun UMNO.

Pada pendapat saya, TAKNAT dah dekat, jika sekiranya perbuatan yang khianat ini diteruskan. Apakah akan terjadi pada Negara kami.

Saya dengan ini MERAYU KEPADA AHLI2 UMNO SUPAYA KEBIJAKSANAAN Mereka, jangan di perdaya oleh kolongang2 yang tertentu.

Semoga ALLAH selalu Melindungi Ayahanda.  
By Warisan on August 19, 2008 7:14 PM

Salam.

Sehingga tahun 2003 sudah selama hampir 18 tahun saya hidup sebagai rakyat Malaysia, Perdana Menteri yang pernah saya rasa dibawah naungannya cuma seorang, iaitu Tun sendiri. Saya amat mengagumi Tun sebagai icon orang Melayu yang cemerlang. Tak ubah juga saya amat menghormati Tun sebagai icon penggerak bangsa saya, melalui parti UMNO yang telah byk berjasa kepada bangsa Melayu sejak penubuhannya.

Tun yang lantang, yang sentiasa menjurus kepada pembangunan, kualiti dan professionalism negara Malaysia dan sebagai juga pemimpin terulung UMNO, Tun tak serik-serik mengingati kami tentang perjuangan bangsa, dimana kita mesti selalu berusaha gigih menjadi Melayu moden yang cerdas pintar dari segala hal demi memartabatkan bangsa kita yang masih membangun dan suka leka ini.

Dengan Tun sebagai penggerak UMNO yang sgt progresif, saya selalu memandang UMNO sebagai pertubuhan orang Melayu yang sangat saya hormati, yang telah byk membantu orang Melayu sejak sebelum merdeka, membantu ahli keluarga saya, kawan-kawan, jiran-jiran, dan rakan Melayu yang memerlukan bantuan supaya segera bangun.

Tak lupa juga mengingatkan atas usaha kerajaan UMNO dan Barisan Nasional yang byk berjasa mempertahankan hak orang Melayu, di atas nama membantu mereka yang masih memerlukan pertolongan selepas efek penjajah yang memecahbelah status sosioekonomi di negara ini, saya amat bersyukur kepada terutama kepada UMNO yang secara tak lansung menjaga keluarga saya, ibu bapa saya cukup makan bahagia, dan perkara ini bertambah baik tahun demi tahun.

Apabila Tun melepas jawatan sebagai Perdana Menteri, saya bersama jutaan rakyat Malaysia yang lain turut berasa sebak dan terharu. Walau bagaimanapun saya akur, waktunya pasti akan tiba untuk seseorang yang baru memimping Malaysia ke arah kecemerlangan sejagat. Apabila Pak Lah terpilih sebagai pengganti Tun, saya optimis, berharap pejuang Melayu yang baru akan kelak menyerlah membela bangsa dan negara.

Selepas tahun demi tahun di penggal pertama Pak Lah sebagai PM, byk hal yg saya kurang setuju dengan beliau sebagai pemimpin negara Malaysia dan bangsa Melayu. Ramai-ramai kawan mula memberitahu saya dimana mereka tak selalu tak setuju dengan apa dia lakukan, tak seperti Tun kata mereka.

Pak Lah nampak agak slow, tapi macam ada agenda tersembunyi disebalik apa dia lakukan. Sebagai rakyat yang baik, saya selalu ingatkan diri saya, "Give him a chance. This is just his first penggal as our PM, its not fair to directly compare him from what our great Tun did". Mungkin Pak Lah lain-lain cara, tapi matlamat satu, perjuangan bangsa Melayu dan Malaysia.

Walaubagaimanapun, bila masuk ke penggal kedua Pak Lah sebagai PM, saya makin tidak setuju dengan cara beliau sebagai penggerak bangsa. Bukan saja pada pendapat saya kurang berkesan dan tidak ada perubahan. Jangan katakan perubahan bangsa, malah perubahan-perubahan baik yang cuba dilakukan oleh Tun dan menjadi tanggungjawab beliau untuk meneruskan tanggungjawab tersebut (seperti projek jambatan bengkok) pun dihentikan.

Beliau tidak konsisten dengan apa yang beliau ucapkan. Kami sebagai rakyat merasa tertipu dan diperbodohkan. Desas desus beliau cuba mengaut keuntungan sendiri dan keluarga menambahkan lagi rasa curiga tak tidak percaya kepada kepimpinan Pak Lah.

Oleh sebab itu tak hairanlah saya jutaan orang Melayu begitu marah dan memilih untuk tidak mengundi Barisan walaupun mereka sebenarnya tidak menyokong parti pembangkang.

Saya berpendapat mungkin Pak Lah akan sedar akan apa yang beliau telah lakukan. Kerosakan pada parti UMNO, kerosakan pada perpaduan orang Melayu itu sendiri. Tetapi ternyata walaupun beliau jelas rakyat menolaknya sebagai pemimpin, beliau tetap mahu meneruskan usaha mempromosi perpecahan dalam bangsa kita. Saya amat kecewa dengan hal ini.

Saya melihat perpecahan orang Melayu itu semakin kronik. Byk yang tereksplotasi oleh matlamat selffish pembangkang. Sangat sedih apabila saya lihat orang Melayu bersorak Horray apabila pulang dari mengundi DAP.

Sebagai orang Melayu, saya byk terhutang budi pada UMNO, dan saya sentiasa mendukung matlamat UMNO dan matlamat pemimpin UMNO terdahulu dalam memaksimumkan kemajuan bangsa kita. Saya berpendapat UMNO itu jernih, cuma tindakan orang sekarang yang cuba mengeruhkan perjuangannya.

Semakin ramai yang cemuhkan UMNO masa demi masa. Ramai yang terlalu kecewa dengan sikap pemimpin Melayu UMNO sekarang semakin terpesong dan bulat-bulat menyalahkan UMNO walaupun yang sebenar mereka tidak setuju adalah dengan pemimpin UMNO sekarang iaitu Pak Lah. Saya lebih bersedih apabila Tun sendiri yang kecewa dengan Pak Lah mengambil keputusan untuk keluar UMNO walaupun saya tahu Tun akan tetap sayangkan UMNO sebagai parti orang Melayu yang terulung.

Atas sebab ini, saya terpanggil untuk menyertai UMNO. Saya sayangkan bangsa ini. Saya mahu perjuangan murni UMNO memartabatkan bangsa diteruskan. UMNO sudah banyak berjasa pada saya, keluarga saya, dan bangsa saya.

Secara peribadi saya berpendapat tidak tetap untuk kita pada hari ini yang kecewa dengan Pak Lah untuk menyalahkan UMNO, parti Melayu yang byk berjasa pada kita. Ya saya mengaku ramai kalangan pemimpin UMNO sekarang sakit dan mungkin lupa perjuangan sebenar selepas sudah 50 tahun merdeka, lupa mereka masih ada tanggungjawab terhadap orang Melayu secara keseluruhan, bukan sekadar menjadi pemimpin yang menolong mengagihkan harta semata-mata.

Tetapi sebagai seorang Melayu yang sayangkan bangsa, yang sayangkan UMNO yang sudah sekian lama secara tak lansung membantu kita sampai dimana kita berada pada hari ini, membantu untuk sentiasa memelihara hak kita, kesejahteraan dan makan minum kita dan nenek moyang kita selama ini, sangat tidak adik apabila UMNO cuba dirosakkan oleh individu yang tidak bertanggungjawab, kita keluar dari UMNO dan melihat ia rosak dari jauh.

Mungkin juga saya selalu cuba sematkan didada sebagai seorang pelajar perubatan, kita tidak boleh meninggalkan orang sakit untuk terus tenat dan kemudiannya mungkin meninggal, atau mengharap doktor lain datang membantu orang sakit tersebut sedang kita lihat dari jauh. Saya berpendapat bila sesuatu sedang sakit, kita jika sayang, akan tetap berusaha 'mengubati'nya.

Kini saya tak serik-serik selalu mengajak kawan-kawan untuk kita dari bawah cuba untuk 'mengubati' hal ini. Jgn sebab tak suka Pak Lah, kita nak buang parti org Melayu dan banyak berjasa pada kita, saya cakap, "Pak Lah bukan UMNO". Apa yang lebih penting pada saya adalah perpaduan orang Melayu itu sendiri. Pepecahan yang boleh kita lihat sekarang antara orang Melayu itu sendiri amat menyedihkan.

Saya yakin masih ramai pemimpin diatas sana yang masih up to perjuangan UMNO yang sebenar. Lawanlah perkara yang tak benar dan zalim. Lawanlah dan dakwalah orang yang rasuah dan cuba menghancurkan UMNO.

Sebelum terlambat, jangan biar keadaan seperti dalam lagu Warisan,

"..tergadai seluruh harta benda, akibat sengketa, sesamalah kita, bumi dipijak milik orang."

Pemimpin Kelab UMNO Luar Negara.

By Mozafar on August 19, 2008 7:16 PM

Salam Tun.

Saya pun turut simpati ke atas bala yang akan menimpa orang Melayu khususnya tentang gejala rasuah yang melanda UMNO. Sebenarnya Tun, masalah rasuah ini telah wujud sejak Tun masih Presiden lagi bila team wawasan yang dikepalai Anuar, najib, muhyidin, mat tyson dll meraih kemenangan besar dalam pemilihan pucuk pimpinan masa tu.

Semasa pemilihan tersebut setiap perwakilan ke perhimpunan agong masa tu telah kembali ketempat masing2 dengan membawa pulang wang tunai sehingga mencecah puluhan ke ratusan ribu ringgit setiap seorang.

Wah, memang sungguh mewah. Bahkan ramai pulang dan terus gunakan wang tersebut untuk deposit beli kereta baru. Setiap seorang ahli akan berasa bernasib baik jika dapat jadi perwakilan pada setiap pemilihan MT. Jika Tun sebagai Presiden pun gagal mengekang amalan ini apakan lagi pak lah lidut ini diharapkan untuk hapuskan rasuah. Jadi tak hairanlah jika sehingga hari ini rasuah payah dan sukar untuk dibenteras.

Saya berpendapat memang mustahil untuk hapuskan rasuah dalam UMNO terkecuali UMNO ditewaskan dan tidak lagi memerintah negara. Bila UMNO hancur dan tidak jadi kerajaan barulah orang Melayu akan sedar. Orang Melayu sikapnya dari dulu memang macam begitu, " dah terantuk baru terngadah ".

Nampaknya orang Melayu kenalah bersedia dari sekarang untuk mencari parti alternatif lain jika nak teruskan perjuangan Melayu & Islam.

By ejun on August 19, 2008 7:18 PM

YBhg Tun,

Always support u

By lampu basikal on August 19, 2008 7:21 PM

Assalamualaikum Tun'

Memang benar 100% yang di perkatakan Tun, UMNO memang sudah lemah akibat gejala rasuah dan ini akan menjadi titik hitam dalam sejarah politik Melayu. Saya berharap Tun dapat mendedahkan semua gejala rasuah politik untuk tatapan orang Melayu. Semoga segala usaha Tun diberkati Allah dan dapat menyedarkan pemimpin Melayu yang di atas sana betapa perik nya kehidupan bila kuasa telah tiada di tangan orang Melayu.

Sekian wasalam, semoga Tun sekeluarga dan juga warga chedet.com didalam peliharaan Allah.

Wallahualam.....Hidup Tun Dr Mahathir

By wakmes on August 19, 2008 7:22 PM

Assalamualaikum TDM.

Ya Allah selamatkanlah kami. Amin...

Wassalam.

By suraksakhAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:22 PM

Sudah menjadi hukum alam, keadilan memang wujud di dunia. Dulu UMNO berkuasa dan apabila berkuasa akan berlakulah salahguna kuasa. Sekiranya UMNO tidak hancur maka negara kita lah yang akan hancur. Memang patut UMNO hancur kerana sebelum ini UMNO cuba untuk menghancurkan kaum-kaum lain. Ahli dan pemimpin UMNO sudah tidak boleh berubah lagi, kerana ianya telah menjadi satu tradisi, masing-masing mementingkan diri-sendiri, kalau tidak orang lain akan mengambil kesempatan. Kesedaran tentang bahayanya rasuah tidak difahami oleh mereka. Inilah kelemahan orang Melayu.

By normal citizen on August 19, 2008 7:23 PM

Dear Tun,

Doomsday for UMNO for its rampant corruption.

He will win in Permatang Pauh and back to Parliament. Then easily persuade the members to crossover and table a vote of no-confidence towards the weak PM in the Parliament.

As we can see now the PM strategy is trying to stop him back to Parliament no matter what with the recent DNA Bill tabled for reading and etc.

We can expect more drama after 26 Aug.

By hansz on August 19, 2008 7:24 PM

Assalamualaikum....

Semoga Tun berdua sihat-sihat saja Hendak-Nya....

saya ada antara ribuan peminat tetap blog Tun...

bagi saya Tun adalah pemimpin yang terbaik negara kita lahirkan...

dan tak mungkin akan ada pengganti yang mampu mentadbir negara...

sebagaimana yang Tun telah lakukan...

walaupun beribu tahun akan datang,walaupun berapa banyak sekalipun pemimpin bersilih ganti...

Tun tetap yang terbaik dan tak akan adaandingannya....

salam kemerdekaan ke - 51 dan selamat menyambut Ramadhan Al-mubarak..

wasalam...

By Terima Kasih TUNAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:29 PM

Salam Tun, Yer Tun saya sedar nasib orang melayu akan bertambah teruk selepas ini. Kita dianggap perkauman bila mempertahankan kedudukan kita. Kita sudah tidak ada maruah lagi, melayu boleh melihat bangsanya diperlekehkan dan kedudukan serta hak mereka dirampas. Saya berasa sedih Tun, saya menjangkakan sesuatu yang buruk akan dihadapi oleh bangsa syang saya sangat cintai. Saya tidak tahu bolehkah saya tinggal di negara Malaysia ini pada hari mendatang. Perjalanan Hidup saya masih panjang, umur saya baru 18 tahun. BAGAIMANAKAH NASIB ANAK-ANAK BANGSA SAYA YANG AKAN DATANG???

Terima Kasih TUN

By chemel on August 19, 2008 7:33 PM

Tun...sila kembali ke arena...

By Terima Kasih TUNAuthor Profile Page on August 19, 2008 7:33 PM

Tun, saya Berasa amat sedih dan terluka apabila Tun mengatakan TUN akan tinggal diluar negara jika DSAI menjadi PM. Saya juga tidak mahu lagi tinggal di negara ini jika ianya berlaku. Saya merasakan ini bukan negara saya jika TUN keluar dari Malaysia kerana Tun dan pemimpin serta pejuang terdahulu

yang telah bersusah payah membangunkan bangsa ini akan hancur. SAYA TIDAK DAPAT MENERRIMANYA!!!

By H E L M I A S Y R A F Author Profile Page on August 19, 2008 7:37 PM

Kadand-kadang saya sedih tengok orang melayu ni....  
Rosak parti bangsa melayu- UMNO disebabkan ahli tu sendiri....

Wahai bangsaku....  
Sedarah....Jangan takut menghadapi kegagalan....  
Kegagalan akan pasti disusuri dengan kejayaan....

The road of life twists and turns and no two directions are ever the same. Yet our lessons come from the Journey, Not the Destination-Don Williams Jr

Jangan la samapi menggadai maruah untuk berjaya...  
Walau kita berjaya dengannya....esok atau lusa tidak pasti lagi kesudahannya....

I would love to quote something from Will Smith' marvelous movie – Pursuit of HappYness:

Can I say something? Um, I'm the type of person that if you ask me a question and I don't know the answer, I'm gonna tell you that I don't know. But I bet you what, I know how to find the answer and I will find the answer-Christopher Gardner

-----  
Christopher Gardner: Hey. Don't ever let somebody tell you... You can't do something. Not even me. All right?

Christopher: All right.

Christopher Gardner: You got a dream... You gotta protect it. People can't do somethin' themselves, they wanna tell you you can't do it. If you want somethin', go get it.

Fikir-fikirkanlah.....

[www.helmiasyraf.com](http://www.helmiasyraf.com)

Place where hands start to give helps...

By kamimelayubarau on August 19, 2008 7:40 PM

Salam Tun,

Berita mengenai Pemimpin2 Sabah begitu menyedihkan apabila Jeffrey Kitingan membuat pengumuman petang tadi. Sebagai anak Sabah, saya malu dengan berita ini. Tapi, saya faham bahawa pemimpin Sabah masih percaya pada BN, tapi sudah hilang kepercayaan sepenuhnya kepada kepimpinan Pak Lah. Saya percaya ramai Pemimpin Sabah tidak mahu Anwar menjadi Pemimpin negara ini. Namun, mereka tiada pilihan melainkan memberi amaran dalam senyap kepada Pak Lah supaya cepat turun sebelum Anwar memerintah....Binasa negara kita sepenuhnya jika Anwar memerintah.....

Paklah, turunlah sebelum rakyat benar-benar memberontak secara kejam terhadap kamu. Kami masih mahu melihat Putrajaya sehingga tahun depan..

By ilmyinc Author Profile Page on August 19, 2008 7:43 PM

UMNO? RASUAH? erm,  
kinda a tired with these,

Tun, please, I and we Malaysian need more educational information rather than this. I know you had more in your mind rather than a party which you are not a member anymore.

TQ so much in advance.

By key on August 19, 2008 7:43 PM

Selamat petang dan salam buat Tun sekeluarga. Hari ini Tun menulis pasal rasuah yang berlaku didalam kalangan ahli UMNO terutama dari peringkat atasan. Sungguh memalukan agama ISLAM, kerana rata2 dikalangan yang memberi /menerima adalah beragama ISLAM. Mengapa perlu buat begitu? Kerana wang/kuasa telah bermaharaja dihati manusia itu. Tak cukupkah dengan apa yang diperolehi sekarang? Begitu mudah bangsa kita lupa diri, apakah ketua pemimpin sekarang ingin menghalalkan rasuah? Kita dah dengar/tahu apa akibatnya jika didapati memberi/menerimanya tetapi kerana bongkak serta jahilnya mereka ini telah menafikan apa yang telah dilarang dalam agama ISLAM. Adakah anda suka melihat bangsa kita diperbodohkan. Terutama ahli2 umno yang tua yang setia pada negara dgn tak berbelah bagi. Sedarlah walaupun sehelai kain pelikat pun rasuah telah berlaku. Kerana takut diri tersungkur, kenapa perlu membuat kerja begini. Ini menunjukkan betapa lemah & rapuhnya kepemimpinan sekarang. Jika difikirkan memang sakit hati. Apatah dilakukan oleh seorang ketua pemimpin negara ini yang telah ternyata tak mampu untuk mengatur sistem pemerintahan negara ini. Kerana tamak dengan harta dunia orang ini sungguh buat perkara yang dilaknt ALLAH. Sayangkan anak dan menantu hingga dibuat seperti kerbau dicucuk hidung. Jadilah contoh mereka yang dibawah, yang kebanyakan memang pantang nampak, tentu sapunya.

Hidup ini ibarat mereka mati kelak boleh bawak semua itu. Dosa, halal/haram dah tak ada lagi dalam kamus mereka. Ingatlah hidup dan mati serta berjaya atau tidak seseorang itu dikuasa ALLAH, bukan pada kekayaan yang ALLAH pinjamkan itu. Kebanyakan dunia politik diMALAYSIA ini telah bermain dengan rasuah, bagaimana nak menghapuskannya?. Semuanya terletak pada diri seseorang itu. Ini tak akan berlaku jika tiada yang menerima /memberinya. Jika rasa diri itu ingin sentiasa diatas, jangan gunakan rakyat yang dibawah sebagai batu loncatan anda. **JANGAN SAMPAI MARUAH & NEGARA INI TERGADAI ATAS SIKAP PEMIMPIN YANG LEMAH DAN SOMBONG, MASA TAK BOLEH DIKEMBALIKAN.** Jadilah hambaNYA yang sentiasa ingat akan azab dariNYA. Mohon para politik kita sedar akan apa yang mereka lakukan. Tak jatuh harga diri seseorang itu apabila dia merendah diri demi kebaikan orang2 lain. Jangan sampai diri kita diumpamakan seperti syaitan yang mana disuruh oleh ALLAH agar sujud pada NABI ADAM. **INGAT HIDUP INI TAK AKAN SELAMAT JIKA MEMILIH UNTUK MELAKUKAN KEJAHATAN.**

By NiMa on August 19, 2008 7:45 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya berpendapat sama dgn Tun yg boleh mngubah UMNO hanyalah ahli2 UMNO sendiri. Kalau ahli UMNO tidak berani utk mengemukakan calon yang layak dan berwibawa, siapa lagi yg akan berbuat demikian. Kerana ALLAH tidak akan mengubah nasib UMNO melainkan ahli2 UMNO sendiri berusaha mengubah nasib parti yg mereka cinta dr berpecah.

Parti pembangkang sememangnya suka dengan Pak Lah. Kerana Pak Lah mereka menang besar pada parti pilihan raya baru2 ini..

Saya mencadangkan kepada Tun supaya Tun memberi motivasi n boost kepada ahli2 UMNO supaya mereka tidak menjadi ahli yang bacul, penakut, pengecut dan dayus kerana sememangnya mereka bukanlah org yang sedemikian.

Kita perlukan pengorbanan utk menyelamatkan UMNO dan pengorbanan yg boleh dilakukan dengan menukar presiden UMNO sendiri.

By zap on August 19, 2008 7:46 PM

Salam Tun,

Memang tak dapat di sangkal lagi sememangnya rasuah telah menjadi-jadi di dalam umno...

Sememangnya rasuah didalam umno menaik ke tahap yang teruk for pemilihan 1993, di tahun itu kita melihat Arwah Tun Ghaffar Baba telah tewas didalam pemilihan Timbalan Presiden. Pada tahun itu kita

dapat melihat betapa lumayan nya apabila dapat menjadi perwakilan bahagian ke perhimpunan agung. Dan semakin menjadi-jadi sehingga sekarang. Hingga ada yang sanggup mengaku sebagai perwakilan walaupun sebenarnya tidak.

Kita dapat juga melihat apabila perebutan sebagai perwakilan bahagian ke perhimpunan agung agak sengit pada tahun-tahun yang ada pemilihan jawatan-jawatan nasional. Ini kerana ahli-ahli tau ada ganjaran kewangan jika menjadi perwakilan.

Perkara ini juga telah menular ke pemilihan jawatan di bahagian, dimana pembesar-pembesar bahagian akan juga menggunakan rasuah kewangan atau menyalah guna kuasa untuk mengekalkan jawatan masing2 atau untuk menghalang orang lain dari menjawat jawatan yang kritikal di bahagian.

Untuk ahli-ahli UMNO yang akan melakukan pemilihan tidak lama lagi, pikir-pikirkan lah.  
By AL BANJARI on August 19, 2008 7:52 PM

SALAM KEPADA TUN M, I RASA SENANG NAK TUDUH SESEORANG ITU RASUAH, NAK BUKTIKAN SUSAH. I RISAU HANYA KADANG KADANG YANG MENUDUH ORANG LAIN ITU RASUAH, SEBENARNYA DIA MENGETAHUI DIRI DIA TIDAK DAPAT TEMPAT DALAM UMNO. JIKA BENAR DAKWAAN TUN ITU, KEBENARAN AKAN MENYUSUL JUGA NANTI. SEPERTI JUGA TUDUHAN LIWAT KEPADA DS ANWAR IBRAHIM KEBENARAN AKAN TUDUHAN ITU AKAN MENYUSUL JUGA APABILA ANWAR DIHADAPKAN KE MAHKAMAH NANTI.  
By azmany on August 19, 2008 7:56 PM

Tun,

It is clear that UMNO culture is already ingrained with corruption and because of that we don't see that there is any way that anybody can save UMNO, short of wholesale cleansing exercise.

You've admitted, the last time in UMNO AGM, that you have failed to get rid of corruption in UMNO. Mr Clean has also failed and perhaps succumbed to it as well. Najib? Mahyuddin? Ku Li? We just don't see that happening.

Time is running out and in my humble opinion - it is much better to start afresh. Brand new political party, brand new people. If nothing materialise, looks like we'll be dancing with the devil soon.  
By Lahm on August 19, 2008 7:57 PM

Dear Tun,

Biasalah Tun, Melayu will lose out again. They are good at being conquered ever since "zaman kegemilangan melaka"

I think Hang Tuah was actually saying

"Takkan Melayu Hilang dah di dunia ni?????"

when he came out and saw all mat salleh conquering Melaka  
By zrd on August 19, 2008 8:00 PM

Salam buat semua..

1. Jgn leka dan mudah lupa
2. Sentiasa bersedia, kerana..
3. Kegagalan kita utk BERSEDIA memberi makna yg kita telah bersedia utk GAGAL..



4. Semoga Allah melindungi negara Malaysia yg tercinta ini drp sebarang musibah dan merahmati pemimpin-pemimpin kita yg telah byk berjasa kpd agama, bangsa dan tanahair..

Jasamu sentiasa ku kenang..

T.Kasih TUN

By TCM on August 19, 2008 8:09 PM

Dearest TUN, May God bless you and family.

I have always voted for BN when you the Prime Minister because of your plans & visions and DOING it for Malaysia and its citizens regardless of race and religion. (I know alot of non-bumis will disagree) And it breaks my heart seeing what's happening to my beloved country. All that YOU, TUN, have done & build for Malaysia during your time as PM is going on a downward spiral.

The cause, UMNO. UMNO members, PLEASE WAKE UP!!! Do you really want leaders like the present ones to take it lower that it already has? Stand up and be heard. Only when all of you join as one, then the change WILL come. It's your country and your right. (I want to do so but I can't. Why? Because I not a bumiputra.)

To me, the Opposition must NOT rule the country. Not in the near future. They just do not have enough capable leaders and the machinery to do so. Only UMNO. I sincerely believe that with the current UMNO leadership, it can happen and when it does, where will Malaysia be ??

Dearest TUN, please don't stop what you are doing and hopefully, soon, they wake up.

By Abdul Rashid BasarAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:10 PM

Semoga yang keruh kembali jernih.....ARB Dagang

By dospenang on August 19, 2008 8:12 PM

SALAM TUN,

Saya percaya kepada PENGALAMAN.

PENGLAMAN ADALAH ILMU TERBESAR DALAM KEHIDUPAN.

PENGALAMAN TUN selama lebih setengah abad sebagai pemimpin dan negarawan menjadikan TUN lebih matang dan berpandangan jauh daripada semua pemimpin yang ada hari ini termasuklah DSAAB dan DSAI.

Tidak akan adanya sebab TUN menolak kepimpinan hari ini jika TANPA ASAS YANG KUKUH.

JADI bercakap hal DEMOKRASI, RASUAH, AUKU atau sebagainya boleh menampakkan kelemahan orang yang TUN TUJUKAN.

TETAPI pendapat saya TUN tidak akan ke mana jika menulis dan hanya bertindak sebagai 'PENGHIBUR' dan pembaca merasa 'TERHIBUR'.

SAYA ingin mengajukan TUN bertindak DEMI NEGARA MALAYSIA.

Bermula dengan 'TINDAKAN' BARU DAPAT MERUBAH KEADAAN.

CADANGAN SAYA:

1. TUN perlu mendapatkan sokongan calon pengganti PM yang TUN rasakan layak bertanding melawan PRESIDEN pada EGM UMNO akhir tahun ini dan mencalonkan beliau dengan sokongan MT UMNO.

2. TUN boleh mencabar PAK LAH supaya SATU PETI UNDI KHAS DIADAKAN semasa EGM UMNO nanti bagi melihat sama ada ahli-ahli UMNO masih yakin dengan presiden atau tidak.



RASUAH TETAP RASUAH.....BPR HARUS BERTINDAK.

KEMPEN PILIH AKIM: DI P44

KEMPEN PILIH AKIM: DI P44

KEMPEN PILIH AKIM: DI P44

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

salam perjuangan

\_ashar\_

By dospenang on August 19, 2008 8:20 PM

SALAM TUN,

KEPADA PENYOKONG KUAT ANWAR!!

PLUS

KEPADA PENGUNDI-PENGUNDI PERMATANG PAUH!!!!!!

Baru-baru ini TUN BUAT SATU KENYATAAN tidak akan menginap di Malaysia jika Anwar menjadi PM Malaysia.

Soalnya saya tak nak ulas kenyataan TUN sama sekali, mungkin juga hal peribadi antara dua pemimpin.

Tapi buat SEMUA CERDIK PANDAI BLOGGERS chedet.com, saya nak cakap sikit pasal 'BUDI'!!

Pepatah Melayu ada berkata,

Orang memberi kita merasa  
Orang ber'BUDI' kita berbahasa.

HAKIKATNYA, pada hari ini setiap budi bukan hanya untuk dirasa lebih daripada itu 'SETIAP BUDI HARUS DIBAYAR BALIK'.

Perjuangan Anwar menjadi PM Malaysia telah mendapat sokongan banyak pihak dari luar negara dan juga dari dalam negara. Ini termasuklah orang Cina, Hindu (Hindraf), pertubuhan NGO dalam negara juga luar negara, yang nyata lagi jelas media alternatif Malaysiakini, juga lebih besar sokongan proksi Barat dari pemimipin-pemimpin seteru Anwar.

Jadi sokongan kepada Anwar adalah 'BUDI' yang semuanya IKHLAS ataupun perlu DIBALAS????

Jika hidup terlampau banyak BUDI yang kita terima sekeliling pinggang, MAKA apabila senang, kitalah yang perlu membayar BUDI orang kembali.

UNTUK KES ANWAR

Relevannya, tidak mungkin semuanya percuma.

Jadi pada setiap BUDI yang diberi pasti ada HADIAH yang perlu dibayar balik. Jika Anwar jadi PM adakah ini HADIAHnya

1. Kepada penyokong kuat dari Cina terutamanya DAP.....

'HADIAH'nya kemungkinan besar adalah TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA, setelah Anwar pernah berkata "Apa salahnya TPM bukan dari orang Melayu....."(TPM salah satu misi perjuangan DAP)

2. Kepada penyokong kuat orang Hindu terutamanya dari HINDRAF dan PKR...

'HADIAH'nya mungkin adalah MENTERI KEWANGAN atau MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA setelah Anwar juga menyokong pendapat Hindraf berlaku penghapusan etnik Hindu di negara Malaysia apabila Anwar mengiringi mereka ke mahkamah atas kes demonstrasi beberapa bulan sebelum pilihan raya.

3. Kepada penyokong kuat dari media alternatif seperti MalaysiaKini.....

'HADIAH'nya mungkin juga besar seperti hak penyiaran ke televisyen, akhbar Harian utama negara, juga media alternatif utama rujukan negara, setelah berbulan MalaysiaKini memaparkan rentetan Anwar menjadi PM Malaysia sebagai berita perdana.

4. Kepada proksi BARAT terutamanya USA.....

'HADIAH'nya kemungkinan besar adalah campurtangan lebih luas dalam sistem ekonomi politik dan sosial negara, peluang perniagaan US dan mungkin juga hadiah terbesar iaitu pangkalan tentera USA di Labuan setelah Rice dan AlGore menyokong perjuangan Anwar serta laman web yahoo dan msn Malaysia hampir setiap hari memaparkan perjalanan Anwar menjadi PM Malaysia(dalam tidak sedar)

5. Kepada seteru Anwar dari pemimpin Yahudi.....

'HADIAH'nya kemungkinan besar adalah buat pertama kalinya dasar luar Israel dan Malaysia dibuka yang membolehkan ruang berpolitik, ekonomi dan sosial untuk kedua-dua negara. Ini kerana kenalan Anwar Paul Wolfowitz adalah neo-konservatif Yahudi dan Jerusalem Post menyiarkan artikel bertajuk 'Anwar : Malaysia PM in waiting' sebelum PRU yang lepas.

6. Dah cukup lima, mungkin anda dapat cari HADIAH seterusnya.....

Saya tulis pada semua point keMUNGKINAN HADIAHnya.... Kerana adalah hanya keMUNGKINAN Anwar akan jadi PM MALAYSIA.

Soal BUDI yang Anwar terima, anda semua boleh cari dalam akhbar ataupun internet maklumlah semuakan BLOGGERS.....

Penulis: HADIAH untuk orang MELAYU hapuskan DEB!!

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

WASALAM

By samuraimelayu on August 19, 2008 8:21 PM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,

Just arrived home from over the seas.

Although the 'samuraimelayu' had in many ways commented on the eventualities in UMNO such as 'dimakan dek anai2', 'dimasukkan oleh Pak Long(kang) kedalam longkang dan terus ke dalam Tasek PUTRAJAYA' and many other remarks and reminders but nothing could match the direct and simple and sober approaches of Ayahanda Tun in the article 'RASUAH DALAM UMNO' with the precision of the

SHOGUN'S sword.  
Ayahanda Tun said,

11. Inilah keadaan dalam UMNO sekarang.

12. Malangnya yang boleh bertindak hanyalah ahli UMNO.

13. Saya tidak fikir ada dalam UMNO orang yang mampu bertindak. Masing-masing hanya utamakan kepentingan diri. Apa yang akan jadi pada kaum bangsanya tidak mengapa asalkan diri sendiri mendapat sesuatu.

14. Hari ini UMNO belum hancur lagi tetapi ia jelas sudah lemah. Dengan tahap kelemahan ini sahaja pun orang Melayu sudah berada dalam keadaan kelam kelibut, berpecah dan terdedah pada macam-macam serangan terhadap maruah bangsa dan agama yang mereka tidak berupaya mempertahankan.

Anakanda wud like to ask,

Should we the Anakanda Chedet.com and the Rakyat take it from here and form an 'alternative' party(PEMANGKU) to continue the struggles of the Melayu and bumiputera and uphold the Vision 2020 objectives?

We await the formation (if necessary) for the sake of 'Bangsa, Uagama dan Negara'

MELAYU TAK HILANG DIDUNIA BUKAN DENDANGAN TETAPI LANDASAN PERJUANGAN  
WAWASAN 2020 BUKAN TITK PENYUDAH BAGI GENERASI MENDATANG IA BERMULA

Alfatihah, Amin Yaarobbal Alamin.  
By nookvillage on August 19, 2008 8:22 PM

Tun,

I am not sure if any politician joint politics wanting to be YB want to serve people of Malaysia or to be powerful rich through the people?. At time you want to be powerful rich not for yourself but for at least seventh generation to come. If you do some investigative accountings, there is no way for the politicians and government servants to be powerful rich through their salaries and perks. Salaries of YBs not enough to serve coffee to all their voters. How is that some YBs started with meagre live now ended powerful and very rich?. I tend to agree with Tun that ethical corrupted practices are well laid in UMNO, and it is dangerously cancerous. I do hope some UMNO members do "dare devil" searching curing the long scale disease for the sake of the loving Nation. May God save us all.

By RAJA Marzuqi Author Profile Page on August 19, 2008 8:25 PM

Walau sebanyak mana pun kita bersembahyang, berpuluh tahun kita lakukan hitam dahi, sakit-sakit kaki, tapi yang sembahyang itu ialah fizikal lahir kita. Yang berdiri badan, akal dan hati tidak berdiri. Badan yang rukuk, akal dan hati tidak rukuk. Badan yang sujud, akal dan hati tidak sujud. Yang membaca lisan, akal dan hati tidak membaca. Itulah rahsia mengapa sembahyang tidak memberi kesan. Itulah rahsia mengapa orang yang bersembahyang berbohong, rasuah, menipu, bakhil, sombong, khianat, mengumpat, kejam, zalim, pamarah, riyak, sum'ah, tidak bertimbang rasa, tidak ada tolak ansur, tamak, jahat sangka, ingin nama, suka glamour dan lain-lain lagi sifat yang keji. Sedangkan sembahyang Allah berkata: tanha 'anil fahsa i'walmunkar.

By twocents02 on August 19, 2008 8:28 PM

Salam Dr M

"Mereka akan jadi seperti orang Melayu Singapura yang sudah jadi kaum minoriti yang termiskin di pulau yang sebenarnya sebahagian dari Tanah Melayu dahulu. Inilah nasib yang menunggu orang Melayu".

Ya, mereka yang dahulu tuan punya tanah "freehold" - kini tuan punya satu unit "rumah pangsa" hanya untuk 99 tahun sahaja.

Ini harus menjadi satu amaran pada ahli2 UMNO.

By anjelina on August 19, 2008 8:29 PM

Dato Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Pahang pernah juga memberikan sedikit sumbangan ikhlas kepada saya semasa saya berkerja di VIP LOUNGE KLIA satu masa dahulu...saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau yang prihatin terhadap kesusahan dari golongan rendah seperti saya ini. Terima kaih Dato Sri hanya Tuhan saja yang dapat membalasnya. Amin

By zali lampai on August 19, 2008 8:33 PM

Assalamualaikum Tun,

Bagaimanakah caranya mengubah budaya tidak sihat dalam UMNO ni?

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>

By dospenang on August 19, 2008 8:34 PM

Salam TUN,

Saya mungkin bersetuju berkenaan dengan banyak topik dan tajuk yang dibincangkan oleh TUN.

Tapi mengenai bab RASUAH, tidak dapat tidak benda yang busuk dan korup ini telah menular dan berkembang semasa zaman TUN.

Pada asasnya zaman pemilihan AGUNG UMNO ketika zaman TUN, RASUAH telah berkembang dengan pesat di peringkat bawahan sehingga pemilihan TIMBALAN PRESIDEN dalam UMNO.

MUNGKIN DI PERINGKAT PRESIDEN tidak ada orang berani mencabar TUN kerana semua orang byakin dengan KEPIMPINAN TUN walaupun berlaku krisis pada tahun 1998.

Semasa zaman PAK LAH RASUAH menjadi semakin busuk apabila PERINGKAT TERTINGGI menggunakan kaedah ini untuk meghalalkan perebutan jawatan.

SETELAH BN MENANG dengan MAJORITI BESAR PADA PILIHAN RAYA 2003, PRESIDEN MUNGKUN MERASAKAN KUASA BELIAU ADALAH MUTLAK YANG MANA TIDAK AKAN ADA SEORANG PUN BERANI MENCABARNYA.

PADA KETIKA ITU, RASUAH BERADA DALAM KEADAAN PARAH, 2 daripada 3 ORANG YANG LAWAN NAIB PRESIDEN UMNO DENGAN TERANG MEMBERI RASUAH. WANG DIBERI DENGAN MEMBERI DUIT POKET SEHINGGA RIBUAN RINGGIT DARI BILIK KE BILIK DI KAMAR HOTEL.

SALAH SEORANGNYA TELAH DIGANTUNG KEAHLIAN.

KINI 'RASUAH' SUKAR DIBENDUNG LAGI DAN MENJADI BUDAYA DALAM UMNO.

WASALAM

By nadzriAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:35 PM

UMNO Parti Keramat atau Parti dah tak selamat?

By Hajar on August 19, 2008 8:38 PM

Salam Yg Amat diHormati Tun,

Saya setuju 100% dengan pandangan & saranan Tun.

Memang bangsa Melayu amnya dan UMNO khasnya berada dalam keadaan kelam kelibut dan tidak menentu seperti anak-anak ayam kehilangan ibu dan yang paling sedih masih tidak mahu bertindak untuk memperbetulkan keadaan – masih di alam hayalan seperti juga DSAAB. Besar kemungkinan mereka yakin yang keadaan akan menjadi lebih baik tanpa perlu berbuat apa-apa (sikap tak apa), dan terus menyokong kepimpinan DSAAB yang lemah longlai lagi korup. Harap ahli-ahli UMNO berani bersuara untuk menegak kebenaran dan membetul keadaan.

Kepada DSAAB, tolonglah berundur untuk kepentingan agama, bangsa, negara dan juga UMNO. Terimalah kelemahan diri sendiri. Itu lebih baik untuk semua.

Semoga Tun & keluarga dirahmati dan dilindungi Allah SWT.  
By aliaruzzair on August 19, 2008 8:43 PM

Salam utk ayahanda Tun Dr. Mahathir.

Baru kini saya berkesempatan utk respon terhadap semua kritikan & komen tulus ikhlas daripada ayahanda Tun. Kalau diizinkan dan dpt perkenan Tun, saya ingin meluahkan satu dua pandangan dan mohon ayahanda Tun tegurlah saya sekiranya saya terlanjur pandangan dan tersilap tafsiran.

1. Sebagai rakyat Malaysia berjiwa MALAYSIA, saya amat terharu dan ada waktunya seabak melihat usaha & ikhtiar ayahanda Tun untuk memperbetulkan dan menyata mayakan fakta kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera terhadap situasi sebelum, semasa dan jangkakan mendatang berkaitan isu politik tanah air kita. Begitu juga ayahanda Tun telah cuba untuk merungkai simpulan pemikiran orang-orang Melayu agar berupaya memproses maklumat dan menyaring maklumat berdasarkan daya tapis ilmiah yang tidak bertunjangkan emosi tetapi logik akhliah dan kebenaran hakiki. Namun hanya segelintir sahaja yang melihat dan mengambil berat terhadap hamparan lipatan sejarah perjalanan politik negara dan tahap kebarangkalian ancaman yang bakal kita hadapi.

2. Saya juga tersentuh hiba tatkala ayahanda Tun mengambil keputusan meninggalkan UMNO untuk seketika dan kembali semula apabila YAB PM meletak jawatan. Saya percaya ayahanda Tun ada jawapan paling munasabah lagi holistik sifatnya terhadap keputusan tersebut.

3. Kemelut yang berlaku dalam negara kini amat menepati susur galur yang digariskan dlm 24 protokol Zionis dan ia seperti menyokong perancangan Illuminati untuk menawan Nusantara pada 2019. Tidak perlu saya huraikan secara terperinci di sini kerana rata-rata rakyat Malaysia mengetahui perancangan regim zionis apatah lagi ayahanda Tun sendiri amat maklum mengenainya.

4. Ironinya, kenapa situasi sebegini tidak ditangani oleh kita, seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira status, darjat, atau apa saja hukum budaya yang mencipta 'rating/ranking' kita. Kami orang kecil, amat tidak berdaya. Saya memohon ayahanda Tun menggerakkan sesuatu yang boleh menyelamatkan negara kita daripada digodam oleh instrumen globalisasi Zionis. Kalau dulu kita kuat sebagai rakyat Malaysia, kini pun kita boleh tegak bersama demi kelangsungan kemerdekaan mutlak negara asalkan kita sanggup membuang semua yang keruh dan mengambil semua yang jernih.

5. Apa yang kami harapkan agar pelanduk tidak terkorban ditengah medan apabila gajah beradu tenaga. Saya sentiasa mendoakan kesihatan ayahanda Tun sekeluarga dan insya Allah, Yang Maha Esa tahu keikhlasan kita untuk melihat syiar Islam masih tegak bersinar di bumi Nusantara.

salam sayang buat ayahanda Tun.

By OrangLama on August 19, 2008 8:46 PM

Salam,

Betul Tun UMNO dah sampai barah peringkat terakhir. Satu sebab utama Yang orang Melayu duk benci UMNO sekarang ni sebab depa tahu pemimpin UMNO ramai rasuah, kenyang perut bersama2 dengan sanak saudara dan rakan2 terdekat. Belajar sekolah tak pandai pun boleh kaya raya! Cuba lihat kelayakan akademik atau pengalaman kerja kebanyakan pemimpin2 UMNO yang kaya. Orang Melayu dah tak yakin dengan depa.

Orang Melayu PKR kebanyakannya serpihan UMNO. Saya percaya akan menjadi masalah sama kepada PKR nanti jika depa berkuasa. PAS pun tak tentu lagi. Hanya yang berpegang teguh kepada ajaran agama sahaja yang tak akan terima rasuah kerana takut azab api neraka.  
By fawz on August 19, 2008 8:46 PM

Assalamualaikum Tun,  
Sedih, parah sekali keadaan nya!  
Wassalam  
Fawz  
By Harimau1900 on August 19, 2008 8:49 PM

Dear YAB Tun Dr.M,  
You yourself have said that those who are power craze willing to do whatever they can to achieve their goal even by giving contracts to their cronies and friend in UMNO.....So how the NEP will help the Malay overall???? The way I see the Malay rights are taken away not by Indian or Chinese but by the Malay themself. As long there are people in UMNO and BN with power and money craze, the Malaysian overall will not get anything for next 50 or even 500 years. You will see there will be poor Malay, Chinese and Indian forever in Malaysia as long as this devils are around.....

Thank you.  
By Jebat2008 on August 19, 2008 8:50 PM

Salam hormat buat Tun,

Saya rasa semua sedar terutama yang duduk sebagai ahli UMNO dari bawah hingga tertinggi bahawa "PEMILIHAN UMNO DICEMARI RASUAH".

Ia berlaku sejak dahulu lagi. Lebih ketara lagi sejak Presiden UMNO dipimpin oleh Dolah Badawi ini. Kononnya Mr Clean ... sebenarnya dia merupakan orang yang paling kotor dalam politik tanah air. Yang ke 2 ialah menantunya KJ.

Politik wang sekarang ini semakin tidak terkawal lagi. Di tempat kelahiran saya, walaupun saya bukan ahli UMNO tetapi banyak tahu dari sumber-sumber dan kawan-kawan dalam UMNO bahawa rasuah semakin teruk sejak kebelakangan ini. Yang banyak wang akan terus berkuasa. Yang kurang semakin tiada tempat dalam arena politik tanahair terutama dalam UMNO. Kemampuan memimpin demi memertabatkan perjuangan bangsa terletak di bawah sekali di mata ahli UMNO. Justeru itu, saya semakin celaru di manakah perjuangan sebenar UMNO di mata ahli-ahlinya sekarang.

Saya sebagai pemerhati di luar UMNO amat sedih apa yang berlaku sekarang. Sedih bukan disebabkan UMNO tetapi masyarakat Melayu sanggup ( ahli-ahli UMNO ) majoritinya boleh dibeli dengan wang dengan mudah sekali. Tidak hairanlah sedikit masa lagi UMNO semakin jauh dan terus jauh dari mata masyarakat Melayu.

Kalaulah majoriti ahli-ahli UMNO boleh dibeli dengan wang ringgit, bagaimanakah Presiden UMNO sekarang akan ditumbangkan Tun? Langkah Tun keluar dari UMNO bagi saya amat tepat.

Saya ingin bernazar sesuatu jika DOLLAH BADAWI dan KJ tumbang ...  
By ghanimu88 on August 19, 2008 8:58 PM

Salam Tun,  
There is nothing new about money politics in UMNO among the Top leadership. "Kal au guru kencing berdiri, murid kencing berlari".  
Kita akan siasat.... Kita akan siasat. Itu saja jawapan yang diber. Tapi apa keputusan siasatan tak diberi tahu.  
Apa nak jadi dengan UMNO, members are killing UMNO.



Regards

By Oumono on August 19, 2008 9:00 PM

Laknat la org2 mcmni Tun..diberi amanat tp berkhianat..munafik..

By harun on August 19, 2008 9:01 PM

Tun yang dihormati...

Rasuah ibarat satu budaya.

Sedih tapi benar.

Saya tidak paham kenapa gejala ini berleluasa. Jika dikaji kebanyakan adalah penganut agama Islam. Islam tidak mengajar umatnya mengamalkan rasuah. Maka siapakah mereka2 ini?. Apakah agama mereka? Bagaimana mereka beragama?

Tidakkah kita sedar. Kita ambil rasuah dan kita gunakan untuk diri sendiri, isteri dan juga anak2? Jika sudah menjadi darah daging bagaimana untuk dibersihkan.

Jika tangan kotor boleh cuci tetapi jika darah daging kotor bagaimana? Sudah tentu keturunan bermula dari kita selagi tidak putus akan turut kotor.

Sedih mengenangkan bangsa kita. Tun telah berusaha dengan segala kebijaksanaan Tun untuk membangunkan bangsa kita tetapi bangsa kita masih tidak berubah. Perasaan sedih Tun jelas terpampang semasa Tun mengumumkan perletakan jawatan sebagai PM dahulu.

Hasad, dengki, tamak, haloba, mencaci, menghina, riak, takbur, sombong dan bongkak masih lagi menjadi amalan kita.

Adakah dengan sifat2 ini yang hendak kita bawa untuk mengadap Allah.

Tun...just my thought..

By ammarDM on August 19, 2008 9:04 PM

Assalamualaikum Tun. may Allah bless Tun and family forever.

Tun, i always support you even when i wasn't born yet.it sound ridicules right?.

Tun please kick out those who used bribe to win the election.Tun must attack them as hard as possible. make all Malaysian realize that our leader is a big liar.

father, the same hope that i wrote before..please teach us how to be a good man, please help Malaysian, you are the only hope that Malaysian, especially Malays have. you are the one to rearrange Malaysia and bring peace to Malaysian.

thanks father.

Assalamualaikum

By shearir on August 19, 2008 9:07 PM

Salam tun,

Gejala rasuah di kalangan ahli-ahli dan pemimpin UMNO bukan lagi menjadi rahsia terbuka (open secret) seperti yang selama ini kita anggap. Ahli-ahli menerima rasuah daripada pemimpin-pemimpin UMNO sebagai balasan ahli-ahli memilih pemimpin tersebut untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa yang

sedia ada pada mereka.

Dan ini sudah dianggap lumrah di dalam setiap percaturan politik dalaman UMNO dan ia bukan lagi satu rahsia. Secara terang, pemimpin yang tidak mengamalkan politik rasuah telah secara terbuka membuka pekung bahawa gejala ini telah menular secara rakusnya.

Yang sedihnya, pemimpin seperti Dato Adnan Yaakob hanya berani mengeluh kekecewaan di atas apa yang terjadi.

Tidak ramai yang berani tampil ke depan untuk membongkar perkara ini kepada Jawatankuasa Disiplin UMNO atau pihak Badan Pencegah Rasuah kerana mungkin akan dituduh sebagai "takut kalah" dan menggunakan alasan rasuah apabila kalah dalam satu-satu pemilihan.

Tun, saya menganggap bahawa tidak ramai yang berani melaporkan kelakuan rasuah ini adalah disebabkan kumpulan ini adalah minoriti di dalam UMNO. Maknanya, majoriti adalah pelaku rasuah dan golongan minoriti ini biasanya akan tunduk kepada kemahuan majoriti atau hanya mengikut arus majoriti.

Jika anggapan saya salah, saya menyeru golongan ini mengambil kenyataan saya tersebut sebagai satu cabaran untuk menghapuskan rasuah dalam UMNO. Buktikan bahawa pelaku rasuah adalah minoriti dalam UMNO.

Jika tidak, kerbau yang membawa lumpur akan mempalitkan semua orang.

Kesedaran berkenaan bahayanya gejala ini harus datang dari atas.. maknanya pucuk kepimpinan tertinggi iaitu tuan Presiden sendiri yang perlu menunjukkan teladan dengan menjauhi segala unsur-unsur rasuah tetapi sebaliknya berlaku(yang mana akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan laporan oleh ahli UMNO tentang salahlaku beliau)dan bukan hanya bercakap dengan nada retorik sahaja.

Tun,

Kawan-kawan saya pernah menyatakan bahawa "UMNO ini adalah peluang kedua untuk orang Melayu menjadi kaya selepas kecundang dalam pelajaran"... maknanya UMNO adalah tempat untuk mencari kekayaan dan bukannya untuk perjuangan agama dan bangsa.

Apakah anggapan ini yang menyebabkan ramai orang memasuki parti UMNO?

Jika jawapannya "Ya" maka matlamat mereka itu "boleh" tercapai dengan "menyertai" pesta rasuah di sana sini tak kira pada masa pemilihan atau bukan. Maka ramailah juga yang menjadi talam dua muka demi mendapat sedikit sebanyak habuan yang dijanjikan pemimpin yang rasuah.

"Undi orang ini dan kita akan dapat projek itu"

"Sokonglah saya, insya Allah saya dapatkan projek yang tuan minta"

"kalau kamu dapat jatuhkan pemimpin itu, saya akan pastikan tender tuan terpilih apabila saya berkuasa"

"berapa banyak pemimpin itu boleh bayar kepada kamu, saya boleh bayar dua kali ganda"

-maka tidak hairanlah ahli-ahli bermuka-muka demi mendapatkan habuan tersebut. Mereka tidak menyokong pemimpin itu kerana ketokohnya tetapi kerana apa yang dijanjikannya atau apa yang telah ditaburkannya...

-saya rasa ini adalah juga punca perpecahan ahli UMNO di peringkat akar umbi.. benar tak TUN?

Tun,

walaupun pedih dan terasa seperti merendahkan maruah bangsa sendiri, tetapi itulah hakikatnya yang saya amati selama ini.

Dengan rendah diri saya menyarankan supaya imej "UMNO = kekayaan wang ringgit dan harta benda" dihapuskan secepat mungkin supaya nawaitu orang melayu dan pemimpin muda dalam UMNO dapat diperbetulkan bagi meletakkan perjuangan di landasan yang betul.

Tun,

Pemimpin (dan anak menantu) tidak perlu terlalu kaya untuk dihormati. Jika pemimpin berjaya menyalurkan kekayaan negara dan kemakmuran kepada rakyat yang selama ini merintah merayu dalam kesempatan, maka rasa hormat dan setia tidak berbelah bahagi dapat diperolehi.

Pemimpin yang ada kedai roti pun, cukup lah.. kita hormat juga (hahahaha...)

Tun,

ramai yang menyalahkan Tun kerana memilih Pak Lah sebagai pengganti Tun. Saya tak salahkan Tun. Tidak ramai yang boleh menjangkakan bahawa Pak Lah akan jadi sebegini lemah. (saya tidak mengatakan Pak Lah jahat atau seleweng). Saya pun amat setuju semasa Tun umumkan beliau sebagai pengganti sebab beliau dilihat sebagai "Bersih".

Ya, mungkin nampak peribadi beliau bersih tetapi komitmen beliau amat lemah. Mudah mengikut kata orang demi menjaga hati dan perasaan tanpa memikirkan kepentingan nasional (bukak sekadar kepentingan bangsa Melayu). Dan mungkin akibat daripada kelemahan ini beliau terpaksa membiarkan gejala rasuah ini berleluasa di peringkat pemimpin bawahan supaya terus menyokong beliau untuk terus berkuasa?

Adakah Tun tersilap perkiraan kerana hanyasanya beliau menurut titah perintah Tun dahulu, maka beliau dipilih?

Tun juga manusia. kalau saya jadi Tun, saya pun akan pilih Pak Lah. Dengan harapan beliau akan terus dengar cakap Tun, tun amat kecewa apabila Pak Lah mengambil pusingan 360 darjah dan terus meminggirkan Tun (bukan sekadar tidak dengar cakap dan nasihat).

Oleh yang demikian, saya berpendapat apabila tun bertanggungjawab menaikkan Pak Lah, dan beliau gagal, maka adalah tanggungjawab Tun jugalah untuk menurunkan beliau semula (sebab seingat saya bukan MT UMNO atau kabinet atau MT BN yang lantik beliau).

Apa Tun rasa?

By Dr.Siddiq AzaniAuthor Profile Page on August 19, 2008 9:12 PM

MENGAPA UMNO SEBEGINI LEMAH?

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/07/12/mengapa-umno-sebegini-lemah/>

KEMASUKAN EZAM - LEGAKAN PAKLAH?

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/05/28/ezams-in-turning-point-of-umno/>

TUN ADA HAK KELUAR DARI UMNO

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/05/20/tun-has-every-right-to-quits/>

PAKLAH, PROJEK MEGA TIADA PENTINGNYA KERANA TUN M TELAH BANGUNKAN KESEMUANYA

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/05/18/from-second-link-to-iskandar-project-subsidies-are-wanted-more/>

JADILAH SEORANG PEMIMPIM YANG BERMARUAH

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/05/12/jadilah-pemimpin-yang-bermaruah/>

By cram on August 19, 2008 9:17 PM

Kini sultan Abdullah Badawi dah tak pakai otak ( kalau adanya otak ).Hang Tuah (TDM)pula la tak ada kat istana ( UMNO ).....mana Jebat ?

we now need a Hang Jebat to run amok kalau nak selamat negara kita ni !!

By akituai on August 19, 2008 9:18 PM

Yang Berbahagia TUN

Sememangnya ini lah terjadi dalam politik negara kita, rasuah dalam pelbagai bentuk kini tidak dapat lagi dibendung. Selagi dinamakan manusia di muka bumi ini, selagi itu rasuah akan berleluasa. Pegangan agama tidak lagi dijadikan landasan kepada teras hidup kita kini. Antara sedar atau tidak kita terlibat sekali merasanya. Tidak perlu diberikan contoh kerana setiap manusia ada otak dan fikiran. Fikiran yang rasional dapat membezakan yang mana rasuah. Malangnya fikiran kita diselubungi dengan fizikal rasuah. Rasuah yang tak nyata atau tak dilihat dengan mata kasar seperti rasuah kontrak, rasuah jawatan, rasuah hadiah, rasuah pelajaran, rasuah kehormatan, rasuah darjat dan pelbagai lagi yang kita tak dapat bezakan dengan mata kasar.

Yang kita nampak rasuah duit...duit...duit...

YB-YB kita sekarang ini...kerana jawatan dan penghormatan mereka sanggup menabur rasuah di merata-rata, bukan rasuah duit, mungkin rasuah jawatan, rasuah kontrak dan pelbagai lagi, dengan menjanjikan sesuatu secara peribadi kepada orang-orang yang menyokong beliau. Itu yang kita tidak nampak, kita buta, kita alpa... sepatutnya YB-YB tersebut berkhidmat untuk rakyat jelata, membantu rakyat jelata bukannya bekehendakan jawatan di ADUN ataupun di Parlimen dan memperolehi gaji dari hasil rakyat, kemudian tidak mengendahkan setelah apa yang diperolehi dicapai.

Sewaktu dulu, apabila seseorang itu menyadi YB adalah kerana jiwa mereka jiwa rakyat, hati rakyat dan hamba rakyat. Kenapa? kerana jiwa dan hati mereka hanya untuk membantu rakyat yang waktu itu menderita ditindas, disisih, dihina oleh seteru-seteru dari penjajah, dari fahaman songsang, dari diskriminasi dan dari kesengsaraan, demi mengangkat martabat kaum, bangsa dan rakyat sejagat. YB-YB dahulu berjuang untuk keamanan, keharmonian dan kesenangan rakyat dan demi rakyat mereka sanggup berjuang mempertahankan, melindungi dan memperjuangkan amanah-amanah dari rakyat.

Bosan dengan politik Malaysia kini, asyik-asyik keluar berita orang tuduh itu ini... apakah rakyat Malaysia sekarang suka dengan situasi begitu... Hari-hari mukasurat hadapan berita cerita pasal BN dan BA yang asyik betelagah... macam lah Malaysia sekarang ni tempat untuk orang untuk cerca-mencerca, caci-mencaci dan tuduh-menuduh. Penyokong-penyokong kedua-dua parti komponen pula dah macam samseng, fanatik sangat macam lah ketua-ketua mereka tu Tuhan. Tak payah lah sampai mencederakan orang lain hanya kerana fahaman politik yang berbeza. Politik itu medan tempat kita untuk mengangkat martabat kita, bukannya tempat untuk menjatuhkan martabat kita di mata dunia.

Ada otak tu gunakanlah....

By anitamn on August 19, 2008 9:26 PM

Bismillahi rahmaanirrahim.

Assalamualaikum & Salam sejahtera kepada keluarga chedet.

Khas buat Tun DrM dan keluarga. Semoga didalam perlindungan dan rahmat Allah swt.

Saya tidak dapat menahan diri saya dari memberi komen tentang artikel UMNO ini.

Adakah ahli-ahli UMNO ni bertuhankan AAB & Co dan percaya hanya mereka yang boleh memberi rezeki untuk hidup. Beristighafarlah! Allah swt yang Maha Berkuasa dan Pemberi Rezeki kepada hambaNYA. Peringatan! Hidup dengan wang rasuah yang akan diberi makan-pakai kepada keluarga dan

menjadi darah-daging kepada keturunan anda, maka anda telah menempah tiket ke Neraka Jahannam dan menjadi bahan-bahan bakar didalamnya.

Rakyat & Kuasa.

Masih tidak terlambat untuk membetulkan keadaan. Undi ditangan kita. Oleh kerana undi kita mereka berada dijawatan sekarang. Untuk permulaan saya sarankan kepada pengundi-pengundi Permatang Pauh, kita pilih untuk TIDAK KELUAR mengundi beramai-ramai. Kita ada HAK untuk memilih tidak mengundi mana-mana calon. Kita lihat apa akan terjadi kalau tidak cukup peratusan untuk mengangkat calon yang menang. Lets make HISTORY!

By renee on August 19, 2008 9:31 PM

As'kum Tun,

Malang sungguh rakyat M'sia krn mendapat pemimpin yang hanya memikirkan diri sendiri. Jika tak dibendung gejala2 ini, negara yang merdeka ni akan dijajah semula.

Sedih saya melihat pemimpin melayu sekarang. Masing2 ada agendanya tersendiri dgn kroni2nya.

Yang merana adalah kami rakyat yang merasa perit dan susah utk meneruskan kos hidup yang tinggi. Di manakah pemimpin2 yang utk membela nasib rakyat??....

Tun, saya sentiasa sokong Tun dalam menyedarkan bangsa melayu kita.

renee

By jiwajawi on August 19, 2008 9:34 PM

TUN,

Masaalah 'rasuah' semasa pemilihan ini sejak dari dulu lagi. Masa Tun jadi PM pun saya ingat ramai calon2 Ketua Bahagian, Ketua Pemuda dan Majlis Tertinggi banyak mengeluarkan duit untuk memancing undi.

But I like this trend to be eradicated. let us have a clean political party...

By vodafone on August 19, 2008 9:38 PM

mahathir,

kamu sudah tua maka jangan buat bising lagi... sebenarnya UiTM adalah untuk golongan bumi yang kurang upaya dan mereka tidak mampu menjaga diri mereka... sebab itu mereka memerlukan support daripada kerajaan...

jangan kamu fikir bahawa non-bumi ingat sangat nak masuk UiTM ini... actually uiTM ini mana ada standard? kerajaan cuma membazir wang pembayar cukai untuk membela golongan-golongan yang kurang upaya ini di dalam UiTM...

kalau golongan ini adalah baik, mengapakan hampir 98% kes rogol, kes ragut, kes mat rempit, kes penagih dadah, dan lain-lain adalah dilakukan oleh golongan bumi? adakah ini yang diajar dalam UiTM...

baiklah kamu shut-up dan fikirlah betul-betul... sudah pencen maka jangan lagi nak masuk campur hal orang lain... kalau tidak nanti sakit jantung lagi...

By vodafone on August 19, 2008 9:42 PM

mengapa u nak review komen-komen sebelum dipublish? takut orang bagi komen yang negative keh?

janganlah hanya menerima komen yang positive sahaja...

By Tan Tan on August 19, 2008 9:47 PM

Tun,

You keep saying Malays will be di tindas but by who? I am Malaysian Chinese, never in my life I ever be back to any Malay friends of mine.

You keep saying as if we Chinese and Indians always bully Malays but this is the reality now looking at the way the current government is acting. No fairness to everyone.

When you are in power, maybe behind back door, you had done many great things and no Malaysian feels di tindas as now.

Next, I don't agree your comparing Singapore Malays. If they are di tindas in Singapore, how come the Singaporean Malays don't come back to Malaysia whereby there are so many more benefits to bumiputra but they still think Singapore is better?

By aoazmi on August 19, 2008 9:49 PM

Assalamualikum Tun!

> Rasuah politik samaada wang atau kuasa berlaku sejak zaman Tun lagi cuma Tun dapat mengawal nya sikit kerana disegani dari setiap peringkat.

> Virus rasuah ini telah menjalar dan menjadi darah daging orang-orang UMNO. Hanya sikit pejuang-pejuang UMNO yang benar-benar ikhlas dan telus dalam memperjuangkan bangsa dan agama. Tanya lah orang lama dalam UMNO di zaman Tunku hingga Tun Razak.

> Mengikut pandangan Tun seolah-olah UMNO kini tak akan hidup selama-lama nya. Tun seolah-olah membuka pekong di dada kerana Menteri-menteri hari ini hampir 60% bekas menteri kabinet Tun. Tambah-tambah bakal PM kita. Wang keliling pinggang.

> Kita tidak perlu takut siapa yang memerintah, kerana saya percaya mereka juga tidak akan melakukan kesilapan-kesilapan besar yang boleh memakan diri sendiri. Empat lima tahun tidak lah lama. Rakyat akan menghakimnya.

> Apa makna memberi perasuah-perasuah memerintah negara, lebih baik kita mencuba 'BERAS' baru, untung-untung berat badan turun badan sihat!

> Zaman Nabi Muhammad s.a.w. sanggup berhijrah dari kota Mekah ke kota Madinah untuk mencari kedamaian dan menguatkan syiar Islam, apa kah kita tidak mahu mencuba berhijrah dari BN ke Pakatan Rakyat mana lah tahu 'mendung' akan ber'arak' setelah keadaan ekonomi yang tak menentu dapat di bendung.

> Zaman Tun pernah mendorong kita melakukan 'anjakan paradigma' untuk merobah dalam hidup seharian. Apakah kita takut dan 'jumud' untuk melakukan perubahan. Tun sendiri telah berhijrah 'keluar' dari UMNO dan katanya sanggup lagi berhijrah, kalau Anuar memerintah! Bukankah itu suatu anjakan atau mencari 'sesuatu' ketenangan dalam hidup?

> Saya percaya Anuar (Kalau memerintah) juga tidak akan kekal lama sekiranya perubahan-perubahan atau polisi-polisi kaum bumi dan hak-hak orang melayu di perkotak-katik olehnya kerana PAS tidak akan duduk diam dan saya percaya akan menjadi pemantau dalam menentukan hak-hak orang melayu dan agama kekal terpelihara. Apa perlu kita takut! Tengok saja pemantauan PAS di Selangor sekarang.

> Akhirkata perasuah dalam UMNO adalah perasit kepada kerajaan Malaysia, jika tidak dibendung akhirnya UMNO menjadi suatu lagi legenda untuk dibaca oleh anak cucu kita dimasa akan datang dan menjadi bahan sejarah dipergustakaan kerana sejarah zaman silam zaman kegemilangan kerajaan melayu melaka merupakan sejarah yang perlu kita kenang bak kata Hang Tuah 'Adakah aku yang bersalah, atau Jebatkah yang betul!'

Renung-renungkan lah wahai warga bloggers sekalian.

Sekian. Terima kasih!

By milshah on August 19, 2008 9:50 PM

Assalamualaikum Tun,

Memandangkan Tun telah menulis dalam bahasa Melayu, saya juga akan memberi komen dalam bahasa Melayu.

Saya rasa apa yang melanda UMNO bukanlah perkara baru. Ada pepatah Inggeris yang mengatakan "To achieve success is difficult but to maintain success is even harder" atau untuk mencapai kejayaan adalah susah tetapi untuk mengekalkan kejayaan itu adalah jauh lebih susah.

Kalau kita lihat sejarah, terdapat banyak empayar-empayar yang masyhur dan hebat. Antaranya ialah kerajaan empayar Rom, Cina dan yang terdekat dengan kita empayar Kesultanan Melayu Melaka.

Empayar-empayar ini dahulunya begitu kuat, kaya dan terkenal di zaman masing-masing. Tetapi kini empayar-empayar ini tiada lagi dan hanya tertulis dalam buku-buku sejarah. Mengapa?

Dengan kekuatan yang mereka miliki sepatutnya empayar-empayar ini dapat bertahan sehingga beribu-ribu tahun lamanya. Tetapi kita tahu dari sejarah empayar-empayar ini akhirnya hancur.

Setiap empayar ada fasa kehidupannya iaitu fasa permulaan, fasa pembangunan, fasa perluasan, fasa kemasyhuran dan akhirnya fasa kejatuhan.

Dalam setiap empayar-empayar ini, mereka menemui fasa kehancuran sejurus selepas mereka menjadi masyhur dan hebat.

Bagaimana pula dalam konteks UMNO? Adakah UMNO telah melalui fasa masyhur?

Kalau kita lihat sejarah UMNO itu sendiri, UMNO telah mencapai banyak kejayaan.

Dari permulaan untuk menyatukan orang-orang melayu menentang Malayan Union, mencapainya kemerdekaan negara, dan selepas kemerdekaan pula, UMNO tak pernah kalah dalam satu pilihanraya pun (termasuk pilihanraya 1969). Ini boleh dikategorikan satu pencapaian, satu kejayaan yang amat luarbiasa.

Tetapi harus diingat dengan kejayaan dan kemashuran ada harganya.

Apabila sesebuah pertubuhan yang begitu kuat, hebat dan tak pernah kenal erti kekalahan dalam pilihanraya, tentulah akan mengundang mereka-mereka yang mementingkan diri sendiri, UMNO dijadikan tempat mendapatkan jawatan-jawatan, duit dan sebagainya seperti yang Tun sebut dalam tulisan Tun.

Ahli-ahli UMNO tak pernah kenal erti kalah dalam pilihanraya. Mereka tidak tahu akibatnya pada agama, bangsa dan negara jika UMNO kalah dalam pilihanraya.

Ibarat seorang ayah (Tun) menasihati anaknya (ahli-ahli UMNO) jangan bermain dengan api (amaran bahaya kalah dalam pilihanraya akan datang), tapi anak tidak pernah kenal atau merasai api sehinggalah mereka terasa panasnya api itu barulah mereka akan faham.

Apabila mereka telah sedar, sama ada kesedaran itu sudah terlambat atau tidak, hanya Allah sahaja yang tahu.

Bagi ahli-ahli UMNO, UMNO akan terus menerajui kerajaan negara sejak dari dulu, kini dan selamanya.

PAS sekarang sudah dapat dilihat sebagai jaguh membela orang-orang Melayu dan tujuannya untuk mendirikan negara Islam juga menarik perhatian orang-orang Melayu. PAS juga dilihat berani melawan DAP. Di samping itu UMNO sendiri sedang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti yang disebut Tun.

Jadi adakah ahli-ahli UMNO masih mahu terus leka sikap mementingkan diri sendiri sedangkan alternatif PAS sudah ada bagi orang-orang Melayu?

Saya harap ahli-ahli UMNO akan kembali ke matlamat asal perjuangan UMNO.

Semoga Berjaya.

Wassalam

By gaous Author Profile Page on August 19, 2008 9:57 PM

salaam sir  
corruption creates sufferings to many  
the silent masses have to come back at the ballot box  
permatang pauh is the watershed  
whatever would happen at the next ge  
U nited M alays N O rganized  
finished what you have started  
vision ----  
if you remember  
you should be proud of it  
you can do it  
malaysia boleh  
thanks  
By Asvocalasyou on August 19, 2008 10:01 PM

Tun,

1)Umno equals to power.Power equals to rights and benefits which is still the current political landscape.As long as the top guns owe big houses or other assets here and there which cannot be matched with their declared income or other misdeeds such as carrying a briefcase of money walking through the immigration checkpoint and got away scot free,corruption in UMNO election cannot be eradicated.To say that it can or at least controlled is a fallacy.

I wonder why the investigative branch of the IRB does not zoom in on these people.They are expert in "fishing" by asking the taxpayer to draw up a capital statement.Any explained surplus would be taxed and penalised.

2)I am opined that the only way is to move out of this vicious cycle is to cultivate a mindset of shame if one corrupts and the family get the heat as well.

3)Now, here the culture is to join the bandwagon and hope to share some loots so that the wive(s) and children can wear expensive jewellery while the man can drive big car(s) to boost his ego.

4)All these are done in the name of NEP to address the imbalances of wealth among the races.

5)To back my point,just look around our neighbouring countries,how many politicians have NOT been tainted with corruption?Some died and left with even nine zero figures estate to next of kins.Have these scumbags have any conscience?I suppose not.

By Siva on August 19, 2008 10:03 PM

An anecdote :

A fairly healthy man knocked a door in his neighbourhood. The lady of the house opened the door and the man quickly fell at her feet in a crawl like gesture and said "Please give me some money".And this went on for several minutes.



The lady totally disgusted with his attitude said "You look so healthy. Why are you Asking,Begging and Crawling? Why can't you just Work?"

"I'm a scientific man, I move alphabetically" said the man.

"What do you mean alphabetically?" inquired the lady.

The man answered "I have been Asking,Begging and Crawling.....you see Working is very very far away"

Not a surprise. We have many people in this world who would love free money. Who doesn't? We have to go on hoarding for the sake of our children's future. Can we deny them what is the best for them? How about the promises we have given them then? How about the promise made to our spouses about getting the diamond solitaire "Hearts on Fire" necklace? Just how?

Corruption is older than the oldest profession. It has been there from the very beginning and till the end. You can't stop it. It will evolve and evolve in many incarnations. It is unstoppable. Any promise that has a material/immaterial exchange is corruption.Who is free from it? But now it is rampant and has taken the new incarnation called "money politics".

The person offering is desperate,position is of paramount importance. To hell with the people. And the receiver are mostly married men with children. Too many promises. Too much comparisons with others and hence the by-product is simply jealousy.

He has to compare himself with the 6 billion people of earth and he can't afford to stand lower.His family will insult him, his manliness is questioned and it's a great sign of failure.Comparison is likened to a spiral staircase endless and bottomless and we are all somewhere in between. Some are at higher rungs, very crowded place and some are lower.The lower looks up and gets very upset and hence looks down for some consolation. The intelligent ones have taken a jump, not to be a part of the staircase called "comparison".We destroy our children's future by comparing them.....

A joke :

A priest was unburdening himself to a rabbi. "Oh,rabbi, things are very bad.The doctor tells me that I must have a very serious operation."

'It could be worse',said the rabbi.

'My housekeeper has given her notice,my organist has resigned, and I can't get any boys to serve the altar',continued the priest,close to tears.

'It could be worse', said the rabbi

'The parish treasurer has decamped with the funds,and the bishop is due to make a visitation;the roof leaks, adn my car has been stolen,' moaned the priest.

'It could be worse', said the rabbi

'How could it be worse? asked the priest,finally stung by the rabbi's lack of compassion.

'It could happen to me,'said the rabbi.

This is the situation in our Politics. We go on comparing, whilst in the spiral staircase, compassion and sharing has no space, it stands outside just watching and waiting.....

By anak merdeka on August 19, 2008 10:04 PM

salam buat ayahanda TUN...

istilah melayu mudah lupa,org melayu suka dah terasa baru nak mula memberontak,sy fikir mereka yg melayu akan melakukan yg sama bila semua yg TUN katakan menjadi kenyataan,Allah sj Maha Mengetahui..kita tgu dan lihat...

TUN,adakah tulisan2 TUN akan menyedarkan bangsa melayu ini?sy kurang pasti,zaman sekarang nilai2 patriotik dah tiada lg,lihatlah persiapan menyambut kemerdekaan adakah sama sewaktu zaman TUN dulu,sedihkan dan amat malang ia memang MENYEDIHKAN...

Rasuah,asalnya adalah budaya cina tetapi mnjadi darah daging segelintir melayu yg mereka rasakan ia adalah imbuhan sahaja atas pertolongan yg mereka hulurkan.....TUN fikir ia akan lenyap sekelip mata shj..tidak sama sekali.

Dlm keadaan sekarang bukan perjuangan bangsa dan negara yg diutamakan tetapi perjuangan utk diri sendiri demi memuaskan hati dan nafsu serakah mereka,setakat hari ini belum ada seorg pun pemimpin UMNO yg berani tampil ke hdpn menceritakan kerapuhan UMNO secara terang2an..TUN tahu kenapakan.....pengadu akan kehilangan segala-galanya setelah mengumpul bertahun-tahun,apa akan terjd kepada generasi pengadu seterusnya...

Sedikit demi sedikit melayu sedang menjadi hamba di TANAH MELAYU,yg baiknya mereka masih tak rasa apa apa,....sy akan terus membaca semua buah fikiran,kritikan TUN di masa2 akan datang.....

Buat bangsaku sedarlah,maaf sekiranya sy terlepas ckp,namun sy nakkan MELAYU GAGAH,BERANI,TELUS dan BIJAKSANA  
By Onlooker on August 19, 2008 10:07 PM

Tun,

Pada hakikatnya, Dato Seri Adnan Yaakob adalah Menteri Besar Pahang yang sudah membeli banyak undi dalam pilihan parti UMNO dengan bayaran bukan dalam bentuk wang tunai tetapi dalam bentuk tanah kerajaan. Ramai pengundi yang sudah dikurniakan tanah mestilah akan mengundi Dato Seri Adnan Yaakob sekali lagi. Beliau membuat keputusan tidak akan bertanding kerana ada alasan lain. Ada kemungkinan beliau bercadang nak berhijrah ke negeri asing seperti cadangan Tun juga. Kenapa nak duduk di Malaysia lagi jikalau Anwar akan bangkit sekali lagi? Apakah gunanya bertanding jawatan pusat parti lagi kalau tidak diberikan peluang untuk menjadi menteri lagi? Siapakah yang boleh menjamin bahawa Anwar tidak akan mengambil tindakan undang-undang ke atas bekas menteri jikalau Anwar dibenarkan jadi Perdana Menteri? Sudahkah Tun buat "advance booking" untuk teket kapalterbang? Janganlah tunggu sampai "last minute" sahaja baru nak buat tempahan teket kerana teket kapalterbang mungkin akan dijual habis awal sebelum 16hb September 2008!

Onlooker

Tun berkata:

"1. Dato Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Pahang telah membuat kenyataan yang beliau tidak akan bertanding untuk Majlis Tertinggi UMNO kerana rasuah yang berleluasa dalam kempen pemilihan ketua-ketua pemuda, ketua bahagian dan Majlis Tertinggi."

By schumi on August 19, 2008 10:08 PM

assalamualaikum tun semoga tun sihat sejahtera

di sini saya ingin berkongsi dengan tun tentang gejala rasuah di dalam umno, gejala rasuah membawa penindasan didalam kemajuan melayu ini kerana setiap kemajuan hendak dibuat kita terpaksa memeberi ganjaran yang tak sepatutnya kepada pihak yang tidak berkenaan untuk memajukan diri ini dipanggil belunggu melayu.....

sampai bila..... melaungkan " bebas rasuah " tiada makna jikalau si pelaung mengamalkannya ini perbuatan orang kafir ini bukan perjuangan islam dan melayu..... belunggu ,,,, masih belunggu bangsa lain melihat sambil bertepuk tangan melihat perjuangan melayu yang macam ini

penindasan satu dosa besar..... pemimpin umno jangan marah rakyat sekiranya setiap undian di beri kepada parti pembangkang melayu yang lain seperti pas dan pkr (parti kelentong rakyat)

jika kemenangan berpihak kepada pembangkang kerana kesilapan umno, pemimpin umno akan menanggung dosa rakyat yang tersilap memilih  
By jrlun man on August 19, 2008 10:11 PM

Assalamualaikum,

1. Saya adalah orang kampung sejak dari 1966 hingga 1983. Sejak dulu lagi mak bapak dan tuk nenek saya menyokong parti kapal layar hinggalah ianya bernama UMNO Lama atau UMNO Baru.Saya adalah ahli UMNO lama n Baru bermula selepas balik dari bandar, iaitu dalam tahun 80'.
  2. UMNO parti keramat orang Melayu telah dinaungi rasuah wang, itulah hakikatnya hari ini.
  3. Sebenarnya ia telah bertapak semasa Tun menjadi peneraju lagi. Siapapun tidak boleh menafikannya termasuk Tun sendiri.
  4. Ianya bermula semasa pemilihan presiden,Mahathir VS Tg. Lee hinggalah sekarang.
  5. Ianya telah diperlahankan dgn peraturan2 yg telah diperkenalkan oleh MT.Tetapi undang2 kan dibuat oleh manusia, depa boleh cari lubang utk. menghalalkannya.
  6. Amat malang sekali, jika perkara ini dibiarkan bermaharajalela.Tolonglah baikinya. Jangan biarkan ahli beralih keparti lain. Saya bercakap sebagai umat melayu yang menganuti agama yang sama dengan Tun.
- By gd on August 19, 2008 10:13 PM

Salam...Tun,

Rasuah dalam parti pada pendapat saya adalah penyakit yang sukar untuk diubati. Penyakit rasuah hanya akan diubati sekiranya majoriti oleh mana-mana parti yang memerintah amat kecil. Secara logiknya orang berada ditampuk pemerintahan dalam keadaan ini akan sentiasa menjaga kepentingan rakyat sebaik mungkin bila memerintah.Sedikit sebanyak cara kita berkempen juga akan lebih terbuka....perbahasan juga akan lebih hebat dan sudah tentu mereka akan takut menawar diri sebagai pemimpin sekiranya mereka tahu diri mereka tidak hebat. Untuk memilih pemimpin terbaik bakal perdana menteri kita perlu adakan perdebatan terbuka disegenap pelusuk negara untuk mempermosikan kehebatan masing-masing tanpa sebarang sekatan media.  
By rizuwan on August 19, 2008 10:14 PM

Salam Tun,

This is the beginning of the end of UMNO.The end result will witness the leaders of UMNO burying their heads in the sand wearing the kain pulikat.  
By sdahenanAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:15 PM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABAROKATUH

Yang di hormati lagi di sayangi Ayahanda Tun dan Bonda Siti Hasmah

Mungkinkah bagi orang2 yang kecil PEMBERIAN DI NAMAKAN RASUAH tetapi bagi ORANG2 BESAR RASUAH DI NAMAKAN PEMBERIAN?

Biar lah ramai yang marahkan pada Ayahanda di atas pendedahan begini tetapi lebih ramai lagi yang amat berterimakasih pada ayahanda di atas maklumat2 yang amat berguna ini.

Semoga Ayahanda dan Bonda selalu berada di dalam limpahan Rahmat ALLAH SWT

Alif Lam Mim

WASSALAM

By wokyoh on August 19, 2008 10:16 PM

SALAM PERJUANGAN BUAT TUN YANG DIKASIHI.

1)topik tun ini teramatlah bagusya kalau tun simpan untuk disiarkan selepas 26.8.08.Buat masa ni topik tun ini wokyoh rasa tak berapa sesuai disebabkan iklim yang tak menentu lagi dipermatang pauh.

2)kadang-kadang wokyoh terfikir...adakah seorang pemimpin yang bijak dan banyak pengalaman seperti tun ini tidak mengambil peduli akan arah tuju politik negara??? maafkan wokyoh kiranya ...jauh disudut hati tun, tun sebenarnya menginginkan anwar menang dipermatang pauh sebenarnya.jika anwar menang itu menandakan umno dibawah paklah adalah lemah seperti yang tun dakwa sebelum ini.kemenangan anwar juga akan memberi pengajaran buat paklah dan najib yang selama ini tidak ambil peduli dan letak tun ketepi.keakraban anak tun marina dan nurul izzah menjadi tanda tanya wokyoh juga.dalam blog tun ini...tun tidak begitu menghentam anwar tetapi banyak menghentam paklah & co...komen saya dan mungkin komen-komen orang lain yang menghentam anwar dalam blog ini tun tak siarkan sepenuhnya.sekiranya anwar menang..anwar akan ke putrajaya dan kemungkinan paklah akan jatuh...ini adalah matlamat utama tun semenjak keluar umno...ingat...matlamat menghalalkan cara....kemenangan anwar juga akan menyebabkan paklah terjatuh hina sekiranya betul ada 30 orang MP yang akan lompat parti.ini adalah kerana jika diharapkan ahli dan MT umno..tidak mampu menjatuhkan paklah-najib apatah lagi mereka sudah ada MOU peralihan kuasa 2010. muhyidin sendiri pun hangat-hangat tahi ayam...apa lagi kuli...berkokok jarang-jarang...

Why when everybody said you are dictator... we got extremely small increament of everything. Those small pembangkang did extremely good job at that time...Dictator letak 3sen je increamentuntuk minyak masa tu.

Kita ni naik satu kapal Malaysia ..geng ni pecahkan sikit2 kat dalam dan geng tu lagi pecahkan sikit kat luar. Sorang pula terus jolok...anytime je tenggelam....Jadi tak heran kalau Tun akan tinggalkan kapal kalau ,

Terima Kasih Tun sebab majukan Malaysia....Semua dasar Tun baik dan berhasil sebab niat tu baik.

Kalau setiap project tu niatnya tak baik... penuhi kocek masing2 jadi hasilnya tak baik. Project khidmat negara apa yang baiknya untuk anak2 kita...Banyak yang cedera/mati etc....Untuk buat budget isi tabung poket kawan depa lagi le.

By Ir. Syahrizan on August 20, 2008 12:06 AM

Asalamualaikum dan Hello,

Tun Dr. Mahathir... nampaknya ada hikmah kenapa Allah mencipta keadaan yang huru-hara ini; bermakna ketibaan zaman kegemilangan Islam tak lama lagi. Nampaknya parti yang saya sendiri pun pandang rendah ada harapan menjadi "lead" untuk Malaysia yakni PAS. Not the best choice out there (cause I still believe religion should be "understood first" rather than been "forced" into, means "dakwah" should come into play first and not otherwise).

I'm sure the Al-Mighty Allah s.w.t. has given you the wisdom for the SOLUTION. Bismillah... Tun Dr. Mahathir... I think you should create the new alternative party, the NEW UMNO, with you holding the post as the Advisor/Spiritual Leader and the President will be handpicked by yourself or at least you could set up a committee to look for a suitable guy, I'm sure your supporters are out there are up to the task. I'll be the first one to register myself with the New UMNO when it happens. Amin.

The Return of the Jedi (Starwars).

By sabahkiniAuthor Profile Page on August 20, 2008 12:06 AM

Adakah UMNO penyelamat bangsa Melayu...Phuii.Bagi saya UMNO itulah yang melemahkan Melayu sendiri.Asyik-asyik subsidi,quota,basiswa,kontrak dll.Masih wujud ke pejuang bangsa Melayu pada zaman broadband dan 3G ni.Rasanya pejuang liwat ada kot.Hahaha.HIDUP BANGSA MALAYSIA.

By malaysiaku on August 20, 2008 12:13 AM

Salam Tun,

My advise to fellow Malays,Please use your God given brains.

Malay will always be the Prime Minister of the Country and control political power of this country no matter what! 67% voter are Malay and Bumiputra,26% are chinese 6% Indian 1% others.

What are the country need now is STRONG LEADER WITH VISION.

1.AAB - 38% (GOOD LEADER BUT LACK OF VISION)

2.NAJIB -36% (UNRELIABLE LEADERSHIP BUT GOOD PR)

4.KULI -42% (CAN BE CONSIDER)

5.M.Yasin - 39%(OK but lack of experiance)

6.DR.M - 72% (sorry RTD)

7.AI - 68% (GOOD CHOICE AT THE MOMENT)

COUNTRY NEED TO ACT FAST OR WILL LOSE OUR EGDE AGAINST OTHER COUNTRY>WE MUST LOOK AT BIGGER PICTURE AND DON"T LIVE LIKE "KATAK DIBAWAH TEMPURUNG OR JAGUH KAMPUNG.

When country is rich,We can build more university for Malays or send them overseas.Sekarang cakap saja 10% nak bukan bumi,dah mula buat bising!!Apa nak jadi dgn melayu ini TUN.!

By kdin on August 20, 2008 12:24 AM

SUARA KEBEBASAN KAMI TAK SAMPAI KE MATLAMAT.MESYUARAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN TELAH DIPENGARUHI OLEH WANG.ORGANISASI UMNO DIPERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN DI PENUHI OLEH AHLI2 KELUARGA KETUA2 YANG BERPANGKAT TERTINGGI DI PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN MANAKALA JAWATAN2 LAINNYA DI SEDIAKAN KEPADA PARA 'YESMAN' YANG AKUR PADA KETUA2 BAHAGIAN DAN CAWANGAN YANG BERDUI TADI.

MESYUARAT YANG DI KENDALIKAN BERMOTIFKAN STRATEGI OLEH MEREKA YANG TAMAK KUASA DI MANA AHLI2 LEWAT DI BERITAHU TENTANG TARIKH MESYUARAT DAN BILA TARIKH MESYUARAT DIJADUALKAN....YANG HADIR ADALAH KONCO2 PARA 'YESMAN'.CONTOH:BAHAGIAN KELANA JAYA DAN SETIA BUDI.

SALAM

By sordAuthor Profile Page on August 20, 2008 12:32 AM

Rasuah terlalu banyak dalam kerajaan,kalau nak komen satu hari pun tak habis mungkin. Begitu jugak kalau nak komem makan dua hari pun tak abis.Senang sekali buat promosi web ok kot.hehe.

By dakjam on August 20, 2008 12:37 AM

Assalamualaikum.....

Moga TDM dirahmati Allah SWT.

Oleh kerana TDM sudah memberikan komen tentang rasuah dalam UMNO, saya terpanggil untuk memberi sedikit ulasan tentang orang UMNO berpolitik. Mungkin isu dalam komen saya ini sudah wujud pada akhir-akhir pemerintahan TDM yang TDM mungkin tak perasan atau TDM perasan tetapi tak sempat nak perbetulkan atau mungkin TDM malas nak layan.

Saya ahli UMNO biasa sahaja. Ingin bergiat aktif tak boleh kerana berada dalam kumpulan A. Bagaimanapun, saya berpendapat bahawa politik tak boleh dipisahkan dalam kehidupan kerana politik adalah medium untuk kita memperjuangkan agama, bangsa dan negara. Oleh itu, saya tinjau-tinjau, khususnya orang UMNO berpolitik, iaitu:

\* Yang dapat saya perhatikan bahawa ramai orang UMNO yang sibuk berpolitik kini tak ukur baju ikut badan sendiri, iaitu SRP pun tak lulus, tanpa malu dan segan turut sibuk berkempen dan melobi untuk pegang jawatan. Malah tanpa perasaan malu pula tawar jawatan yang rendah daripada yang dia kejar kepada mereka yang sekolahnya tinggi. Mereka tak baca sejarah bahawa salah satu perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan adalah untuk meningkatkan pendidikan anak bangsa. Sebaliknya, apabila perjuangan UMNO ini tercapai, iaitu ramai anak bangsa terpelajar, mereka yang tak mahu belajar semasa bersekolah ini juga yang sibuk melobi nak pegang jawatan. (Lihat isu ini di peringkat negeri, bahagian dan cawangan).

\* Yang dapat saya perhatikan bahawa ramai orang UMNO yang sibuk berpolitik kini tak tahu mana KUASA BANGSA dan KUASA AGAMA hendak diletakkan. Lantaran itu, akhirnya mereka bukan menjadi pejuang dan pembela bangsa dan agama tetapi menjadi petualang dan pengkhianat bangsa dan agama. (Lihat isu ini di semua peringkat).

\* Yang dapat saya perhatikan bahawa ramai orang UMNO yang sibuk berpolitik kini tak sedar bahawa apa-apa yang dilakukan pada masa pemilihan UMNO dan di dunia ini tidak berakhir pada waktu pemilihan UMNO dan di dunia ini sahaja tetapi semuanya akan bersoaljawab di hadapan Allah SWT, iaitu di akhirat. Mereka tak sedar bahawa di akhirat itu tidak ada masa dan ruang untuk kempen, lobi-melobi dan tawar-menawar. Oleh itu, mereka tak kisah prinsip suci perjuangan UMNO dan ciri serta etika pemimpin dan kepimpinan UMNO dirogol.(Lihat isu ini di semua peringkat).

\* Yang dapat saya perhatikan bahawa ramai orang UMNO yang sibuk berpolitik kini berani buat yang bukan-bukan sama ada pada tindakan, kata-kata dan akhlak. Mereka pula tak sedar bahawa mereka dan

apa-apa yang dilakukan mereka DINILAI SECARA OBJEKTIF oleh kumpulan yang minat politik dan berpelajaran tinggi tetapi tak boleh berpolitik dan kumpulan yang tidak minat politik dan berpelajaran tinggi. Akhirnya, angkara mereka UMNO terhakis sokongan.

\* Yang dapat saya perhatikan bahawa ramai orang UMNO yang sibuk berpolitik kini tak tahu ciri-ciri pembinaan negara dan bangsa Malaysia sama ada yang tersurat dan tersirat. Lantaran itu, suara-suara sinis terhadap ketuanan Melayu, bahasa Melayu, agama Islam, Hak istimewa Melayu, Kedudukan Raja-Raja, Perdana Menteri mesti kalangan Melayu, kewujudan dan kedudukan mahkamah syariah, Ketua Hakim mesti kalangan Melayu wahima Ketua Menteri dan Menteri Besar mesti orang Melayu tidak dapat ditangani secara akademik, bijak dan berhemah. Usaha menangani isu ini lebih pada emosi, atas kata-kata retorik perpaduan dan akta ISA . Akhirnya, kaum lain tak faham-faham akan isu ini secara konkrit dan orang Melayu sendiri pun tak faham isu ini secara tuntas.

Itulah kesimpulan yang saya dapat buat TDM!

Sekian dan terima kasih.

By ezineartikelAuthor Profile Page on August 20, 2008 12:42 AM

Indonesia is getting better on corruption but Malaysia is going backward. Why ????? Dont we afraid of God anymore ? When is our Dark Knight going to rescue Malaysia as we dont believe with the government anymore . <http://www.ezineartikel.com>

By aiakelate on August 20, 2008 12:46 AM

Assalamualaikum TUN dan keluarga,

Memang benar apa yang ditulis oleh TUN dan ahli-ahli UMNO sendiri sedar tentang apa yang berlaku.

UMNO rosak semasa pemilihan cawangan lagi tetapi ianya tidak boleh dipersalahkan kerana UMNO semakin teruk adalah disebabkan oleh kelemahan Presiden yang mementingkan dirinya dan keluarganya sahaja.lanya turun ke peringkat Timbalan Presiden,Naib Presiden Ahli MKT, Ketua Bahagian,Ketua Cawangan, Ahli UMNO.Umno cawangan tidak boleh dipersalahkan kerana ianya terdiri daripada orang orang yang berpengetahuan rendah dan bila diberi wang mereka angkat tangan untuk sokong.Di dalam cawangan sendiri berlaku rasuah dan ugutan. Ugutan datang dari orang atasan yang berkepentingan contohnya PPM akan dipecat jika tidak sokong.Umno cawangan juga disandang oleh yang tak sepatutnya berada pada jawatan itu,begitu juga dengan AJK Bahagian dan seterusnya ke jawatan yang lebih tinggi.

Saya berpendapat kesan daripada rasuah politik ini dalam UMNO boleh menenggelamkan kapal UMNO yang dahulunya besar dan kukuh tetapi kini sudah bocor kerana kapal itu ditampal dengan wang kertas RM50 & RM100.

By suakbadil on August 20, 2008 12:51 AM

salam semua....

tak kira umno, pkr, pas, tau apa2 je lah fahaman, lambat laun kita tetap sama, bila mana bangsa melayu gigit jari d bumi sendiri...

time tu barulah nampak kebodohan, kesombongan, berkerut d muka semua org melayu...PADAN MUKA!!!

Hangpa tak faham2 lagi kah...

ada musuh islam yg sdng b'usaha mmecahbelah n mnghancurkan org islam.. Ayooooo kawan, blajar tinggi2 tpi otak simpan di lutut....

bersatu teguh bercerai roboh...

By drmuzi on August 20, 2008 12:51 AM

Tun! Can u write about the possibility of you form a new party as an alternative to all Malaysian.

BN will no longer be a viable party for Malaysian. MIC , MCA , Gerakan , PPP had come to almost non-existent other than those who came for the respective parties General Assembly.

Their grassroots support can be describe as extremely minimal.

UMNO is heading to that direction also, will be abandoned by the grassroots.

Pakatan Rakyat seems to flourish at the expense of the BN.

Yes Anwar may be a sodomist but compare to pak Lah, Anwar seems to appear to be a better leader at least perspectively.

pak Lah at present appeared as weak, diresctionless and stupid to the core.

So Malaysian left with either to support PR or BN. PR at least provide some hope in contrast to BN that appear only to cater to the leaders need.

Would u ever form a new party and provide an alternative to Malaysia especially the URBAN Malaysian?  
By pky on August 20, 2008 1:01 AM

Assalamualaikum Tun..

saya percaya malaysia semakin membangun di bawah pemerintahan Tun pada masa dahulu.sedihnya sekarang kami sebagai rakyat semakin terumbang ambing di bawah kepimpinan PM yang agak lemah..tetapi kepada sesiapa yang rasa pandai sangat dan mengutuk Tun, tunjukkanlah bukti yang ada dan jangan memutarbelit fakta semata-mata untuk menyalahkan Tun..

Hidup Tun Mahathir

By aju\_baizuraAuthor Profile Page on August 20, 2008 1:02 AM

Akum, Dr Mahathir

Susah saya nak definasikan maksud rasuah. Cumanya dah jadi practice dalam Malaysia. Nak capai target sanggup buat apa sahaja. Rasuah pun rasuah ler. Jual pride pun jual pride ler. Asal dapat aper yg di target.

Sy dipanggil untuk bagi kerjasama dgn BPR sebentar tadi. Saya menolak untuk menyerahkan maklumat berkenaan salah guna kuasa dalam jabatan kerajaan.Pada ketika ini, itu yg sy fikirkan.

Sy ada comment dlm blog Tun sebelum ni, comment sy tlh difowardkan ke BPR.Banyak sudut yg perlu difikirkan Tun, sebelum sy boleh ambil keputusan berkerjasama dengan BPR. Apakah kesan kepada Jabatan kerajaan ini, diri sy, dan orang lain.

Orang Melayu terlalu menjaga nama baik kan. Cakap kena baik2. Saya tak boleh rosakkan nama jabatan, tapi they all boleh rosakkan nama saya.

I'm still young to go trough all this thing. Let me built my carier, to be profesional engineer, get my master and PhD.This is the thing i ask for help. Sy bukan nak minta wang ringgit orang lain apetah lagi simpati.

P/S :

normal yg tak normal.

**BILA DAH ADA PANGKAT, ADA KUASA. SEGELITIR MANUSIA AKAN SALAH GUNA KUASA DAN PANGKAT MEREKA.BUKAN MEREKA MELIHAT PANGKAT DAN KUASA ITU ADALAH SATU TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH YANG LEBIH BESAR UNTUK DIPIKUL.**

By xbrainAuthor Profile Page on August 20, 2008 1:06 AM

rasuah dan umno sangat parah

ada yang menggunakan belia 4b sebagai jentera utk mendapat undi

ada yang menggunakan NGO

ada jugak yang memberi wang di bilik hotel

By oktantAuthor Profile Page on August 20, 2008 1:08 AM

Salam Sejahtera kepada semua pembaca,

Pada pandangan saya, gejala rasuah ni memang dah lama berlaku. Ia akan terus berlaku jika tidak dibanteras.

Namun, kita tidak boleh hanya menunding jari pada pihak tertentu saja. Kita perlu lihat dan kaji melalui pelbagai aspek atau sudut.

Rasuah terjadi kerana ada pemberi dan penerima. Ia pastinya melibatkan lebih drpd satu pihak.

-----

Sebagai contoh;

Seseorang itu terpaksa menerima rasuah walaupun dia tidak sanggup menerimanya kerana sedar ia adalah salah dan tak beretika langsung.

Tapi kalau dia tak terima, dia dalam keadaan terhimpit. Mungkin akan kehilangan jawatan, dipulau, dituduh atau masalah lain pula timbul.

Dalam keadaan terpaksa, dia terpaksa terima.

Dalam kes ini, takkan kita nak menyalahkan si penerima rasuah tu bulat-bulat, kan?

Banyak perkara yang perlu kita ambil kira dan selidiki secara telus sebelum mengambil tindakan lanjut.

-----

Kesimpulannya, kita perlulah sepakat membanteras rasuah ni habis-habisan. Banteras hingga ke akar umbi. Ianya pasti akan mengambil masa dan lakukanlah dengan konsisten. Jangan biarkan golongan tertentu terus ditindas selamanya.

Saya harap ada pemimpin yang berani memperbetulkan keadaan. Tampilkan diri anda tetapi jangan pula bertindak seorang diri.

Berpakatlh sesama sendiri dalam menegakkan kebenaran. Berani kerana benar. Jangan pula hanya berani



meneeggakkan benang yang basah!

p.s: sekadar pandangan sahaja. kalau ada yang salah, sama-sama kita perbetulkan.

p.p.s: contoh di atas tiada kaitan dengan mana-mana pihak sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia.

Sekian, terima kasih.

By kroolaznizam on August 20, 2008 1:27 AM

Salam Tokdet...

Kesimpulannya Tok, Pemilihan Agung UMNO Disember ini adalah kayu pengukur untuk menilai tahap manakah Barah yang menyerang UMNO dan apakah UMNO yang kita sayang ni masih lagi boleh diubati...

Jika tiada tindak balas, maknanya tok.. Barah yang menyerang sangat merbahaya dan UMNO tidak lagi apat diselamatkan ...

Apakah Barah yang menyerang UMNO sudah menjalar ke seluruh tubuh UMNO hingga ke akar umbi?

Jika YA, UMNO harus dipotong dengan segera dari hidup orang-orang Melayu, agar benih-benih baru tidak dijangkiti oleh Barah yang sama tok...

Kita tak mahu Barah ni terus menular, menghantui hidup generasi akan datang...

Sedalam mana pun sayang kita terhadap UMNO tok, sudah sampai masanya UMNO meninggalkan kita, dan kita relakan ia berkubur dalam lipatan sejarah...

Tempoh masa UMNO untuk hidup hanyalah hingga Disember ini...

Sudah sampai masanya tok untuk Parti Baru atau kita lihat sahaja Wawasan2020 tinggal kenangan.

Salam Tok....

:(

By ManchibutAuthor Profile Page on August 20, 2008 2:00 AM

Tun Yang Terhormat,

Saya teringat kata-kata Azmin Ali ketika ai hari-hari terakhir kempen PRU 12 yang lepas.

Katanya: "Perhimpunan kita di sini (Ampang) adalah perhimpunan terakhir. Mulai 9 Mac kita akan berhimpun di Putrajaya pula. Esok bila kita berkuasa kita akan beri pendidikan percuma kepada semua pelajar sekolah hingga ke peringkat universiti. Kita akan turunkan harga minyak.

"Bila kita berkuasa nanti kita akan bersihkan pentadbiran negara dari rasuah. Kita akan tangkap Ketua Polis Negara kerana penyalahgunaan kuasa. Najib kita akan lantik dia sebagai duta. Kita akan hantar dia menjadi duta ke Mongolia."

Kalau Anwar menang dan memanjat naik kerusi PM nanti, saya percaya orang-orang kuat dalam PKR akan guna sepenuh kuasa mereka untuk balas dendam seburuk-buruknya, seperti kata-kata yang dibayangkan Azmin itu.

Masa Pak Lah perintah negara bertukar gelap & kelabu. Kalau depa PKR tu perinth nampak-nampaknya Melayu dan Malaysia akan bertukar jadi harubiru.

By Shady\_surf on August 20, 2008 2:01 AM

RASUAH SUDAH SEBATI DENGAN MELAYU :) BANGUN LAAAAA UMNO STICK TO PLAN MANNN!!!  
By RyscheClyde on August 20, 2008 2:11 AM

Jika apa yang TUN katakan itu benar dan tetera hitam putihnya, maka UMNO sudah jadi tidak relevan lagi. Ditambah pula pihak pembangkang mempunyai anggota komponen yang kuat dari segi permuafakatan diantara parti parti mereka. Gejala RASUAH telah banyak memberi faedah yang BURUK terhadap seseorang itu secara individu atau secara keseluruhan berkumpulan seperti UMNO.

Sekarang ternyata bahawasanya orang MELAYU tidak boleh memerintah serta mentadbir negaranya sendiri. Daripada segi pengurusan baik di sektor kerajaan ataupun sektor swasta kita dapati pemilik pemilik melayu tidak menjalankan dengan kelas grade A. Oleh yang demikian sekarang pengurusan kerajaan pula dituntut oleh bangsa bukan BUMIPUTRA. Dgn alasan gejala RASUAH berleluasa dan pelbagai projek projek yg merugikan

Terdapat pelbagai andaian telah berleluasa dikalangan rakyat rakyat biasa. Diantaranya yang amat mengusarkan ialah apabila Pakatan memerintah negara. Setengah berpendapat Jika ANWAR menjadi PM- maka ANWAR adalah orang melayu terakhir menjadi Perdana Menteri. Ini adalah kerana pihak pasukan Non Bumi (DAP) akan menuntut segala keistimewaan orang melayu atas dasar sama rata dan keadilan. Telah byk forum forum dan perbincangan (discussion) dalam internet yang diluahkan bangsa non bumi berkenaan isu tersebut. Sudah pasti ANWAR untuk menerajui kerajaan akan mengotakan permintaan mereka. Contoh posisi/kerusi timbalan PM mesti diberikan kepada orang bukan BUMI.

Dgn Anwar menjadi sebagai PM, pihak pembangkang akan sekat kemaraan UMNO dan Barisan Nasional untuk kembali berkuasa. IGP,AG, dan Kehakiman berkemungkinan besar akan disandang oleh orang orang mereka yang ternyata tidak akan menyebelahi orang melayu lagi. Ada juga ura ura yang menyatakan apabila Pakatan pegang kerajaan mereka akan mengharamkan UMNO sebagai sebuah parti politik yang berdaftar. Walaupun bunyinya agak mustahil tetapi ianya boleh berlaku. Dan apabila ianya berlaku maka perpecahan besar besaran akan berlaku diantara orang melayu.

Ada juga yang mengatakan jika PAS memerintah-kekuatan EKONOMI malaysia akan gugur dan jatuh hingga menjadikan Malaysia mundur akibat kerana banyak sangat sekatan. Para pelabur asing berkemungkinan besar tidak akan melabur kerana struktur undang undang eksterminya. Sekatan sekatan ini akan menyumbang tidak keyakinan pelabur barat dan timur untuk melabur disini. Keuntungan pelaburan tidak akan tercapai dengan adanya undang undang ekstremis tersebut.

Apabila ini berlaku orang melayu akan hilang kredibilitinya untuk membangun. "mereka-mereka" ini akan memastikan orang melayu tidak akan dapat peluang langsung untuk menerajui keperingkat tinggi walaupun majoriti penduduk melayu itu ramai. Segala sekatan sekatan akan dikenakan untuk memperbaharui perpaduan orang melayu. Contoh dengan mensuntuikkan elimen elimen RACIST seandainya ada mana mana pihak yg cuba untuk menyatukan perpaduan melayu.

"Mereka-mereka" akan menggunakan mode "sensitive" sebagai penghalang untuk orang melayu menyuarakan kepentingan mereka sebagai PriBumi Malaysia. Contoh: Seandainya ada orang melayu menyuarakan untuk menyatukan bangsanya mereka akan dikecam dan dilabel kan sebagai RACIST/Perkauman. Suatu resolusi akan termaktub dan perlembagaan baru akan dibentang dimana status BUMIPUTRA dan HAK KEISTIMEWAANNYA dibubarkan dan tidak boleh dipersoalkan kerana akan membawa perpecahan harmoni.

Kerana RASUAH dan KRONISME maka hancurlah United Malay National Organisation. Jika statement ini menyakitkan hati minta maaf banyak banyak, anda tidak perlu mempercayainya kerana ianya adalah andaian individu. Sekian Terima kasih  
By fadzie on August 20, 2008 2:12 AM

Assalamualaikum Tun...

Rasuah memang berlaku dimana sahaja, tidak mengira masa dan sesiapa jua. Rasuah berlaku di seluruh dunia setiap hari. Bagaimanapun rasuah adalah perkara yang serius jika berlaku dalam pentadbiran sesebuah negara. Pentadbiran negara tidak akan menjadi cekap. Seseorang pemimpin itu dilantik bukan berdasarkan kebolehannya mentadbir atau menguruskan sesuatu, tetapi di atas pilih kasih atau rasuah.

Rasuah di dalam UMNO telah menyebabkan UMNO telah dilemahakan sendiri oleh ahli-ahli UMNO serta pemimpin-pemimpinnya. Sebagai pemimpin, mereka seharusnya bertanggungjawab ke atas amanah yang diberikan, bukan mengumpul harta kekayaan ke kepada ahli keluarga dan kroni. Berkaitan dengan kroni, bukan sahaja UMNO terlibat malahan DSAI juga terlibat dengan kroni. Ini dapat dilihat dalam PKR sendiri seolah-olah adalah parti keluarga DSAI. Wan Azizah dengan mudahnya meletak jawatan sebagai wakil rakyat Permatang Pauh, sedangkan rakyat disitu telah memilihnya sebagai wakil rakyat yang boleh memimpin kawasan tersebut. Bagaimanapun beliau bertanding hanya untuk kerusi suaminya sahaja. Jelas kelihatan bahawa hati rakyat telah dipermainkan begitu sahaja oleh ahli keluarga.

Pemimpin UMNO dan semua pemimpin negara seharusnya mengambil cara pendekatan yang baik dalam menangani soal perantikan wakil pemimpin, urusan pentadbiran secara saksama tanpa rasuah supaya lebih telus dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin yang disegani. Pegawai kerajaan juga memandang berat isu rasuah kerana ini isu negara.

Sekian...

By azlash on August 20, 2008 2:14 AM

Salam Tun

Nak buat macam mana Tun....? Terpaksa lah kami terima apa saja yg bakal berlaku pada Negara kita ni. Siapa yang bakal memerintah dan corak mana pemerintah mereka kenalah kami terima sebab orang Melayu semua dah gadaikan maruah bangsa sendiri, dah gadaikan maruah Negara dan Agama. Nampak gaya kami terpaksa jaga maruah kami, keluarga kami dan Agama kami sendiri tanpa mengharapkan mana2 parti....

Take care Tun.

By tanahairAuthor Profile Page on August 20, 2008 2:19 AM

DEAR TAN TAN,

I THINK YOU BETTER READ A BOOK OR RATHER MONOGRAPH OR A THESIS BY LILY ZUBAIDAH RAHIM, DAUGHTER OF FORMER S'PORE PRESIDENT, A SCHOLAR, WHO IS NOW RESIDING IN AUSTRALIA. YOU CAN FIND IT IN KINOKUNIYA, KLCC. THEN ONLY YOU TALK ABOUT SINGAPOREAN MALAYS.

BY THE WAY, WHY REJECT WAWASAN SCHOOL, WHY QUESTION MALAY KINGS, MALAY RELIGION & CUSTOM, MALAY RIGHTS? WHY A PARTY WANTS QUICKLY GIVE NEW VILLAGES 999 YEARS ACQUISITION? WHY BIG PIG FARMING IN MALAY KAMPUNGS? WHY NOT RESPECTING BAHASA MALAYSIA? WHY IS THERE A 'NAMEWEE' OR PEOPLE OF SIMILAR ATTITUDE?

THERE IS A MALAY SAYING, 'ORANG BERBUDI, KITA BERBAHASA...'

THE MALAYS ARE NATURAL GENTLEMEN, FRANK SWETTENHAM USED TO SAY. THEY ARE NOT THAT BAD. THEY JUST NEED GOOD UNDERSTANDING FRIENDS. WE JUST NEED TO LEARN FROM EACH OTHER.

By Boser Buben on August 20, 2008 2:44 AM

Dear Sir,

This degradation and slow decay of a body (I have a problem of accepting that a nation is led by a "PARTY") that has been entrusted to protect and to serve the people of this beloved country is a result of the loss of two good friends.

The two are the closest of friends, closer than any blood brothers (or sisters) can ever become. It is indeed a sad day when we lost them. If only they would return, with their heads held high.

The two friends we've lost (hopefully not forever) are known as HONOR and INTEGRITY.

God Bless Malaysiaku.

By azienmat on August 20, 2008 2:52 AM

Rasuah kini berlaku dimana-mana. Gejala ini amatlah membimbangkan. Ia umpama barah yang sukar dibendung lagi. Dan penyakit ini pantas sekali menular keserata pelusuk tempat dan peringkat, dalam masyarakat negara kita.

Kalau dulu, bila disebut rasuah apa yang aku bayangkan hanyalah orang cina, manakala bodek aku ingat Keling. Kini, perangai itu sudah berjangkit, kita boleh lihat orang melayu rasa tak segan-silu, tanpa malu-malu, sudah pandai bab 'huluq-menghuluq' ni. Sungguh beradab dan berbudi bahasa sekali jaganya. Tujur katanya, aduh..meyakinkan.

Encik,

Nak pergi imegresen kena rasuah, pergi JPJ kena rasuah, DBKL rasuah, Perbandaran, Kesihatan rasuah, Hospital rasuah, Klinik rasuah, Universiti Sekolah rasuah, Guru Pensyarah, Menteri, Ketua Jabatan, CEO, Pengarah, Pengurus, Businessman pun terlibat rasuah, Sukan, Bolasepak rasuah, Persatuan rasuah, Cawangan, Bahagian terlibat sama rasuah. Istana rasuah, Politik rasuah, Bank rasuah, Super-Hypermarket, kedai runcit, restoran, Warung tepi jalan, buat jalan pun kena rasuah. Nak buat rumah sama. Bomba pun rasuah?!! Polis?? kalau polis tak rasuah, pun orang cakap jugak.. JAWI? JAIS?? Dan tak lupa nak aku sebutkan disini, Peguam pandai rasuah! Hakim rasuah juga, tahu...

Encik,

Bukan saja UMNO itu rasuah, PAS pun dah berjangkit, maklumlah dah loaded! Keadilan? jangan cakaplah.. DAP?? no komen!

Harus barang diingat, rasuah tak akan berlaku seorang diri atau sebelah pihak sahaja. Ia pasti melibatkan dua tiga penggerak, ada pelakon utama, pelakon pembantu dan pelakon-pelakon tambahannya, barulah dramanya nampak berkesan. Lagi ramai pelakon, lagi bagus. Adanya Pelakon-pelakon yang bagus, jalan cerita menarik, ada harapan cerah dapat award..

Agak-agaknya, episod drama di Permatang Pauh kali inilah, dimana scene yang rasuahnya bebas sama sekali.. tunjuk sikit, ceruk mana tu..

By Tun Dr Marvellous on August 20, 2008 2:55 AM

Salam Hormat Tun dan Pembaca,

15..."Mereka akan kembali menjadi hamba orang, mempertahankan orang. Mereka akan jadi seperti orang Melayu Singapura yang sudah jadi kaum minoriti yang termiskin di pulau yang sebenarnya sebahagian dari Tanah Melayu dahulu. Inilah nasib yang menunggu orang Melayu".

\*\*\*\*\*

Status of Malays in Singapore

Although many Malays in Singapore are generally of mixed descent, they are still recognised as indigenous people of Singapore by the Singapore Constitution, Part XIII, General Provisions, Minorities and special position of Malays, section 152:

The Government shall exercise its functions in such manner as to recognise the special position of the

Malays, who are the indigenous people of Singapore, and accordingly it shall be the responsibility of the Government to protect, safeguard, support, foster and promote their political, educational, religious, economic, social and cultural interests and the Malay language.

[http://en.wikipedia.org/wiki/Malays\\_in\\_Singapore#Population\\_of\\_the\\_Malay\\_in\\_Singapore](http://en.wikipedia.org/wiki/Malays_in_Singapore#Population_of_the_Malay_in_Singapore)

\*\*\*\*\*

## History

Before its transformation, the area was originally quite hilly with many vegetable farms and coconut plantations. In the later part of the 19th century, many Malays congregated in the Geylang area along with wealthy Arabs like the Alkaff, who built a mosque, the Alsagoff and the Aljunied. The Alsagoffs were land-owners of the very large Perseverance Estate which stretched from Geylang Serai to Jalan Eunos. In the later half of the 19th century, Perseverance Estate cultivated serai or "lemon grass".

Jalan Eunos was also the custodian of one of the last Malay settlement on the island. The well-known Jalan Eunos Malay Settlement, originally called Kampong Melayu and renamed Kampong Eunos, was situated nearer to Changi Road, off Jalan Eunos. It started with Inche Muhammad Eunos Abdullah, Chairman and co-founder of the Kesatuan Melayu Singapura (the Singapore Malay Union) and the first Malay representative of the Legislative Council. Inspired by the Malay settlement of Kampung Baru in Kuala Lumpur, Inche Eunos appealed and was granted land reserved for a "Malay Kampong" in 1927. The Government provided a S\$700,000 grant and the Kesatuan Melayu Singapura purchased 240 ha. of land, which later became known as Kampong Melayu. The settlers to Kampong Melayu had to clear the land themselves to construct their new homes. Towards the 1930s, development of the Settlement intensified when the Government decided to resettle Malays from Kallang Village to make way for the construction of Kallang Airport. In 1960, the Jalan Eunos Malay Settlement was extended to include the Kaki Bukit area. The register of settlers was closed in 1965 when it had some 1,300 houses. It was de-gazetted for urban renewal in 1981 to make way for the Pan Island expressway.

[http://infopedia.nl.sg/articles/SIP\\_738\\_2005-01-24.html](http://infopedia.nl.sg/articles/SIP_738_2005-01-24.html)

Demi Masa 'Bahasa Kebangsaan ia-itu Melayu dan Lagu Kebangsaan ia-itu Majulah Singapura' tunggu hari utk di-hapuskan diganti bahasa Ingeris atau Mandarin.  
By aditakAuthor Profile Page on August 20, 2008 3:06 AM

gejala rasuah memang dari dulu lagi.. sekarang ni baru orang ramai sedar.. saya pun ahli umno juga.. sebab tu saya tau. Silap ahli umno juga, yang nak terima rasuah. Bila dah berleluasa sangat pasai rasuah, orang ramai dapat tau, tu yang depa undi boikot. Pemimpin yang bagi rasuah(investment) bila dah menang, dia pulun semua kontract. Pasai tanah la.. pembanggunan la.. alasan ja.. tu yang bagi orang lagi tak caya. Terang sangat. Masa Tun dulu pun ada juga. tapi tak la terang sangat.  
By Tun Dr Marvellous on August 20, 2008 3:29 AM

Salam Hormat Tun dan Pembaca,

3. "Baru-baru ini saya telah dapat maklumat daripada beberapa pemimpin UMNO bahawa rasuah, iaitu pemberian duit yang tidak kecil jumlahnya dan pemberian lain-lain, telah dilakukan untuk pemilihan ke Majlis Tertinggi dan Ketua Pemuda".

a). INI SUDAH MELAMPAU, BUKAN DUIT UMNO INI DUIT RAKYAT, HARTA RAKYAT DI-PERSALAH GUNAKAN UTK KEPENTINGAN PERIBADI DAN KUNCU2 SERTA AHLI KELUARGA.

11. Inilah keadaan dalam UMNO sekarang.

a). INILAH KEADAAN DALAM MALAYSIA SEKARANG.

12. Malangnya yang boleh bertindak hanyalah ahli UMNO.

a). ALANGKAH BAIK JIKA RAKYAT BERTINDAK SEKARANG bukan Ahli UMNO.

13. Saya tidak fikir ada dalam UMNO orang yang mampu bertindak.  
a). SEJAK TUN KELUAR DARI UMNO JEJALA RASUAH SEMAKIN MENJADI-JADI.

APA DAH JADI dari lagu S.M Salim.

By putera penang on August 20, 2008 3:47 AM

ANAK KECIL BERMAIN API.....

Anak kecil main api  
Terbakar hatinya yang sepi  
Airmata darah bercampur keringkat  
Bumi dipijak milik orang  
Nenek moyang kaya raya  
Tergadai seluruh harta benda  
Akibat sengketa sesama kita  
Cinta lenyap di arus zaman  
Indahnya bumi kita ini  
Warisan berkurun lamanya  
Hasil mengalir ke tangan yang lain  
Pribumi merintah sendiri  
Masa depan sungguh kelam  
Kan lenyap peristiwa semalam  
Tertutuplah hati terkunci mati  
Maruah peribadi dah hilang  
Kita kita cuma tinggal kuasa  
Yang akan menentukan bangsa  
Barsatulah hati bersama berbakti  
Pulih kembali harga diri  
Kita sudah tiada masa  
Majulah dengan gagah perkasa  
Janganlah terlalai teruskan usaha  
Melayu kan gagah di nusantara  
By putera penang on August 20, 2008 4:07 AM

Salam.....

Tun hanya tun saja dapat memulihkan melayu tak payah kita cakap pasal umno yg tahu nak bodohkan bangsa melayu. saya asal dari keluarga yang sokong 100% umno tapi sekarang umno hanya tinggal nama bukan nak memperjuangkan hak melayu tapi cuma pandai taburkan janji manis dan hanya tahu bersorak tapi tanah tergadai bagi bangsa lain.kalau sekarang pak lah boleh tengok orang melayu penang di perkotak-katikkan oleh bangsa lain tapi apa yang dia buat diam dan cuma tahu fikirkan macam mana nak kayakan anak, bini dan kroni.sampai bila tun hanya nak bercakap dalam media dan mendingankan diri sanggupkah tun tengok bangsa tun jadi pengemis ditanah yang tun majukan selama 22tahun. tun saya rasa tun masih mampu buat sesuatu supaya pemimpin sekarang dapat musnahkan dan kita bela nasib rakyat dan saya rasa lebih 80% rakyat malaysia dan berbangsa melayu tunggu tun membuka langkah untuk memusnahkan pemimpin yang merosakkan bangsa.tun saya sanggup masuk penjara atau bertukar nyawa kalau benda ini yang di tuntutan untuk mengembalikan maruah bangsa dan agama yang menjadi darah daging saya. hidup saya tak bererti kalau bangsa melayu tak bermaruah dan senang di perkotak-katikkan oleh bangsa lain sedangkan tanah bertuah yang saya pijak sekarang adalah tanah nenek moyang kita bangsa melayu.....HIDUP MELAYU.....

.....HIDUP TUN DR MAHATHIR.....

By Saya Taktau on August 20, 2008 4:22 AM

Tun,

Tak taulah.... saya tak tau pun. Saya apa pun tak tau. Tau tau saja tak tau. Nak kata tau pun tak tau. Nak kata tak tau pun tak tau.

By Tun Dr Marvellous on August 20, 2008 4:35 AM

Salam Hormat Tun dan Pembaca,

Tun, tolong tunjukkan cara macam mana nak masok UMNO. Sungguh ajaib sekali dgn sekelip mata boleh jadi kaya raya tidak payah belajar tinggi2 dgn bantuan NEP. Dengan "rasuah yang dilakukan oleh Presiden sendiri untuk mendapat sokongan bagi pencalonannya sebagai Presiden pada Disember ini" dan juga "iaitu pemberian duit yang tidak kecil jumlahnya dan pemberian lain-lain, telah dilakukan untuk pemilihan ke Majlis Tertinggi dan Ketua Pemuda" atau "diberi saguhati dengan dilantik sebagai Senator dan melalui saluran ini mungkin dapat jadi Menteri lagi, atau dapat jadi pengerusi syarikat GLC, atau jadi penasihat berpangkat Menteri kepada PM atau pengerusi badan-badan lain, atau dijadikan duta dan lain-lain, semuanya dengan elaun-elaun yang lumayan juga".

Siapa tidak mau "diberi sogokan wang yang besar dan diberi kontrak projek Kerajaan supaya mencalonkan calon tertentu".

Aku yang disogok pula tidak akan membuat apa-apa laporan utk kepentingan diri ku serta keluarga ku. Pergilah "MAMPUS MELAYU, APA AKU PEDULI".

Aduhai....!. Gila sekali aku dapat jadi senang dgn hanya beri sokongan kpd Presiden UMNO dan Kunci2nya serta kroni2nya juga.

Tun. Tolonglah aku macam mana nak 'join' UMNO.

Sekiranya tiada siapa boleh ambil tindakan, Apakah TUN sudah bersedia menyelamatkan Malaysia kpd kehancuran...

By Zahar on August 20, 2008 4:46 AM

as salaamu alaikum Tun dan rakan2,

Saya masih ingat sewaktu membesar dulu (pra era TDM) bagaimana keluarga kami makan gulai ayam dua atau tigakali seminggu, dan itu pun kalau peha ayam, kami berlima cubit sikit sorang asalkan dapat nama makan ayam malam itu. Anak2 saya sekarang, kalau pergi makan di hotel atau restoran kelas mewah, boleh dapat makan dua tiga ketul ayam sorang. How times change.

My point is, budak2 Melayu zaman sekarang kebanyakan yang tak pernah rasa susah. Kot depa fikir, mak bapak depa atau datuk mereka yang menaikkan ekonomi Malaysia atau ekonomi di Malaysia ini naik dengan sendiri, sehingga mereka jadi kaya dan dapat merasakan kekayaan secara peribadi. Tanpa pengasas tanpa dorongan tanpa control.

Ya Melayu Mudah Lupa yang semenjak 22 tahun siapa yang menerajui negara ini, siapa yang menyelamatkan Malaysia dari George Soros dan geng, siapa yang dimaki hamun kerana kegigihan dia mentadbir negara berbilang kaum ini. Kot depa fikir, kalau Tun takde pun, jadi jugak Malaysia ni. Kot depa lupa, masa Anwar jadi PM sementara dulu berapa banyak polisi yang aneh2 yang dia implement kerana tak tahu mentadbir.

Tetapi melihat kepada keparahan situasi UMNO ini, macam dah tak boleh buat apa dah. Retak tunggu hancur aja.

Saranan saya, que sera sera aje lah. Kalau Melayu sampai udah tak tahu nak balas budi, udah fikir mereka tak akan didominasi dan bakal ditekan di persada sendiri, terjun lah Luncai! Terjun lah dengan labu2 kau tu...Jom kita balik ke zaman seperti saya membesar dulu, makan ubi kayu dan share2 peha ayam seketul sekeluarga. Best tau kalau makan peha ayam sikit2 macam tu. Kurang kolesterol, darah tinggi pun hilang, badan jadi ramping dan sihat.

Kita go back to the days when semua bangsa lain is better than us, di persada yang pernah digelar Tanah Melayu. Suruh kerja malas, suruh belajar pi politik, suruh belajar sains dan teknologi, dok kalut sms tengok AF, suruh jaga bangsa, tapi nak duit dan pangkat, bagus lah, teruskan lah, Luncai teruskan. Terjun kita sesama, 'k?

By isahbiazhar on August 20, 2008 5:01 AM

Corruption was intensified during your era.You lived with it.You taught the Malays how to be corrupt.You taught the Chinese how to win the Malays;that is give money.You are the cause what corruption is now.Every Malay leader is corrupted because the coffers is always full.Just find means to take it legitimately.Now when you preach, it falls on deaf ears.We cannot revert but have to live with it like other Asian countries except Singapore.

By leo7 on August 20, 2008 6:14 AM

Tun Mahathir,

Salam dengan penuh hormat.

Berulang kali saya mengatakan rasuah tidak bolih di hapuskan selagi kita mempunyai perasaan hati dan kepentingan diri.

Rasuah tidak bolih berlaku jika satu pihak sahaja yang bertindak, ia memerlukan 2 pihak yang berkepentingan diri.Tangan ynag menghulur adalah lebih durjana dari yang menerima.

Yang menghulur memahami peraturan tetap yang sedia ujud dan bertindak dengan cara "sogok" untuk melintasi rintangan peraturan tersebut untuk kepentingan diri dan yang menerima,tidak amanah dan maruah yang sepatutnya diletakan dalam "longkang" sahaja.

Masalahnya kita hanya memberi perhatian kepada mereka yang menerima . Orang yang menerima pastinya tidak amanah dan tiada maruah tetapi mereka juga mempunyai kepentingan diri.Jika mereka menuntut di sogok untuk membuka ruang kelonggaran peraturan,ini adalah "daylight robbery" dan yang di tuntutan seharusnya melaporkan kepada yang lebih berkuasa mengikut system perhubungan setempat.

Jika mereka tidak menggunakan saluran perhubungan setempat,pastinya mereka tidak mahu "kepentingan" mereka tersebar,samada "kepentingan" ini tidak menepati peraturan atau untuk mendahului dari yang lebih berhak untuk "peluang" tersebut.

Dipendekan, penilaian pemberian kuasa adalah penting, menyusun system yang menghindar kebolosan "rasuah" adalah lebih penting.

"Peluang" adalah di tangan yang berkuasa dan beribu yang menunggu peluang ini.Hanya mereka yang ingin mendahului barisan yang menunggu akan menggunakan "pintu belakang".Pada pendapat saya disinilah punca "rasuah " bermula.Yang berkepentingan akan memulakan proses "memberi" dan yang tidak amanah dan bermoral bangsat akan "menerima".

"Rasuah" melibatkan dua pihak dan jika tindakan hanya keatas satu pihak,"penganiayaan" bolih berlaku dengan mudah.

Seharusnya tindakan patut di ambil terhadap kedua dua pihak yang "memberi" dan yang "menerima" sambil system penapisan mencegah rasuah dan penilaian pemberian kuasa di perketaskan.

Tentang AAB dan UMNO pastinya yang "berkuasa" telah salah gunakan "kuasa" dan yang "memberi" adalah punca rasuah.

AAB, PM Malaysia adalah "kuasa" utama tetapi sayang, bagaikan Srigala berbulu Kambing.

By mumu on August 20, 2008 7:01 AM



Assalamualaikom Tun, selamat pagi, saya sekeluarga merayu kepada Tun semoga Tun mai le masok semula Umno. Tun jangan lah merajuk terlalu lama, kami semua sedih Tun keluar dari Umno. Tun masok aje, tapi tak yah le active banyak sangat, sebab kesihatan. Memang memilukan menengok keadaan politik diMsia. Ramai orang yang tidak puas hati dengan keadaan sekarang. Harapkan kerajaan BN buka mata seluas2nya dan dengari kelohan rakyat. Saya tidak yakin dengan PKR sebab terlalu banyak dolak dalek, looks like it is all for them. Talking about cronies and the rest, even they are not in power they already make mistakes from one to other. Not to say BN tidak buat silap, but praying what is happening now, they must change and upgrade their 'reign'.

Semoga Tun sekeluarga sehat selalu, murahkan rezeki dan panjangkan umor untok buat amal kebajikan, dengan izinNYa. Amin. Fikir2 le ye Tun, semoga Tun juga dengar kelohan rakyat yang masih sayang kepada Tun. MASIH ADA YANG SAYANG.

By suratmen on August 20, 2008 7:15 AM

Assalamualaikom,

Memang berlaku RASUAH dlm UMNO itu sendiri,tapi sayang org-org MELAYU kebanyaakannya bertuhankan WANG tak seperti UMNO dahulu.Ramai pemimpin yg tak berani,tampil menyatakannya kerana semua ada SYARIKAT2 sendiri dan kepentingan peribadi yg perlu dijaga.

paklah seorang yg baik cuma BODOH sikit saja ditambah pula kebodohnya oleh menantu dan anaknya yg mempunyai mak baru.Nak jaga hati anak menantu bila dapat mak baru apasalnya PEJAMKAN MATA halahkan RASUAH utk KELUARGA.

SAYA DAN PEMUDA BHG.BKT GELUGOR P.PINANG SENTIASA MEMBERI SOKONGAN PENUH PADA DATO'MUKHRIZ TANPA WAS-WAS.

\*Kami doakan semoga TUN sihat-sihat selalu dan dipanjangkan usia oleh ALLAH S.W.T

Wasalam,

By zaidi suhaimi gilongAuthor Profile Page on August 20, 2008 7:17 AM

Salam Tun.

Amalan Rasuah itu mesti dihapuskan.

Salam Tun.

By thebigdipper on August 20, 2008 7:40 AM

YABhg. Tun.

The way things are going, UMNO will surely be crucified come next general elections.

By waja\_8868 on August 20, 2008 7:45 AM

Salam Tun..

Saya tumpang sedih dgn keadaan Tun skrg. Tun umpama seorg ayah yg telah menyediakan semuanya utk anak2. Sepatutnya dlm usia skrg Tun lebih byk berehat dan melakukan aktiviti2/ hobi yg Tun tak sempat lakukan sewaktu berkhidmat.

Malangnya anak2 yg diharap dpt memikul tanggungjawab dan meneruskan usaha hanya berminat utk mengaut harta (typical Melayu) dan berjoli, berlagak, sombong...

Ada pulak anak2 yg tak kenang budi menghentam Tun mangatakan Tunlah punca segala2nya dan gagal dsb. Ayah2 kita pun tak perfect dan ada kesilapan2 (sifat manusia), inikan pula "Father of a Nation". Takkan dah besar panjang pun nak harapkan bantuan org tua lagi. Tapi, inilah Melayu... semasa org tua hidup, kerah keringatnya sampai kering. Dah takda besok baru nak kenanglah, menyesallah dll.

You may not be perfect but nothing can take away your greatness. This greatness come from Allah...always remember that.

I wish you the best of health. May you continue to live another 100 years (insyaAllah) and may Allah protect us all..

By Anba on August 20, 2008 7:51 AM

Dr. Mahathir,

Hi there. I'm curious when corruption begin to take place in UMNO.

During your time as the Prime Minister, how was the corruption activities in your party? Do you know anyone in UMNO during your tenure as the Prime Minister who may have been corrupt but you did not expose them for any reason that only you may know?

One good thing about Pak Lah is that he is exposing some corruption out.

God bless.

Anba

By zaman on August 20, 2008 7:56 AM

Salam Sejahtera untuk Tun Dan Keluarga.

Tun teruskan perjuangan Mu.

Tun just nak tanya. Boleh kah Tun masuk Umno semula dan bertanding jawatan presiden? Ada kah itu sesuatu perkara yang mustahil? This is a do or die situation.

Tun please take care,God bless you.

By hajiman ibrahimAuthor Profile Page on August 20, 2008 8:14 AM

Ybgh Tun.

Ada yang bimbang Malaysia jadi Fiji. Kalau tak jadi Fiji, kita mungkin jadi macam Fujimura, ada PM dari Ipoh mali.

Saya pun meyokong gesaan supaya Ybgh Tun memulakan pula langkah tindakan. Lagi lama kita tunggu, semua tindakan salah akan diterima dan dimaafkan. Liwat pun walau akan terbukti benar, jika tepat langkah, akan dimaafkan dan diterima menjadi pemimpin.

Itulah melayu, melayu dah jadi orang american. Scandal Monica tidak pun menggugat kedudukan Bill Clinton. Begitu lah akan kita harungi,Kita dah tak ramai bersemangat jati untuk melihat melayu maju dan berjaya, tapi dah ramai nak lihat, sesiapa pun jadi PM, kalau Bush bolih bertanding disini, yakin akan ramai melayu menyokong ???????. malah boleh menang.

DSAAB, DSAI, Hadi, Nik Aziz, semuanya bercakap dalam nada yang berbeza , namun tujuan mereka satu , hendak kuasa ? Tapi adakah sikap dan jatidiri mereka tu bolih dijadikan idola ? Jelas saya x ingin.

Senantiasa mendoakan kesejahteraan Ybgh Tun dan keluarga. Terima kasih.

By azura sha on August 20, 2008 8:17 AM

salam buat ayahanda tun sekeluarga

see what money and power  
can do to ppl  
the fact is that  
corruption or "duit haram"  
is not only in umno

i doubt that the malays (majority)  
going to change  
even a leader like you having a hard time  
to wake them up  
but we must never give up  
you, sir still fight.....

if we need them to be competitive  
need to compete with other race too  
"nak ambil tongkat depa biao perlahan-lahan"  
but the problem is that though  
they are competing with their own race  
still not that "maju sangat pun"

harap kahwin banyak je  
generasi muda penting  
klu anak anak tu  
dr akar umbi tak dididik  
inilah akibatnya  
By aiza on August 20, 2008 8:24 AM

Assalamualaikum & Selamat Pagi YAB Tun,

Saya rasa mungkin YAB Tun boleh tubuhkan parti baru untuk penyokong-penyokong Tun sahaja. Yakni kami yang benar-2 nak selamatkan dan membela bangsa kami.  
Dari situ barulah ada kekuatan untuk kami semua berkempen. Berkempen untuk menyingkirkan si bedebah pemusnah bangsa tu.  
Bagi si polan yang menyalahkan YAB Tun kerana memilih si dolah tu, ingin saya katakan disini, segalanya terletak pada hati.  
Macam mana laa YAB Tun boleh nak tau si dolah tu boleh nak berubah hati & sikap dia kat bangsa dia sendiri. Kan ka si dolah tu terkenal dengan sikap alim dia & disegani rakyat jelata.  
Mungkin sebab tu la YAB Tun boleh pilih dia.  
Manusia boleh berubah sekelip mata.  
YAB Tun dah lakukan yang terbaik. YAB Tun juga dah serahkan yang terbaik untuk si dolah tu teruskan misi & wawasan YAB Tun.

Tapi tulaaa... Melayu Mudah Lupa. Si Dolah ni pun dah lupa, YAB Tun jugak yang tarik dia masuk balik dalam UMNO..dulu-2 lagi.  
Kalau tidak si dolah ni pun dah lama merajuk tak mau dok dalam UMNO.  
Tapi rupa-2 nya bila dah dapat pegang kuasa, habih anak bangsa dia sendiri dia tindas.  
Yang dia dok bela si anak menantu dia yang asalnya pun bukan dok Malaysia.

Kecewanya saya dgn sikap Pak Lah. He's not a genuine leader.  
Bukan seperti YAB Tun. Dulupun kalau tak silap saya YAB Tun pun pernah keluar UMNO. Tapi dipanggil semula oleh Tun Abdul Razak.  
Tapi bila YAB Tun diberi kuasa memimpin, YAB Tun telah memperbaiki segala kelemahan dalam parti.  
YAB Tun juga telah melaksanakan pelbagai dasar baru kerajaan untuk membela nasib bangsa melayu.

Kenapalah Pak Lah tak lihat semua ni dan ambil contoh ke atas segala yang YAB Tun telah lakukan dulu. Sedangkan dia pun lama jugak dalam UMNO.

Ini tidak, awal-2 lagi dah nak surrender dengan wawasan 2020 yg YAB Tun asaskan. Lepas tu, Proton pun dia tak reti nak handle. Asek-2 dgn bad news about Proton.

Semoga Allah s.w.t sentiasa melindungi YAB Tun & keluarga.  
By aiwguy on August 20, 2008 8:25 AM

Salam buat Tun dan keluarga,

Analisis Tun begitu terang dan jelas. Jika ada yang masih tak faham mesej Tun ini, maka mereka ini memang buta hati lah.

Melayu sekarang sudah hilang jatidiri. Tidak ada lagi semangat untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Anak2 dibiarkan leka melakukan perkara-perkara yang melalaikan. Mereka ini dengan mudahnya dipergunakan hanya dengan sogokan murahan.

Para pemimpin pun sudah tidak pedulikan kebajikan anak bangsa. Tempolok sendiri lebih diutamakan. Sudahlah anak2 Melayu sukar untuk memasuki institusi pengajian tinggi. Peluang yang ada sedikit ini pun nak diberi kepada orang lain. Jadi apa yang tinggal? Kemana anak2 Melayu nak mengadu?

Hanya kepada pemimpin yang bertanggungjawab sahaja tempat mengadu. Tetapi masih wujudkah mereka?

Teruskan berjuang Tun!

By pewaris generasi on August 20, 2008 8:30 AM

Selamat Pagi Tun,

Dulu masa cek pi luar negeri terutama ke negara Dunia Ketiga selalu tertanya hawat pemimpin depa ni bodoh sangat dan terlalu banyak rasuah. Depa ni tak pikiak panjang ka dan rakyat macam zombi terutama yang hidup merempat terus miskin tanpa haluan dan tanpa harapan. Apa akibatnya? Rasuah!!!! Siapa cepat dia dapat, hang tak ambil orang lain sapu. Peduli apa! Masa tu Malaysia dipimpin Tun. Kita lebih bersih. Ada wawasan, ada matlamat dan kerja kuat untuk faedah jangka panjang. Orang lain pun nak ikut jejak kita.

Sekarang ni, segala gejala Dunia Ketiga berlaku didepan mata. Dulu dengar orang rasuah adalah, tapi sekarang ni kalau tak hulur jangan harap dapat layanan. Seniri dah rasa. Tak da rasa malu dan tak ada rasa bersalah. Kenapa?

Sejak Pak Lah ambil alih dia bukan kerja untuk menyediakan sesuap nasi untuk rakyat. Dia hanya mentadbir. Kalau dia orang cari makan, dia tahu kalau tak kerja anak anak tak makan. Maaf didalam hal ini cuma anak menantu dia je yang makan.

Bila Pak Lah jadi PM dia batalkan projek dan selama 2 tahun tak ada projek. Hal ni semua kontraktor tahu. Orang tunggu RMK9, kalau projek jalan pun baru sekarang dapat hasilnya. Tapi harga bahan binaan pula naik, fulus tak masuk. Ketua bahagian, ketua cawangan dan sebagainya semua ada lesen paling busuk kelas F. Dah bertahun susah cari makan. Mercedes nak bayar, isteri nombor 2 nak kereta baru, anak nak kahwin kat hotel 5 bintang dan nak kena hulur pulak. Semua duit. Jadi bila ada pemilihan UMNO, apa tunggu siapa hulur dia sapu. Hang pikiak panjang buat apa? Pikiak pasai Melayu buat apa? Pokok nya untuk survival. Macam saya sebutkan tadi mentaliti Dunia Ketiga dah masuk dalam darah daging kita. Salah siapa? Tun dah kaya tak apalah.

Kesudahan yang ni tak semua orang nampak terutama Pak Lah yang ingat dia Sultan ke 10 Malaysia. Happy je. Lawatan sana sini. Apakanama tugas rasmi dia.

Kalau semua orang UMNO boleh dibeli saya tak heran. Dari orang bawah sampailah ke MT semua nak survive akibat kesilapan seorang yang di namakan Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia ke 5 merangkap Sultan Pulau Pinang.

Tun, We are dead and buried for good. And you Sir, are legendary.

Adios.

By malan3395 on August 20, 2008 12:24 PM

Dear all...,

Watpe nk kcoh2 psl rasuah ni. Mmgnya sume tempat la ni amalkn rasuah. Sy ni ha kje private kdang2 hulur, kdang2 trima. Xda rasuah xleh hdup kt Malaysia ni. Makap/masyuk sikit xpa. Sy sembahyang, pose,zakat, ngaji Quran. Tp rasuah ambil gak. Cuma yg baiknya kt sy time ramadan sy tk ambil rasuah. Duit rasuah pn sy tk makan, sy guna byr bil & mlancong je. Dlam jaht ada jg baiknya sykn. Itulah pemahaman Islam Hadari bg sy. Timaseh PLah krana wujudkn Islam Hadari  
By Melancholy on August 20, 2008 12:24 PM

Dear Tun,

I can't but to agree 1001% with you on this matter. I am currently attached to an international company where the minority is the Malays. I really know and understand the feeling and treatment of being the minority regardless of the prominent seat you have.

UMNO is in the running of making the Malays to be treated and undermined as those in Singapore. It's no longer a fight for the race, it is now the rat race. Whoever reaches the finish line will be the winner, regardless of how he / she makes it, by virtue or \$\$ is unimportant. What's important now is the rewards that they'll gain by just having that seat.

Sad but true, this is what's happening to the Malays here, in Malaysia. We have lost our values and the true meaning of having UMNO. I really hope that you, TUN, can enlighten us, the young chaps on the things that we can do differently to ensure or perhaps make a difference to the betterment of the Malays future.

Danke Schon Tun.

By Mentel on August 20, 2008 12:29 PM

1. Sedih dan tak mampu lakukan apa-apa. Marilah kita lupakan saja UMNO, lupakan Abdullah, lupakan Najib, lupakan PKR, lupakan Anwar, lupakan PAS, lupakan Nik Aziz dan Hadi...
  2. Kita cari dikhalayak umat Melayu seorang pemimpin yang bukan saja kelihatan bersih, tetapi sememangnya bersih dari rasuah, skandal, munafik...
  3. Kita bina kekuatan bermula dari situ. Segala yang telah dibina telahpun musnah.
  4. Ambil contoh RAPID, dahulunya PUTRA..memberi penghormatan kepada YTM Tunku.. Kini Aliran Kelana Jaya a.k.a. Aliran KJ... [adakah secara kebetulan atau sememangnya dirancang nama sebegitu?]. Kenapa tidaknamakan ALIRAN KLCC? kerana signifikan nya LRT tersebut melalui KLCC dan memudahkan pelancung untuk melawat KLCC.. kenapa PUTRA diganti nama Aliran KJ?
  5. Kalau dahulu PUTRA amat efisien, kini Aliran KJ amat bermasalah. Saban minggu berlaku kelewatan yang amat teruk. Ambil contoh hari ini 20th Ogos 2008. Belaku kelewatan (kerosakan) melebihi 1 jam diwaktu puncak.
  6. Untuk rekod, setiap bulan pasti akan berlaku kelewatan yang teramat sangat. Budaya "tidak apa" RAPID atau disebabkan rasuah?
- By BCAuthor Profile Page on August 20, 2008 12:35 PM

Dear Dr. Mahatir:

Lets put it this way , Corruption within the party and system has begun and deteriorated since the days you have taken Office then till now which has seen a much more decay of it. In Fact, now , it is Open as far as those who are in Control and in Power.

Tell us in a Straight Forward Manner , Do you really have a solution to it to clean up all these mess after so many long years that has seen it developed and grown and to this uncontrollable point today ?

By Conan on August 20, 2008 12:37 PM

Salam Tun dan bloggers,

Saya baru 28 thn, mungkin masih mentah/setahun jagung orang kata. Tapi saya tahu menilai siapa dia Pemimpin Bangsa / Perosak Bangsa. Sedih melihat bangsa melayu yg semakin berpecah belah dan seolah-olah tiada tempat di tanah air sendiri. Alangkah baiknya jika Tun masih menjadi Pemimpin negara dan bangsa kita, Melayu....

By Jc on August 20, 2008 12:38 PM

Hi Tun,

I disagree with you when you said that Singapore Malay are poor because I have seen very successful Malay in Singapore, in fact they are given equal chance to climb the ladder of success if they are smart and diligent they can make it. Frankly, speaking in Singapore there is no real poverty. One thing that I noticed Singapore Malays are different from Malaysian Malays, Singapore Malays are better survival compared to Malaysian Malays, and maybe they are not pampered like the Malaysian Malays. In Singapore everyone of them have to be on their own feet and earn their own success with their





pemikiran & jiwa Tun Mahathir meresap kat diri saya.(Chedet)benar2 banyak membantu.

Sekian,  
Terima Kasih.

By peminat Tun on August 20, 2008 12:55 PM

Tun yang saya sanjungi,

Rasuah amat sinonim dengan politik dan permainan politik ada di mana-mana.Saya hanya melihat keadaan semasa sebagai penyumbang kepada gejala rasuah yang makin menjadi-jadi ini. Zaman Tun dulu mungkin ada juga tapi tidaklah ketara seperti hari ini. Pokok pangkalnya siapa yang menjadi pemimpin. Hari ini kta tahu kelemahan Pak Lah. Hari ini juga kita tahu musuh yang lebih besar adalah seorang pemimpin pembangkang yang tidak bermoral. Untuk mengembalikan ketenangan negara yang kita kecapai dulu semasa berada di bawah pemerintahan Tun, kedua-duanya harus kita tolak. Tapi perkara yang terbaik kita boleh buat ialah buat satu-satu.Bagi saya, Anwar perlu dijatuhkan dulu sebelum memikirkan tentang Pak Lah.

Tun amat disayangi oleh rakyat dan pendapat Tun amat bernas.Minta Tun hold dulu komen pasal UMNO sampai selesai pilihanraya.

take care TUn  
By sktan on August 20, 2008 1:09 PM

Dearest Ayahanda Tun,

Is it wrong for me to call out to ALL SENSIBLE, ORDINARY U M N O Members,Lead By THOSE WHO DARES SPEAK UP On this Issue,TO CONFRONT THEIR RESPECTIVE BRANCH, THAN DIVISION LEADERS, TO VOICE OUT OUR CONCERNS? LET THEIR NUMBERS BE HOWEVER SMALL, BUT IT IS STILL BETTER THAN NO ACTION. SEDIKIT SEDIKIT, LAMA2 MENJADI BUKIT.

I am quite sure those involved will be surprise by the numbers who are out to act, but lacking certain ability (sorry) supports overwhelming.

Please Mark my word, Start the Ball Rolling, and Snow Balling is bound to follow suits. Atleast this will STARTLED THOSE ON THE TAKE BRANCH AND DIVISIONAL LEADERS.

Salam Ayahanda Tun.  
By Sigli M3r1 Mo3dAuthor Profile Page on August 20, 2008 1:15 PM

Assalamualaikum Tun Mahathir Mohamad

Kini warga Malaysia berpeluang untuk berinteraksi dengan Tun melalui blog ini. Dulu sewaktu Tun masih menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri, waktu Tun amat terhad & dibatasi oleh tugasan2 seharian Tun. Saya tidak pernah berubah hati terhadap Tun kerana saya berpendapat cuma Tun sahaja yang tidak hipokrit, lantang & berterus-terang dalam memberi kritikan & teguran. Sorry to your haters but I gotta say, U r Unbelievably Brave & I'm One Of Your Supporters (Never Fanatics, That's Not What U Want). Tun, memandangkan Tun masih sihat, boleh menulis & bergerak ke mana-mana (mudah2an, Amiin Ya Rabbal Alamiin) & masih punya sokongan kuat daripada kami, Tun tolong fikirkan & lanjutkan dengan susulan serta tindakan bagaimana merubah keadaan yang dialami oleh UMNO sekarang ini walaupun mungkin Tun tidak lagi berada di dalam parti itu sendiri tetapi sudah pastilah Tun masih sayangkan negara ini. Mukhriz, what can he do about this Tun. Do u know how.. ? Kami sebagai orang kecil cuma mampu untuk membuat pelbagai usul tetapi tidak punya pengaruh serta kedudukan tinggi yang membolehkan kami bertindak lebih. Kami pengundi bermusim Tun. We wait for years..

This is not about Who's The Greatest Leader or Who Has The Most Fans. But we're talking about The

One & Only Country We Have. We must not only watch & talk. We Have To Move, Move, MOVE. Action People!

Tun, do not forget your daily supplements. Watch what you eat okay. I Love You. We Love You. Many of us!

Likas, Kota Kinabalu.

By CRITICZAINAL on August 20, 2008 1:21 PM

Selamat pagi Tun,

Saya kagum dengan apa yang diterajui Tun selama 22 tahun menjadi PM Malaysia dan pesiden UMNO. Akan tetapi, saya rasa sikap Tun yang tidak mengambil tindakan terhadap gejala rasuah dahulu yang menjadikan keadaan rasuah yang berleluasa hari ini. Masih ingat tak berapa kali Tun menangis di perhimpunan agung UMNO kerana sedih terhadap keadaan rasuah dalam UMNO??

Rasanya sudah tiba masa untuk UMNO untuk dikuburkan dan Tun juga harus bertanggungjawab.

By fawz on August 20, 2008 1:22 PM

Dear Tun,

Please allow me to comment on a post made by:

By Tan Tan on August 19, 2008 9:47 P.M.

Quote

Next, I don't agree your comparing Singapore Malays. If they are di tindas in Singapore, how come the Singaporean Malays don't come back to Malaysia whereby there are so many more benefits to bumiputra but they still think Singapore is better?

Unquote

Dear Tan Tan,

I am a Singaporean Malay, not all Malay Singaporean can "come back" to Malaysia because they are born in Singapore, they don't have kampung in Malaysia, like myself. Mr. Tan, how do you know that the Malays in Singapore think that Singapore is better than Malaysia? Malays by nature tend to be happy with the country they are born in, and never think about migrating. I can tell you that in Singapore there are many policies that are disadvantageous to the Malays & Indians. In Singapore people are afraid to talk about politics. I am afraid too, I hope my government don't read every entry in this blog. You Mr. Tan and the Indian are luckier than me from many point of view. Don't just compare Singapore & Malaysia base on jobs and Singapore dollars vs Ringgit Malaysia only.

Thanks,

Best Regards

Peace!

By ijan on August 20, 2008 1:39 PM

Salam Tun,

Semoga Allah lanjutkan usia Tun. Buat rakan-rakan pembaca sekalian, marilah kita renung-renungkan petikan dibawah yang diambil dari laman Islam Hadhari.

"Pengkhiran terhadap amanah wujud dalam pelbagai bentuk dalam masyarakat Malaysia – memberi rasuah, menerima rasuah, ingkar perintah, kerja sambil lewa, penyalahgunaan kuasa, penipuan, pembohongan, pecah amanah, kegiatan sumbang mahram, penyalahgunaan dadah, hubungan seks sejenis, plagiarisme, penyalahgunaan Internet dan lain-lain perbuatan tak bermoral. Segala anugerah Allah (S.W.T.) kepada manusia termasuk dirinya, akalunya, pancainderanya, ilmunya, hartanya, pangkatnya dan tenaganya merupakan barang amanah yang harus digunakan dengan cara yang betul. Apabila cara yang betul dan bermoral tidak diikuti, malah dicabuli dengan leluasa, maka akan berlakulah krisis moral yang pada akhirnya akan menghancurkan sebuah negara, bangsa atau tamadun. Sebab itulah Rasulullah memberi peringatan berikut:

"Jika amanah telah diabaikan, maka tunggulah saat kehancuran." Lalu ditanya, "Bagaimana bentuk pengabaian amanah?" Rasulullah menjawab, "Jika sebuah urusan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah datangnya saat kehancuran." (Hadith riwayat al-Bukhari)"

Wallahualam.

By Awakening on August 20, 2008 1:42 PM

Dear Tun,

Kalau Tun masih ingat semua euphoria kebangkitan 'Pakatan Rakyat' salah satu nya dimulakan oleh Tun sendiri. Saya masih ingat pada masa di mana sentimen anti melayu masih belum meluas dikalangan kaum lain di Malaysia ini, Tun pernah mengeluarkan kenyataan yang mengatakan Kaum Cina sudah tak suka dan percaya dgn kepimpinan Pak Lah, di mana ramai antara mereka dtg jumpa Tun bagitau Pak Lah tak dapat menolong mereka. Selepas drpd itu saya lihat banyak lah statement2 yg di keluarkan oleh pemimpin kaum lain yang lantang mempersoalkan kepemimpinan Kepemimpinan Melayu seterusnya mempersoalkan keistimewaan kaum Melayu di Negara Ini (Walaupun istimewa nya tak seberapa).

Sekiranya Bangsa Melayu dah tak perentah MalaySia lagi mungkin salah satu sebab nya ha 'Lu Pikir La Sendiri'.

In order to redeem for what you have led, Tun must consistently promote for Malay Unity in your blog such that our dignity will not be tainted since you have a very vast influence now among all tha Malays.

By arjuna on August 20, 2008 1:42 PM

Tun,

1. zaman Tun pun ada rasuah kan? bagaimana Tun mengatasi masalah ini?
2. dengan memberi kesedaran begini kepada org ramai, memang langkah terbaik. tetapi seperti yg selalu saya katakan, depa baca ka? sebab kalau depa baca dan faham, UMNO akan jadi seperti yg Tun harapkan dan kita semua harapkan.
3. tapi percayalah, nasihat Tun sia-sia saja. tidak ada apa yg akan berubah kepada UMNO. mereka tak akan sedar. pentingkan diri sendiri.
4. apa kata Tun bagi idea yg lebih exstream. buang masa bagi keedaran ni. mungkin ada alternatif lain untuk kita selamatkan orang melayu di malaysia yg tercinta ini?.
5. sama-samalah kita fikirkan.

By anakku5 on August 20, 2008 1:46 PM

Tun,

How much money is enough? Corruption occur at all levels. Bolehkah dihapuskan rasuah? Dalam agama telah jelas bahawa rasuah itu amalan buruk yang boleh menghancurkan kesejahteraan ummah. Masalahnya kehidupan hari ini berkiblatkan material. Keberkatan hidup dari punca yang halal dan sah dipandang enteng. Bukan tanggungjawab menjadi pemimpin itu yang diperjuangkan. Tapi KUASA. Kuasa dan kedudukan memungkinkan segala hajat dipenuhi dan diri digeruni. Rakyat marhain hanya dapat merunggut dan menggeleng kepala melihat kerakusan pemimpin menggunakan kuasa dan kedudukan dalam memenuhi nafsu serakah duniawi. Suara rakyat hanya dapat dibuat melalui kuasa undi yang sesekali datang. Itupun setelah sekian banyak wang rakyat dirompak. Paling menyampah tengok pemimpin yang tiba-tiba menjadi pemimpin mithali waktu hampir pilihanraya. Baik dan ramah semacam. Bersalin kulit sungguh. Memualkan juga bila ingatkan telatah isteri masing-masing, ya ampun...

Maaf Tun, bukan saja nak kata orang, ingatkan diri saya sendiri juga, bila mendonggok ke langit, jangan lupa kaki yang melangkah, entah-entah terpijak tahi lembu....  
By tayadiH maysiA on August 20, 2008 1:53 PM

SALAM TUN,

ITUKAH PARTI YANG HENDAK MEMBELA MELAYU? PATUTLAH MELAYU KIAN TERPINGGIR, JAJAHAN MELAYU TERJUAL DAN JADI MILIK ORANG, BAHASA MELAYU TERPINGGIR, ORANG MELAYU MEREMPAT DI BUMI SENDIRI.

....MALANG SUNGGUH NASIBKU DAN KAUM KERABATKU.  
By IrhamFitri on August 20, 2008 2:05 PM

Assalamualaikum buat Tun & bloggers,

Rasuah, rasuah, rasuah.. dari dulu sampai ler sekarang... Rasuah wang telah mengaburi mata mereka hingga kan prinsip diri, kepentingan bangsa & negara telah dilupakan. Lama kelamaan bangsa kita ni merempat di tanah air sendiri, disebabkan bangsa kita jugak laa yg merosak kan nyer sendiri. Ape nak jadi, ape nak jadi, ape nak jadi, ape nak jadi kat UMNO nih.... Tun, tolonglah laku kan ape yg perlu, kami kat chedet.com sentiasa bersama Tun. Tensen betul ngan dunia politik hari nih...

sentiasa bersama chedet.com  
IrhamFitri  
By dospenang on August 20, 2008 2:06 PM

Salam TUN,

Saya mungkin bersetuju berkenaan dengan banyak topik dan tajuk yang dibincangkan oleh TUN.

Tapi mengenai bab RASUAH, tidak dapat tidak benda yang busuk dan korup ini telah menular dan berkembang semasa zaman TUN.

Pada asasnya zaman pemilihan AGUNG UMNO ketika zaman TUN, RASUAH telah berkembang dengan pesat di peringkat bawahan sehingga pemilihan TIMBALAN PRESIDEN dalam UMNO.

MUNGKIN DI PERINGKAT PRESIDEN tidak ada orang berani mencabar TUN kerana semua orang byakin dengan KEPIMPINAN TUN walaupun berlaku krisis pada tahun 1998.

Semasa zaman PAK LAH RASUAH menjadi semakin busuk apabila PERINGKAT TERTINGGI menggunakan kaedah ini untuk meghalalkan perebutan jawatan.

SETELAH BN MENANG dengan MAJORITI BESAR PADA PILIHAN RAYA 2003, PRESIDEN MUNGKUN MERASAKAN KUASA BELIAU ADALAH MUTLAK YANG MANA TIDAK AKAN ADA SEORANG PUN BERANI MENCABARNYA.

PADA KETIKA ITU, RASUAH BERADA DALAM KEADAAN PARAH, 2 daripada 3 ORANG YANG MENANG NAIB PRESIDEN UMNO DENGAN TERANG MEMBERI RASUAH. WANG DIBERI DENGAN MEMBERI DUIT POKET SEHINGGA RIBUAN RINGGIT DARI BILIK KE BILIK DI KAMAR HOTEL.

SALAH SEORANGNYA TELAH DIGANTUNG KEAHLIAN.

KINI 'RASUAH' SUKAR DIBENDUNG LAGI DAN MENJADI BUDAYA DALAM UMNO.

WASALAM

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

By IrhamFitri on August 20, 2008 2:08 PM

Assalamualaikum buat Tun & bloggers,

Rasuah, rasuah, rasuah.. dari dulu sampai ler sekarang... Rasuah wang telah mengaburi mata mereka hingga kan prinsip diri, kepentingan bangsa & negara telah dilupakan. Lama kelamaan bangsa kita ni merempat di tanah air sendiri, disebabkan bangsa kita jugak laa yg merosak kan nyer sendiri. Ape nak jadi, ape nak jadi, ape nak jadi, ape nak jadi kat UMNO nih.... Tun, tolonglah laku kan ape yg perlu, kami kat chedet.com sentiasa bersama Tun. Tensen betul ngan dunia politik hari nih...

sentiasa bersama chedet.com

IrhamFitri

By khattabAuthor Profile Page on August 20, 2008 2:15 PM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama ALLAH Yang Mahu Pemurah Lagi Mahu Mengasihani

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuhu!

Kepada

Tun Dr.Mahatir Moohamad dan Saudara saudara

Saya satu murid dari Turkestan Timur,(Negeri Muslim di barat utara Cina ,dengan nama Xinjiang ,sekarang),Mari saya beritahu tentang hal rakyat Muslimin kami di sana... Di sana ada hampir 20 juta muslimin dengan bangsa Turki ,nama etniknya Uyghur ,masih hidup di bawah peraturan penceroboh komunis cina semenjak tahun 1949 hingga sekarang .Di sana sudah dilakukan ujian-ujian Senjata Nuklear lebih dari 50 kali di tanah yang dekat kawasan hidup rakyat Muslimin,oleh itu ,antara manusia , pertanian, haiwan, tambah sakit sakit baru bahaya dan banyak ,seperti kanser,ganjil lahir...dengan berbagai-bagai lagi.

Semanjak tahun1984, pemerintah cina memulakan kawalan kelahiran untuk rakyat kami,untuk rakyat yang hidup di bandar-bandar hanya membenarkan dua anak sahaja,untuk rakyat di kampung membenarkan tiga orang anak sahaja..jika lebih dari had yang ditentukan ,para penduduk terpaksa membayar cukai sebagai hukuman,dan memaksa pembedahan untuk perempuan-perempuan selepas melahirkan lebih dari had yang ditentukan.

Untuk rakyat saya urusan ke luar seperti untuk menunaikan Haji ,belajar,membuat lawatan khususnya belajar pelajaran agama sangat sukar,sekarang itu mustahil keluar untuk Haji,belajar agama di Negara muslim,ALHAMDULILLAH,saya sudah keluar semenjak dua tahun lepas,sekarang sangat susar keluar dari Xinjiang dengan sebab olimpik ,pun untuk orang-orang luar ,sukar untuk masuk ,melawati rakyat kami ,kerana pemerintah cina takut masyarakat antarabangsa tahu hal-hal sebenar kami.

Tujuan saya menulis surat ini ,saya ingin beritahu hal sebenar kami dan meminta pertolongan untuk masalah saya , , semasa saya belajar di Yayasan Pelajaran Islam di bahagian tengah China,selepas saya habis belajar di sekolah tinggi ,saya pergi Yayasan Islam yang bina oleh Muslimin cina di bahagian tengah cina ,kerana di negara saya sudah dilarang belajar agama semenjak dahulu lagi.untuk rakyat kami tahu sebenar media pun sukar. Semasa saya keluar dari Negara ,saya pergi Pakistan dulu,kerana

fikir saya ingin pergi Saudi melalui Pakistan sebab Pakistan dekat dengan kami,tapi di waktu ini ,di tahun 2006,kerana pemerintah china tidak memberikan visa untuk orang-orang dari Turkestan Timur kami yang berwarganegara China ,orang-orang bakal Haji kami tunggu di Pakistan semanjak bulan Julai dan Ogos hingga oktober,antara mereka terdiri daripada orang-orang yang tua,waktu itu cuaca di Pakistan sangat panas,akhir bakal-bakal haji berkumpul di depan konsulat Saudi ,hampir seribu orang bakal haji duduk di depan konsulat tidur dan berpuasa di depan konsulat sementara masih menunggu permohonan visa haji, pemerintah China menghantar orang ke Pakistan mengancam bakal-bakal haji untuk balik ke China, hampir bakal-bakal haji balik ke China selepas ancaman tersebut, apabila mereka tiba di China ,passport mereka semua sudah diambil oleh pegawai China dan akhirnya untuk hampir seribu bakal haji di depan konsulat . Konsulat Saudi memberikan kepada mereka visa sebelum Eidul Fitir.

Kerana kali ini visa Saudi sangat sukar,saya belum boleh pergi Saudi ,saya masuk "Sayyed Maududi Antarabangsa Islami Yayasan " untuk belajar dan tunggu pernyataan ke satu universiti di Saudi,dari permulaan tahun 2007 hingga September saya sudah cuba untuk kemasukan ke universiti Katar , sudah memohon dan menghantar semua sijil-sijil saya ,tapi akhirnya jawapan universiti menyatakan harus mendapat surat dari kementerian luar China ..Untuk mendapat surat dari pemerintah atau kementerian luar untuk belajar di negara Muslimin itu mustahil untuk kami ,,oleh itu belum boleh pernyataan ke universiti. di waktu ini saya berfikir pergi Hajj dan selepas Hajj cuba pernyataan universiti lain ,kerana di tahun 2006,cina tak membenarkan Saudi bagi visa ke orang-orang yang di warganegara cina di Pakistan .oleh ini saya fikir cuba memohon visa dari konsulat Saudi di India ,saya sampai India dari Pakistan untuk memohon visa Haji di konsulat Saudi ,Tapi semasa waktunya di Negara saya pemerintah cina sudah hukum dilarang pergi Hajj sendiri ,mesti pergi dengan puak dari pemerintah ,jika siapa yang pergi Saudi untuk Hajj dan Umrah akan melanyak dan cukai 40000yuan (hampir 6000\$) ,pemerintah kuasa ayah saya tanda tentang saya untuk kontrak saya tidak pergi Saudi .dahulu semasa saya ambil passport ,saya pun sudah tanda di kontrak untuk "saya tidak pergi Saudi". Semasa saya sampai India ,itu waktu Ramadan saya berniat pegang Eidul-Fitir di Malaysia ,kerana selepas saya belum boleh pergi Hajj dan belum boleh pernyataan universiti dengan sebab warganegara yang paling buruk,keluarga saya dan saya niat hijra ke Negara lain untuk hidup kebebasan ,kawan ayah saya beritahu saya datang ke Malaysia untuk hijra Australia ,oleh saya beli tiket dari Mumbai ke Kuala Lumpur,saya pergi Mumbai dari New delhi,waktu tiket iaitu ke Malaysia di malam 13 oktober,malam Eidul-Fitir ,saya berharap sambung Eidul-Fitir di Malaysia,tapi dengan takdir ,saya belum boleh sampai lapangan terbang di waktu penerbangan dengan sebab pada 13 oktober di Mumbai ,itu hari terakhir untuk Ramadan ,saya duduk di keluasan Muslimin di Mombai ,semasa saya pergi lapangan terbang ,semua jalan-jalan penuh dengan orang-orang dan trafik ,sangat kerumun, oleh saya belum boleh sampai masa penerbangan .harus tunggu dua hari untuk penerbangan depan ,saya sudah tunggu di dalam lapangan terbang kerana Bandar jauh dan tak ada cukup duit,masalah sukar tak ada visa Malaysia pun,fikir saya dapat visa semasa ketibaan ,semasa tunggu dua hari dalam lapangan terbang untuk penerbangan depan .gunakan duit baki untuk hubung dengan kawan di KL yang hendak tunggu saya dan hubung dengan rumah saya ,akhirnya saya dapat penerbangan di malam 15 oktober ,sampai KL di pagi 16 oktober semasa baki duit tak banyak pun duit syiling untuk menelefon,saya beritahu hal saya pegawai di pejabat ,beritahu kawan saya akan datang untuk ambil saya ,pegawai akur ,hari itu ada ujian untuk kawan saya , ayah saya hantar duit ke kawan saya ,selepas saya tunggu satu setengah hari ,di malam 17 oktober ,kawan saya sampai lapangan terbang ,kami bayar untuk visa semasa ketibaan sebulan .

Masa visa semasa ketibaan ,tak boleh tambah ,saya harus tunggu di Malaysia untuk kawan ayah saya datang sini ambil saya ke Australia,keperluan ke Australia sukar untuk orang yang di warganegara cina .oleh itu saya harus masih tunggu hingga kawan ayah saya datang selepas habis keperluan untuk saya,dengan takdir ALLAH ,di Masjid tempat tinggal saya ,saya tahu satu Ustaz, saya beritahu Ustaz sebab kenapa saya datang sini, selepas Ustaz mengambil saya ke keraian murid-murid yatim di sekolah Ustaz 'Madrasa Ibn Khaldun' di keraian ini ,temenggung pun datang ,Ustaz beritahu temenggung saya datang dari Turkestan Timur,temenggung cakap dia pun tahu Turkestan Timur,saya sudah rasa gembira dengar ini ,di hari lain Ustaz mengambil saya ke sekolah dia untuk melawat,semasa visa saya habis ,Ustaz sudah cuba untuk tambah ,tapi tak boleh tambah visa seperti ini ,semasa ini saya harus keluar dari Malaysia dan masuk lagi.semasa saya pergi Indonesia Ustaz bimbang keselamatan saya ,bagi saya alamat kawan Ustaz di Medan ,semasa saya sampai Medan kawan Ustaz jagi saya baik.seya melawati "Muslim Hands"di Bandar Medan,saya sangat harapan bina organisasi amal antarabangsa seperti ini

,saya pergi ke konsulat Malaysia dengan satu pekerja "Muslim Hands" tapi ,sebab warganegara cina tak boleh dapat visa,harus pergi KLIA dapat visa ketibaan lagi,kali ini, pada 20 November ,saya dapat visa sebulan lagi ,pada bulan Disember,Ustaz lain beritahu saya satu Mahaad Tahfiz di Johor Bahru, untuk tanya dapat visa dari Mahaad,guru besar Mahaad akur tolong saya dapat visa ,saya tolong dengan mengajar ,tapi semasa ini,masa tak cukup untuk dapat visa ,saya harus keluar lagi dari Malaysia,saya pergi Thailand ,jumpa kawan saya di kolej Islami di Bandar Jala ,dan dapat visa di konsulat Malaysia di songkla ,selepas balik ke Johor Bahru .

Saya gembira menjadi guru pertama kali ,berasa kanak-kanak di Tahfiz sama kanak -kanak di Negara saya ,tapi antara mereka ada sangat besar perbezaan , kanak-kanak kami di sekolah dilarang solat,belajar agama ,belajar Quran, rata-rata mereka tak boleh puasa di Ramadan , tidak boleh solat Jumat di setiap hari jumat dan hari-hari jumaat di cuti,semua murid harus datang sekolah untuk daftar tengahari Jumat,hingga masa petang dilarang keluar dari sekolah ,ini untuk dilarang murid-murid pergi solat Jumaat,hal di kampung-kampung lebih buruk ,semasa di bulan Ramadan guru-guru setiap sekolah harus sekat di depan Masjid-Masjid untuk dilarang masuk murid-murid ke solat Tarawih,, di Negara saya di Masjid-masjid ,di atas pintu ada "perhatian" dilarang masuk

untuk murid yang di bawah umur 18 tahun ,perempuan ,pekerja ,...dan dilarang menggunakan alat pembesar suara.

Saya siap untuk hijrah ke Australia atau negara lain ,tentulah ,saya dulu sudah fikir hidup sini dengan rakyat Muslimin di Malaysia,kerana saya sudah suka semenjak saya tunggu satu setengah hari di lapangan terbang di masa itu pekerja di lapangan terbang faham saya dan membenarkan saya tunggu hingga kawan saya datang untuk ambil saya,Ustaz-Ustaz di KL tolong saya dulu,untuk hubungi Tahfiz dan dapat visa dan menjadi Ustaz ,lebihnya saya sudah ada adik-beradik melayu di Tahfiz

Saya pun sudah suka hidup di sini tapi untuk dapat warganegara Malaysia ,tunggu 12 tahun...saya belajar bahasa melayu di Mahaad Tahfiz dengan baca buku dan perbualan dengan murid-murid,kerana masa tidak banyak dan "passport saya"akan tamat tempoh pada Mac depan,kerana saya orang yang dari xinjiang(Turkestan Timur) itu sukar tambah dan tukar passport saya di kedutaan china,jika saya balik ke rumah ,mustahil keluar lagi dan bahaya ,pemerintah mengesyaki saya gabung kebebasan aktiviti dan gerakan,mereka tanya dari keluarga saya tentang saya sentiasa ,keluarga saya pun bimbang saya balik

Pada jun ini ,saya sampai KL untuk siap urusan hijrah ,saya fikir pun suaka ,pelarian,jika ada jemputun dari Australia ,US dan lain ,pun sukar dapat visa ,kerana passport china ..semasa hendak buat barang-barang urusan saya pun fikir tulis surat ke Jamaat Islami,Tun..pada satu malam ,di UIA say baca biografi Tun di wikipedia ,fikir menyediakan surat di bahasa melayu,dan rasa tidak pandai tulis keadaan ini dalam bahasa melayu ,saya beritahu ini satu cikgu di UIA yang tahu saya ,dia cakap mari saya cuba tulis sendiri ,semasa saya hendak tulis ,ingat di tarikh kami ,pada tahun 1949 ,beberapa bakal haji kami pergi haji dari Bandar saya Kashgar dengan jalan tengah ,mereka sampai Karachi di Pakistan ,selepas jalan panjang,bahaya dan sukar,di Karachi semasa beli tiket kapal ,tak boleh beli dengan sebab harus ada surat dari pemerintah,mereka tunggu di Karachi bulan-bulan untuk dapat tiket ke Saudi,di terakhir pada satu hari,semasa pergi pejabat tiket ,masih belum boleh dapat tiket semasa pegawai tiket balik ,satu bakal haji yang tua ,campak sendiri ke depan kereta pegawai ,dan jeritan 'jika ambil hidup saya,,atau bagi tiket ke Haj,.."di waktu kemalangan ini satu pekerja yang dari konsulat Saudi pun tengok kemalangan ini,bertanya sebab kenapa bakal haji campak sendiri di depan kereta dan fahamnya,pekerja konsulat Saudi bernasihat bakal-bakal haji mari mereka sabar sikit ,dan beritahu 'saya akan beritahu hal anda semua kepada raja Abdul aziz –Alsaud selepas raja Saudi tahu hal sebenar mereka dan gembira dengan harapan kuat haj mereka bakal hajj,raja tolong mereka pergi waktu ini 1949 masa komunis China merampas Negara kami Turkestan Timur ,lebih orang-orang haji Turkestan Timur di Saudi tak boleh balik dengan sabab merampas komunis ..

Selepas ,di waktu pemerintah Saudi daftar orang-orang luar di Saudi,sekali orang-orang haj kami bimbang buat apa ,mereka tak boleh balik di waktu ini ,jika nak passport China ,konsulat China tak bagi untuk mereka ,akhirnya mereka tulis surat ke raja Faisal tentang kesukaran mereka ini ,raja tahu dan tolong bagi membenarkan kediaman ,



Saya tulis surat ini maksudnya mahu beritahu Tun tentang hal sebenar dan keadaan rakyat saya dan mahu hubung Tun minta menolong masalah saya ,jika saya boleh dapat warganegara sayangi kedua negara saya Malaysia.itu lebih baik,jika tak boleh ,atau anda menolong saya saya hijrah ke US ,Australia atau lain untuk jadi imigran,masalah ini tidak hanya masalah saya ,insya ALLAH semasa saya dapat satu warganegara kebebasan,saya bermula kerja untuk semua rakyat muslimin dan boleh sambung belajar saya,dan tolong hijra murid-murid lain kami yang masih belum boleh keluar,dan nak berkumpul dengan keluarga saya ,jika saya tidak boleh meletakkan sini ,silakan tolong hijra saya ke Negara kebebasan lain,

Terima Kaish

Semoga ALLAH Memberikan Kebaikan keatas Tuan

Yang benar

Saudara Muhammadyakup

[www.turkestantimur.blogspot.com](http://www.turkestantimur.blogspot.com)

Maksudnya dengan surat ini ,pertama :beritahu sebenar hal Muslimin Turkestan yang mengulupakan dari pada dunia, harap anda semoa tahu sebenar hal kami,harap berdoa untuk berjaya kami seterusnya ,minta tolong masalah saya ,sekarang baki 6 hari sahaja untuk visa saya di Malaysia ,insya ALLAH ,saya buat Muslimin melayu semoa tahu TurkestanTimur di dekat masa ,

dengan rahmti Allah Semoa

By warisanpang5Author Profile Page on August 20, 2008 2:17 PM

Assalamualaikum YBhg Tun,

Selepas PRU12 dahulu, ternampak seolah-olah T.S Muhyi bakal mencetus fenomena baru mengenai corak kepimpinan UMNO melalui komen2 'keras' beliau terhadap dasar2 dalaman parti berlandaskan hasrat sebenar akar umbi. Isu-isu seperti penghapusan sistem kuota serta peralihan kuasa telah menimbulkan perang mulut di antara para pemimpin parti, masing-masing telah meluahkan pendapat serta pandangan berkenaan isu berkenaan. T.S Muhyi adalah antara yang lantang mencadangkan agar kedua isu tersebut wajar ditangani dengan segera, seperti penghapusan sistem kuota dan menyegerakan proses peralihan kuasa demi memulihkan kembali kekuatan dan sokongan rakyat kepada UMNO.

Malang sekali, selepas Presiden mengumumkan secara resmi tempoh berlangsungnya peralihan kuasa dalam masa 2 tahun lagi, tempo T.S Muhyi seakan kembali longlai.. Tiada lagi kedengaran suara lantang beliau. Adakah mungkin T.S juga telah berkrompomi dan dijanjikan jawatan Tim Presiden selepas D.S Najib selamat memegang tampuk pemerintahan UMNO dan sekaligus selaku PM ke-6? Wallahualam...

Jika itu yg berlaku maka ada 'sesuatu' yang sememangnya telah mencengkam parti UMNO keseluruhannya. Walhal, jika T.S Muhyi memberanikan diri bertanding jawatan Tim Presiden atas dasar ingin memulihkan UMNO, beliau pastinya bakal menerima sokongan penuh daripada akar umbi terutama para perwakilan yang sebenarnya lebih suka mendiamkan diri dan hanya akan bertindak pada Perhimpunan Agung UMNO Dec 2008 akan datang.

Namun jika percaturan T.S Muhyi mengambil jalan selamat untuk kekal bertanding jawatan Naib Presiden atas dasar strategi, kompromi mahupun andaian politik pada masa akan datang, beliau seharusnya adalah pemimpin yang bakal mengisi apa jua jawatan yang disandang oleh D.S Najib selepas ini, jika sekiranya sesuatu yang diluar jangkaan berlaku terhadap TPM tersebut.

Walau apapun, adalah diharapkan agar sesiapaupun yang bakal menerajui kepimpinan UMNO selepas ini,

wajarliah menghapuskan politik wang dan unsur-unsur yang membawa ke arah itu seperti menghadkan tempoh memegang jawatan selama 2 penggal sahaja dan menghapuskan terus sistem kuota pencalonan semua jawatan, agar UMNO akan terus matang dan setiap pemimpin mahupun ahli UMNO berpeluang memainkan peranan serta mentadbir parti UMNO demi 'Perjuangan Sebuah Bangsa'.....Melayu...

Sekian dan wassalam.

By overview on August 20, 2008 2:22 PM

1. krisis minyak,,maka diistiharkan rebat tunai 625 setahun..hmmm harga minyak melambung teruk.Dalam satu malam saja boleh naik sampai 70 sen.tapi sebulan lepas tu mula menunjukkan penurunan.Harga kita tak turun tapi keperluan dalam negara diturunkan 10%.dan sekarang harga tu makin turun..Presiden cakap tengok bulan 9 kalau boleh kita turun.. (tengok?!) Apsal naik dalam satu hari boleh turun perlu tengok bulan akan ke tidak muncul?Sebab dia dah janji bagi 625 ringgit setahun.. Bukan tu saja banyak subsidi tambahan berupa wang tunai.(uiyo)..Kereta buruk tak berjalan pun boleh direnew asal boleh claim duit..Suka no,,terima duit kerajaan..
  - 2.Ex-Gratia untuk bekas hakim?Apa rasionalnyer kiter (eh bukan sebab saya tak sokong)Presiden bagi Ex-Gratia.Kenapa jumlahnya tak diumumkan?Bukan ker tue duit kerajaan.. kenapa tak dikeluarkan dalam Budget 2008? Pakai duit sendiri ker Pak Lah?
  3. Wah,,, Pak lah melawat Sabah dan Sarawaklah.Bangga betul sebab yang jauh seberang laut tak dilupakan.Sampai di Sabah,,,Sabah dapat 20 B..Pergi Sarawak Sarawak pun dpat 20 B.. Bila dirancang...Ader ker tertulis dalam perangkaan budget?
  4. Then dia sound berjimat-cermat....Penonton setia TV3 tangkap video ahli politik sewa kapal terbang peribadi?Kerajaan Terengganu pulak beli 9 buah mercedez.erm...Kalau Perdana mahal apsal tak pakai kancil jer.. lagi jimat..Kenapa,,org besar mesti besar jugak yang dipakai kot...Sebab maybe dia org pakai Seluar saiz xxxxxxL..KENapa tak pakai Rapid KL terus.Lagi besar..Lagipun ada company kerajaan sendiri yang atur kalau rosak..
  - 5 Selepas bertahun Dear Presiden memerintah..berapa dah budget negara dikeluarkan?Untuk apa?Apa rasionalnyer budget tu dikeluarkan? apa bukti duit tu digunakan seeloknyer.Perbendaharaan dah semakker?Bangunan mana yang Presiden buat? er
- By ultraboy on August 20, 2008 2:27 PM

TDM,

Bukankah rasuah sebegini wujud dizaman Tun lagi? Saya kurang pasti sejak bila ia wujud tapi yang pastinya ia memang ada sepanjang pemerintahan Tun.

By moshie on August 20, 2008 2:32 PM

dear tun

saya doakan semoga tun sehat selalu dan berharap tun ttp akan memperjuangkan org melayu...pak lah hanya mampu ckp je tapi tak pernah memikirkan rakyat yg semakin menderita kini...syg Tun

By GEEKHAN on August 20, 2008 2:36 PM

salam TUN..

Inilah UMNO SEKARANG Tun...

bertapa ruginya MELAYU dipimpin UMNO SEKARANG.

masing-masing yang 'INGIN BERKEPENTINGAN 'sudah tidak ada lagi 'INTEGRITI' dalam diri, yang pada 1 masa begitu diwar2kan oleh KETUA KERAJAAN sendiri.

kemanakah MELAYU selepas ini Tun.

menyedari sendiri akan 'RASUAH' yang ada di dalam UMNO pun, 'ORANG'tidak berani untuk memperkatakan, apatah lagi mengawalnya,

malahan semakin galak berleluasa.

SIAPA yang akan mengawalnya TUN?

adakah Tun,BPR,PM,TIM.PM,PAK2 MENTERI,UMNO,PAS,MCA,MIC,DAP atau parti2 lain akan mengawalnya?

JAWAPANNYA TIDAK ADA SESIAPA YANG BOLEH MENGAWALNYA TUN.

kecuali 'DIRI SENDIRI SAHAJA'..tanyalah pada diri sendiri..

ada 'INTEGRITI' kah dalam diri?

KALAU HATI(QOLBU) SUDAH BUTA.BANYAK HITAM DARI PUTIH.

apa ada lagi pada hati...renung2lah

//JANGAN JADI MELAYU PEROSAK MELAYU tapi

//JADILAH MELAYU PEMBELA MELAYU..

By hazard72 on August 20, 2008 2:36 PM

Assalamualaikum Tun,

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa rasuah dalam UMNO itu wujud dan UMNO sekarang wujud disebabkan oleh rasuah. Jika kita renungkan balik, perkara ini telah berlaku dari zaman pemerintahan Tun lagi. Cuma dibawah pimpinan Pak Lah ianya menjadi semakin serius. Tanpa ada tindakan tegas dan drastik ianya menjadi barah dari peringkat tertinggi sehinggalah ke peringkat akar umbi.

Dalam urusan seharian sehinggalah urusan melibatkan kepentingan negara amalan rasuah akan ada. Mungkin satu hari nanti negara kita akan duduk sebaris dengan negara-negara jiran kita yang memang terkenal dengan amalan rasuah. atau memang sudah duduk sebaris???

Kenapa jika ada pendakwaan oleh pihak BPR, hanya pegawai-pegawai kerajaan sahaja yang terlibat. Kenapa tiada siasatan keatas pemimpin-pemimpin parti tak kira dari UMNO atau parti-parti lain???

Kenapa perlu ada double standard dalam isu ini. Pada pandangan saya kalau disiasat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang mungkin ramai yang akan didakwa. Tapi apa boleh buat semuanya rakyat yang salah. Rakyat yang akan menanggung segalanya.

Ianya berlawanan dengan manifesto Pak Lah dimana beliau mendakwa akan menentang amalan rasuah habis-habisan tapi sebenarnya cakap tak serupa bikin.

Rakyat marah dengan gejala ini. Akibatnya pada pilihanraya lepas undi majoriti pemerintah telah dikurangkan. Perlu diingat undi protes tersebut ada datangnya dari ahli UMNO sendiri. Dan pemimpin UMNO masih tidak sedar-sedar lagi, yang mereka laungkan HIDUP PAK LAH! HIDUP PAK LAH! untuk apa semua itu tak lebih dari mengampu dan menjaga kepentingan jawatan dan kedudukan. Bacul mereka-mereka ini.

Perlu diingat melayu akan hancur dan masanya semakin hampir. Jika benar dakwaan DS Anwar pada 16 september kerajaan akan bertukar maka akan porak peranda nasib orang melayu.

UMNO yang dulu adalah parti dominan orang melayu semakin alpa dan hanya memperjuangkan kepentingan kantung sendiri tanpa ada rasa bersalah dan takut keatas nasib yang akan belaku keatas orang melayu.

Keep It Coming TUN.

May GOD bless you.

By adilazami on August 20, 2008 2:39 PM

CHE DET TIPUUUUUUUUUUU.....

By ARbAK on August 20, 2008 2:43 PM

Assalamualaikum YAD Tun, Tun Siti & Semua Rakan Seperjuangan,

Sungguh sedih dan menyakitkan melihat apa yg berlaku dalam UMNO pada masa ini.

Pemimpin2 sekarang bermula drp PM, menteri2nya dan ramai lagi pengikut2nya terdiri drp mereka yang mengamalkan sifat2 BERBOHONG, TIDAK AMANAH dan MUNGKIR JANJI (Sifat2 Munafik) dan pakaianya adalah UJUB, TAKBUR dan RIAK.

Irony nya, and yet at the same time, these are the people who when they speak, they will quote verses from the Quran and Hadis. WHAT A MOCKERY!!!!

Inilah GOLONGAN yg dikatakan "MEREKA MEMBACA AL-QURAN SEDANGKAN AL-QURAN ITU MELAKNATI MEREKA" Nauuzubillahi minaszalik.

WHAT A HOPELESS AND HELPLESS SITUATION we are in!!!!  
Mengapakah jadi begini? Ada kah apa yang berlaku pada masa ini tidak diketahui dan diluar kuasa Allah???

Maha Suci, Maha Mengetahui dan Maha Berkuasanya Allah swt meliputi 7 petala langit, 7 petala bumi dan semua di antaranya.

Sebenarnya semua ini berlaku kerana KITA TELAH MENZALIMI DIRI KITA SENDIRI. Apabila rakyat ini JAHIL AKAN ISLAM YG SEBENAR nya maka didatangkan lah PEMIMPIN YANG ZALIM. Instead of practising RUKUN ISLAM they are practising RUKUN SYAITAN, that are:

Keadilan - pada Raja/Pemerintah ( Pemerintah s'rang TIDAK ADIL )  
Kebenaran - pada Alim Ulamak (Ulamak s'rang pentingkan kedudukan)  
Keiklasan - pada Orang Kaya (Sedikit sekali orang kaya yg ikhlas)  
Kejujuran - pada Orang Berniaga ( Peniaga selalu menipu )  
Kesetiaan - pada Perempuan/isteri( Kurangnya isteri yg setia )

JUSTERU APA PERLU KITA BUAT???

UNGKAPAN YG BIASA KITA DENGAR " KALAU KITA TIDAK MERUBAH NASIB KITA, ALLAH TIDAK AKAN MERUBAHKAN NYA". Benar, tetapi HAKIKAT SEBENAR2NYA IALAH KITA PERLU BERUBAH/KEMBALI KEPADA ALLAH S.W.T. DENGAN erti kata BENAR2 MENTAUHIDKAN NYA (jangan lagi bertuhankan manusia (PM) wang ringgit dan sebagainya) Baharulah ALLAH memberi taufik dan hidayah-Nya untuk merungkaikan segala permasalahan.

Yakinlah, telah banyak yang diperkatakan oleh YAD Tun dan terbukti dengan PRU12, tetapi keadaan bukan berubah kepada baik sebaliknya KEADAAN BERTAMBAH BURUK.

Bukan sahaja orang2 yg JAHIL MURAKKAB bahkan MEREKA yg kononnya (self proclaim) memperjuangkan Islam juga tenggelam dalam lautan MAZMUMAH (PANGKAT, KEBENDAAN, PUJIAN, KUASA ).

Semoga Allah s.w.t memberi kita petunjuk, taufik dan hidayah-Nya.

By kokoi on August 20, 2008 2:45 PM

salam tun

saya cadangkan bubarkan umno.

Buat parti lain. Siapa yang nak pegang jawatan

tak boleh berniaga, sanak saudara pun tak boleh terlibat dalam bisnes. Bagi gaji bulan2. Tengok, ada tak orang yang sanggup ambik jawatan. Kuasa bagi kontrak bukan ditetapkan oleh ahli politik. Tengok ada tak orang yg sanggup pegang jawatan. Semua orang umno sama saja. Bubarkannnnnn.

By Al-Khattab on August 20, 2008 2:48 PM

Semasa Tun menjadi PM dahulu, Parti komponen BN sering memberikan rasuah kepada penduduk kampung. Contohnya, beg sekolah, tong gas, dapur masak,zinc,tangki air dan wang ringgit. Perkara ini berleluasa di kampung-kampung... Pada PRU 2008, perkara sedemikian juga berlaku. Nama pengundi dicatatkan untuk menerima RM50.00 setiap orang selepas mengundi. Malangnya pencatat nama tidak amanah dia melelap wang tersebut...

Kesimpulanya, rakyat Malaysia terutama pribumi tidak mengerti apa itu pilihanraya. Bagi mereka pilihanraya untuk mendapatkan manafaat daripada kerajaan. Calun yang bertanding pula mempunyai agendanya sendiri iaitu untuk mengambil manafaat daripada kedudukan mereka apabila menang ! Saya mengesyorkan Jabatan Pendidikan memperkenalkan matapelajaran politik kepada murid-murid sekolah. Saya percaya selain didikan agama, pengetahuan berpolitik boleh mengurangkan gejala rasuah...

Wallahuallah

By acomAuthor Profile Page on August 20, 2008 2:48 PM

Permisi Tun,

Memang tidak dapat dinafikan sistem politik melantik ketua dari peringkat cawangan ke MT dan seterusnya PM mesti diubah, supaya gejala rasuah tidak menghantui jiwa mereka.

Kegilaan nak jadi ketua ini mesti ada hubung kait dengan kuasa, pangkat, wang yang boleh di buat atau terima apabila dipilih menjadi ketua atau pemimpin.

Perkara sebegini mesti difikirkan dan anjakan paradigma mesti dilakukan supaya masalah yang sama tidak berlaku lagi.

Di Jepun sekarang parti2 politik boleh menerima wang bukan sahaja dari orang persaorangan malahan dari kesatuan sekerja,dan syarikat2 besar untuk tabung perjuangan politik.

Malaysia sekarang patut mengkaji dan melihat perkembangan bagaimana orang negeri barat mengamalkan sistem politik mereka untuk kesajahteraan rakyat. Negara kite sudah nak maju, ramai orang dah cerdik pandai, bersapakah lah kita untuk sama 2 hidup penuh aman damai dengan kemakmuran.

Tiap2 tahun beribu2 thesis, penyelidikan yang dilakukan oleh para siswazah diserata dunia untuk program master atau PHD .Sudah tentu dalam thesis itu kebanyakannya mesti ada terdapat banyak pertemuan

baru berkenaan bagaimana manusia boleh dengan penuh keamanan , kemajuan dengan nilai2 murni.Pemimpin seharusnya cekap dan mendengar nasihat orang2 yang mahir dalam berbagai bidang dan bukan

bertindak hanya dengan kunci2 yang ada berkepentingan.

Pemimpin seharusnya dikenakan key Performance Indicator (KPI), jika gagal mereka mesti undur atau letak jawatan secara automatik.

By owlz on August 20, 2008 2:54 PM

Assalamualaikum Tun.

Those corrupted leader of UMNO trying to preserve their position because they want much more, in other terms we call that - rape or suck our motherland dry. They are not cope enough to be a leader and just shitting around with their own speech. Sometimes they dont even bother of what they talk and not fulfilling it. Tun, you are the best. Not like those culprit that really munafiq and just lying to the Rakyat pretending that they are really patriotic enough to lead the Malaysia. Its bullshit!!! They just want add some more their "Kerak Nasi" and be a millionaire in illegally way.

The position, that's the most important thing for them. They use the cursed money to attract the voters to vote them by promising them a "gula-gula" and keep them shut the damned mouth up to speak for the Rakyat. What a sad country we are living now. They just use our motherland for their monthly, no!! But for their whole life income. An asssss hoolllee!!!

- Long live Malaysia - Viva Tun Mahathir!!!!

p/s: As usual, salam from the supporters University of Malaya - owe you Tun. HHHEEHHEE....  
You are he man!!!

By wandin on August 20, 2008 2:56 PM

salam tun dan keluarga..

By PakAbu on August 21, 2008 6:11 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENDOAKAN SEMOGA KESIHATAN TUN DAN KELUARGA SENTIASA DALAM KEADAAN SIHAT WALAFIAT. APA YANG BERLAKU SELEPAS TUN MENYERAHKAN TAMPUK PEMERINTAHAN NEGARA KEPADA PAK LAH BANYAK MASALAH NEGARA MENJADI KELAM KABUT. PERTAMA JAMBATAN BENGKOK. KEDUA KEKALAHAN PILIHAN RAYA PERAK, SELANGOR, KEDAH, PULAU PINANG DAN WILAYAH PERSEKUTUAN JATUH KE TANGAN PEMBANGKANG. TUNTUTAN BATU PUTIH JUGA TERLEPAS KE TANGAN ORANG LAIN.

PEMIMPIN UMNO SEKARANG BUKAN MEMIKIRKAN MEMARTABATKAN MELAYU DAN BUMINYA SERTA NEGARANYA TETAPI MEREKA LEBIH MEMENTINGKAN DAN JAWATAN YANG MEREKA SANDANG. APA AKAN JADI KEPADA MEREKA TIDAK PEDULI. WALAUPUN DATO' SERI ANWAR IBRAHIM PERNAH MENGKHIANATI BANGSA, ORANG MELAYU BERMATI-MATI MENYOKONGNYA. SEBALIKNYA TUN YANG TELAH MEMPERJUANGKAN MARUAH MELAYU DAN ISLAM YANG TERKENAL DI SELURUH DUNIA. PEMIMPIN UMNO SEKARANG TIDAK MENGHIRAUKAN MALAH MEREKA LEBIH MEMUJAJ2 PEMIMPIN SEKARANG DAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

SAYA HARAP TUN AKAN TERUS MENYUARAKAN DAN KAMI YANG TETAP SETIA MENYOKONG. SATU MASA NANTI RAKYAT AKAN MENGETRI APAKAH PERJUANGAN YANG SEBENARNYA.

ALLAH PANJANGKAN UMUR TUN MAHATHIR MOHAMMAD  
By barmember on August 21, 2008 7:05 PM

Tun,

Rasuah dalam pemilihan agung UMNO telah wujud semasa Tun memegang tampuk Presiden UMNO lagi. Kenapa Tun tak benteras kalau dah wujud sebegitu lama? Atau Tun dah cuba tapi gagal? Tolong jelaskan supaya saya boleh faham sebab ini adalah soalan yang saya terima bila berbincang soal rasuah dalam UMNO.  
By dev on August 21, 2008 7:28 PM

Kepada Tun Dr Mahathir, Saya amat berharap semua orang akan membaca pandangan saya dan Tepuk dada tanyalah selera !!  
Tun, setiap apa yang kita lakukan pasti ada balasannya. Maka saya rasa apa yang berlaku di Umno ialah sesuatu yang telah diduga oleh saya. Tolonglah anggap semua orang sebagai manusia. Jangan bezakan dengan orang Melayu, Orang Cina dan Orang India. Semuanya sama digolongkan sebagai manusia. Cuma kepercayaan sahaja yang berlainan. Lebih banyak kita pentingkan diri sendiri, lebih banyak yang

akan kita rugi. Marilah kita sama-sama berpegang tangan berfikir sebagai orang Malaysia tolong menolong antara satu kaum sama kaum lain. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya pemimpin mempunyai pandangan sedemikian.

By Redhuan D. Oon Author Profile Page on August 21, 2008 7:36 PM

Tun,

Persoalan rasuah merupakan isu yang paling sensitif kepada semua lapisan massa hatta yang bukan muslim maupun dikalangan negara maju seperti UK dan AS.

Yang saya lebih ingin utarakan ialah soal rasuah mental, atau sogokan lisan, iaitu kita boleh dipesongkan keputusan politik kita apabila ada orang cuba 'jack' atau mengampu kita. Sekiranya kita dikritik, maka tidaklah akan kita menerima sesuatu ide berkenaan kerana kita tidak dirasuah dengan kata-kata manis.

Mengapa budaya kita senantiasa begitu? Suka sangat digula-gulakan sehingga tanpa kemanisan kata-kata kita tidak akan melakukan sesuatu yang difikirkan baik untuk semua terutamanya sekiranya ia adalah baik demi kebenaran.

Kita hanya melakukan kebaikan sekiranya kita mendapat markah politik dan diterima oleh pengundi yang ramai. Bercakap benar itu mudah bagi masyarakat bawahan sekarang kerana mereka tidak mengalami risiko politik. Pemimpin ada risiko status dan maka menerima kritikan itu adalah pahit. Maka tidaklah akan berlaku keberanian mengatakan sesuatu didepan pemimpin sehingga berleluasalah budaya sogoklah pemimpin dengan kata-kata manis belaka.

Budaya tersebut begitu buruk sehingga rata-rata tiada yang akan mampu terfikir apa-apa selain dari mengampu aja jua. Sekiranya tidak percaya cubalah menyatakan sesuatu yang mengkritik tindakan atau sikap mereka.

Jadi apakah rasuah itu hanya rasuah apabila wang bertukar tangan dibawah meja? Dan berlakulah kematian satu projek atau satu usaha atau satu kemampuan seorang rakyat Malaysia yang jati yang patut dijayakan. Apakah bukan rasuah sekiranya sesuatu ide dimatikan begitu saja? Yang menggantikannya adalah ide yang rendah nilai dan tidak mampu menyaingi diperingkat dunia.

Jika ini tidak benar, mengapa kita asyik tidak mencapai kejayaan demi kejayaan yang sepatutnya padahal bilangan rakyat kita mencecah 25 juta orang? Saya pernah mengenal individu2 dari kalangan rakyat kita yang mencipta atau mengeluarkan hasil bertaraf dunia tetapi mereka asyik bercerita bagaimana ada pihak yang mencuri ide mereka dari pihak berkuasa lalu ide itu mengalami kematian kerana pencuri itu tidak mampu menjayakan ide sedemikian secara sendiri tanpa pencipta aslinya.

Mereka (pencetus ide asal) itu akhirnya berhijrah keluar negeri dan ide itu berjaya pula dinegara asing kerana pihak asing pula yang menghormati ide mereka. Apakah mereka itu dianggap durhaka kepada negara sendiri? Sepatutnya mereka yang berkuasa sekarang yang tidak mengindahkan ide dan hasil kerja rakyat bawahan sendiri (disebabkan tidak menerima sogokan) sebagai durhaka.

Rasuah adalah tindakan pendurhaka dan harus dihukum seberat-beratnya tanpa kira kedudukan tingginya dan tanpa kira bentuk rasuahnya samada dalam bentuk wang, pangkat, pengampuan maupun kemanisan kata-kata.

Redhuan D. Oon

P.endA.tang D.engan l.zin

By silbi\_manahaj on August 21, 2008 10:25 PM

Tun Mahathir dan rakyat Malaysia yang aku kasihi sekalian.

Aku tertarik membaca komen Onlooker pada 19.8.2008 10:07pm.

1. Beriya-iy a Onlooker menyindir Tun Mahathir supaya cepat-cepat membeli tiket kapal terbang untuk

meninggalkan Malaysia. Dato' Seri Adnan pula dikatakannya akan meninggalkan Malaysia kerana tidak akan ada tempat setelah Anwar menaiki takhta PM nanti (itupun kalau naik takhta lah kan, Anwar bukan tuhan yang boleh menentukan segala-galanya).

Berkenaan hambatan Onlooker terhadap Tun Mahathir, lebih baik Onlooker yang beli tiket dulu blah dari negara ini. Kalau sekadar jadi onlooker atau penonton di tepian gelanggang tanpa berbuat apa-apa untuk agama, bangsa dan tanahair, lebih baik pindah negara. Duduk sini pun menghabiskan beras. Beras pulak tak cukup sekarang ni.

Dato' Adnan memang pasti takkan ada tempat di Malaysia sekiranya Anwar menjadi tuhan di Malaysia. Perkiraan ini mudah kerana setahu saya ketika era Anwar lawan Ghafar Baba dahulu hanya ada 4 makhluk Allah yang menjadi perwakilan UMNO yang tidak menyokong usul Anwar untuk melawan Ghafar Baba. Mereka ini ialah Dato' Seri Sanusi Junid, Pak Aziz Samsudin, Dolah dan Dato' Seri Adnan. Dato' Seri Adnan memang dulu, kini dan selamanya bukan orang Anwar. Tapi samseng ini orang yang berperinsip.

2. Onlooker menuduh Dato' Seri Adnan menjual tanah kerajaan dan memberikannya kepada rakyat. Pada mata Onlooker ini adalah rasuah kepada pengundi supaya mengundi Dato' Adnan. Setahu aku, rakyat marah apabila tanah mereka diambil oleh kerajaan. Tapi inilah pertama kali aku mendengar orang marah apabila tanah kerajaan diambil dan diberi kepada rakyat. Pelik juga cara 'brain function' Onlooker ni.

Sekian.

By abu sayab on August 21, 2008 11:25 PM

Form a new UMNO Party , follow TUN and resign!!  
But most of you here are still clinging to the 'Tongkat Lama'  
By True Son of The Soil on August 22, 2008 1:05 AM

Orang Melayu di Singapura jauh lebih baik daripada Orang Melayu di Malaysia kerana pengurusan kerajaan yang cekap (tiada rasuah) dan penggunaan bahasa inggeris dalam sistem pembelajaran membuat orang Melayu Singapura begitu kompetitif. Mereka juga mendapat bantuan dari kerajaan yang tidak diberikan kepada orang lain. Manakali orang termiskin di Malaysia ialah orang Melayu dan juga bumiputra. Jika kita menutup mata dan menolak kenyataan bahawa orang lain lebih baik daripada kita sudah nyata kita adalah seperti katak yang mendongak ke langit melalui lubang telaga. langit kelihatan begitu luas dari dalam lubang telaga itu. Kesimpulannya contohi lah singapura.  
By azienmat on August 22, 2008 4:16 AM

Terima Kasih pada Harimau kerana bersusah-payah mengirim list orang terkaya di Malaysia. Tahniah kepada Mokhzani kerana tersenarai orang terkaya di Malaysia, teruskan usaha untuk meningkat ke top 10, seterusnya top 5.  
Dan saya tertunggu melayu pertama menjadi yang akan menjadi orang paling kaya di Malaysia, paling kaya dimuka bumi ini.  
Setakat ini orang melayu berada ditangga ke 14 aje. Mudah-an tahun 2020 nanti, top 5 dipegang orang melayu semuanya..  
aku dan Harimau 1900 pasti tunggu tu..  
Harimau.. apa makna 1900 tu? gaji you ka? atau company you..  
By kaychin on August 22, 2008 8:37 AM

Dear Tun,

As chinese proverbs say " a three feet thick ice is not frozen by one day freeze ".

I remember you shed your tears many times when you talk about money politics in UMNO. Have you try anything to stop this? What is the change you think will stop this money politics?  
By ,Melayu merantau on August 22, 2008 11:38 AM

Assalamuallaikum Ayahnda Tun..

RASUAH dalam pemilihan UMNO mengesahkan semua pemimpin UMNO mengamalkan Rasuah didalam diri mereka. Memalukan orang-orang melayu..Tahukah mereka makan rasuah ini boleh menjatuhkan Agama, Bangsa dan Negara..Kecewa dengan perbuatan ini.Mungkin Orang-orang melayu UMNO sudah bertuhankan Wang..

By young malaysians on August 22, 2008 1:16 PM

Salam buat Tun yang saya sanjungi.....

Rasa saya sebagai seorang rakyat malaysia yang masih muda ini. Tun semestinya lebih arif dan faham dengan semua sifat-sifat semulajadi orang-orang UMNO. Baik dari peringkat cawangan hingga ke peringkat MT, politik \$\$\$\$ sudah lama bertapak dalam UMNO.

Malah pada firasat saya TUN berundur dulu pun adalah rentetan daripada itu semua. Pada satu peringkat dimana TUN sendiri dah tak mampu untuk menepis dan menangkis politik yang sudah lama dan semakin parah dengan KORUPSI....Amat mustahil jika TUN tidak menyedari semua itu selama memegang pemerintahan selama 22tahun. Bagi saya yang hijau ini pun boleh memahami sikap dan perangai anak-anak didik tun dulu (Kak Fidah, Uncle Sam, Uncle Najib and etc....)

Tetapi saya masih merasakan yang TUN masih mampu untuk menyelamatkan UMNO bukan untuk TUN sahaja malah untuk semua generasi melayu yang inginkan UMNO sebagai tempat bersandar untuk orang MELAYU.

Saya masih ingat pesan TUN,

"MELAYU MUDAH LUPA"

Sebelum depa dapat kerusi janji bulan & bintang, bila dapat kerusi semua mereka dah jadi binatang.... Mereka lupa yang meletakkan mereka diatas kerusi itu adalah rakyat.....

Saya sedih melihat MALAYSIA tercinta semakin HURU-HARA.

By jeng3 on August 22, 2008 2:20 PM

salam Tn,

kepada True Son Of The Soil,

Tolong beri sebab mengapa Melayu Singapura lebih baik dari Melayu Malaysia.Aku teringin sangat nak tahu...sedara mara aku kat Singapura jugak nak tahu..

Setahu aku (dan juga Tun) orang Melayu merupakan kaum minoriti termiskin di Singapura.

Kalau dah pemimpin PAP Melayu pun mengaku,kau ni siapa?Government agent S'pore kot?

Jeng3

By ezaniAuthor Profile Page on August 22, 2008 3:03 PM

Tun, I think we are finally seeing the destruction of UMNO. If its members are practising Muslims and loyal to God's command, this will not happen (Hadis Rasulullah SAW states : sesiapa yg memberi rasuah dan sesiapa yg menerimanya dan perantaraan di antara dua ini -- semuanya akan masuk neraka). Nah! Ini jelas ... apa lagi amalan rasuah sehingga ke seluruh parti menunjukkan sikap orang Melayu yg menjadi ahli UMNO itu sendiri. Itu berapa di dunia...

Sebenarnya saya tidak ada penghormatan untuk UMNO sejak ia tubuh lagi sebab the Malay leaders

were all Western-educated following British principles and wearing thick British suits and they should be studying carefully how Islam tells you to administer a state. I have seen pictures of this Malay leaders smoking and partying, etc. and there is no way such a person is going to lead me. Reason kedua selain daripada pengabaian melaksanakan hukum2 Islam ialah UMNO telah menutupi diri kepada satu bangsa sahaja seolah2 hanya Melayu saja yg layak dilayan.

Saya lebih rela UMNO dimusnahkan dan tubuh satu parti baru di mana Islam menjadi tunggak dan tiada sekatan kaum. Mungkin satu condition untuk menjadi ahli parti baru ini adalah supaya ahli baru mempunyai akhlak yang baik dan murni sebelum dibenarkan memasuki parti jadi ia perlu ditarbiahkan dahulu (something like freshie orientation). Mcm sekarang, kalau sesiapa sahaja blh masuk UMNO tanpa di-filter, mungkin penjahat dgn rekod jenayah pun boleh jadi ahli UMNO. Kita patut ambil contoh pengambilan pemandu bas.

Sekian, harap dpt difikirkan dengan mendalam.

Saya fikir

By MamatOversea on August 22, 2008 3:06 PM

MASUK UMNO DAPAT DUIT..ADA DUIT MASUK UMNO..MAHU DUIT MASUK UMNO..UMNO DAPAT DUIT DAPAT..ADA DUIT PANCING ORANG UMNO..DEPA DAPAT DUIT, TAHTA DAPAT..BILA DOK ATAS BOLEH BUAT DUIT.LAMA-LAMA JADI HANTU DUIT..SEMUA DUIT DUIT DUIT..TAK ADA DUIT TAK ADA PROJEK..BAGI DUIT ADA PROJEK..DUIT DUIT KEMANAKAH KAU DUIT..

BEGINI LAH KEADAAN UMNO SEKARANG..SEMUA DUIT..NAK JADI APA NI...

By Mkanuar on August 22, 2008 4:00 PM

Kalau macam ini lah situasi sekarang, i dont think UMNO akan bertahan. sedih melihat keadaan pemimpin yang dipilih sekarang, kerana harta dunia yang sementara sanggup gadai maruah agama, bangsa dan negara. It is even worse when the one who should protected it from happens, is the one who acknowledge all of this to happen.

By dev on August 22, 2008 5:08 PM

Tun Setiap kali saya menulis langsung tidak disiarkan dalam colum "Che det" Kenapa dan apa harus saya buat?

By tunnusantara on August 23, 2008 1:18 AM

.

Salaam YB TUN,

Ya, seperti TUN cakap, "Mereka akan kembali menjadi hamba orang, mempertahankan orang. Mereka akan jadi seperti orang Melayu Singapura yang sudah jadi kaum minoriti yang termiskin di pulau yang sebenarnya sebahagian dari Tanah Melayu dahulu. Inilah nasib yang menunggu orang Melayu."

Ya... seperti orang Melayu di pulau singapura. Itulah nasib yang diidam2kan oleh yahudi melalui proxy2nya yang mata duitan yang tidak takut pada Akhirat Allah SWT.

WALLAHU'ALAM.

.

By karela on August 23, 2008 2:49 AM

assalamu`alaikum TDMM Sir,you must make a come back to save malaysia,I think you are the one and only,because your mind,heart and words are very strongs and powerful.Malaysia really needs you now. pleaseeeee come back if really want to save malaysia. thank you TDMM

By lebaikudin on August 23, 2008 4:55 PM



Salam Tun & fellow bloggers,

Rasuah dalam UMNO adalah baik untuk negara. Tapi saya lebih suka sebut IMBUHAN bukan rasuah. Antara sebabnya:

1. Ramai pekerja parti peringkat bawahan terutama cawangan adalah sukarelawan yg rata2 berpendapatan rendah. Selalunya diorang keluarkan duit sendiri untuk kerja2 parti. Mana ada benda free dalam dunia ni. Jadi bila sekali-sekala YB hulur dapat la cover kos hidup yang meningkat, secara langsung menjana ekonomi negara

2. Kepada hipokrit2 yg bising kutuk IMBUHAN, adalah orang yang sama akan sapu kanan kiri duit yg YB hulur, ikut package umrah, melancong ke Phuket atau gagal melobi projek2 sebab tersalah masuk kem

3. Projek2 yg diagihkan YB kepada pengikut2 pun bagus sebab kalau projek kawan2 ni problem e.g defect sebelum penyerahan atau runtuh sebelum diduduki sebab cost cutting, kerajaan akan panggil tender, untung 2 kali baru

Wassalam

By nienaAuthor Profile Page on August 23, 2008 7:03 PM

assalamualaikum sir

emm... mereka tidak terasa malu kah setelah melakukan perbuatan keji itu? gosh! they dont have brain. brainless. if do, they use in the wrong way. even a child know what is bad and what is good. haih. pathetic lah mereka. buat malu orang je. ish.

By addirazAuthor Profile Page on August 23, 2008 8:00 PM

Assalamualaikum Tun dan semoga Tun dirahmati Allah SWT...,

Biarlah saya menyampaikan pendekatan Rasuah yang berlaku dalam negara kita ini secara santai dan ringkas tanpa mengaitkan secara terperinci kerana kita sedia maklum akan berita-berita Rasuah ini berlaku kian aktif dan agresif dikalangan kakitangan kerajaan samada diperingkat bawahan mahupun atasan. Kesedaran, kepekaan dan keprihatian mula mengajak BPR mengorak langkah serta mengambil inisiatif yang dipertanggungjawabkan dengan mengambil tindakan tegas dan cepat dalam menangani kes ini. Harus diberi pujian.

Untuk kefahaman semua terutamanya orang Melayu, kita ingatkan hanya kepercayaan kaum Cina terhadap Naga ini wujud. Tetapi hakikat sebenarnya Naga yang hanya mitos itu realitinya wujud di dalam bangsa kita sendiri. Bapak-bapak Naga yang kelaparan kebanyakannya berlingkaran di awangan itu hanya menanti mangsanya. Dan Naga-naga ini pula tidak pandai malah malas sehinggakan makan pun perlu disuap.

Maklum lah Bapak Naga lah katakan. Kuasa api ditangan mereka.

Rentetan:

Apakah ini caranya mengecapi kesenangan?

Mencakupi kemewahan yang tiada titik noktah!

Jarum masa mereka mungkin hanya berangka 1 hingga 6 sahaja.

Tempoh perkhidmatan hanya tinggal beberapa tahun saja lagi.

Kemewahan segera perlu dicari.

Falsafah orang lain boleh buat...kenapa tidak aku?

Pisau dan Timun ditangan aku....

Aahh...pendek kata Teraju digenggaman.

Bagaimana pun kederat orang yang bergelumang titik peluh dan keringat dalam mencari rezeki?

Kekadang bukannya banyak mana keuntungan dapat diraih alam satu-satu projek tetapi kerana

"terpaksa" mengikut rentak dan kemahuan Naga-naga itulah makanya peniaga yang kudus dan lurus itu

terpanggil ke kancuh Rasuah. Inilah trend yang membentuk satu fenomena malah menjadi budaya dalam masyarakat kita khususnya orang Melayu sendiri.

Sedih kalau difikirkan...makanya teringat saya pada kisah 3 ABDUL.

"Posto...Posto..."

"Ha..tak masuk minum kopi dulu?"

"Tak boleh...RASUAH!"

Kalaulah kita bersikap positif seperti si Pak Posto itu, bekerja ikhlas dan amanah, saya berpendapat gejala Rasuah ini tidak akan menular menjadi budaya dan amalan kita. Apa lagi dalam melahirkan Naga-Naga Melayu!

Maaf sekiranya ada yang tersinggung. Ini hanya pandangan am dan penyampaian santai lagi bersahaja. Itu sahaja.

Buat Tun dan Keluarga...saya sentiasa menyanjungi jasa dan pergorbanan kalian hingga saat ini

By subjects on August 23, 2008 10:46 PM

Is really sad to say that everyone in Malaysia understand what is happening in our own country BUT no one could able to rectify..At last, pauper be the victim!

Just a by-election at P.P, but a lot of 'grandpa & grandmum" scandal been revealed. What the more sad is why all these could only be reevealed by now and how many more is still underneath?? And what is the action been taken placed??

I'm sincerely wait for the scene just like happening in Taiwan.

By mzzainal on August 24, 2008 2:09 AM

It seems that PakLah is surrounded by Unclean supporters.

It seems like a joke that the chap who wants to eradicate corruption is being propelled forward by a handful of corrupt Yes Men.

As usual, this is a sad situation that we are in.

Lets see whether UMNO members can make a difference in changing the leadership. After all, someone must do something or else corruption would be a normal practise amongst those running our nation.

By Amin Affendi Alhaj on August 24, 2008 11:22 AM

Assalamualaikum Tun,

Berbicara pasal politik wang, saya rasa telah sekian lama gejala ini berleluasa dan topik ini terus dicanang dan diperkatakan, terutama sekali oleh pemimpin2 UMNO yang memegang kuasa atau sedang berkuasa dalam parti melalui ucapan, sidang akhbar dan sebagainya. Kepada para pemimpin yang berkuasa atau sedang berkuasa topik ini diwar-warkan sebagai satu bentuk amaran yang akan atau boleh diambil tindakan kepada ahli parti yang menggunakan wang ringgit atau bentuk pemberian lain dan berminat untuk bertanding merebut sesuatu jawatan.

2. Bagi ahli parti yang ingin merebut sesuatu jawatan mereka mempunyai persepsi yang jauh berbeza. Mereka tetap mewajarkan pendekatan dan penggunaan wang ringgit bagi memastikan kemenangan mereka, kerana para pemimpin yang sedang berkuasa ketika ini pernah atau telah juga menggunakan jalan yang sama sewaktu memasuki sesuatu pertandingan dan memenangi sesuatu jawatan.

3. Ada andaian para pemimpin parti menggunakan gagasan ini bagi memastikan jawatan mereka bukan sahaja tidak dicabar atau dipertandingkan, malah mereka ingin kekal dalam jawatan tersebut walaupun hakikatnya mereka sudah tidak mampu memimpin parti dan negara. Telahan kuasa boleh membendong tindakan BPR keatas mereka selama mempunyai kuasa dan jawatan tertinggi parti dan benteng pertahanan menjadi pertaruhan. Bukan keutuhan dan keunggulan parti dan jauh sekali rakyat Malaysia yang menjadi asas perjuangan.

4. Bila diamat-amati para pemimpin yang sedang berkuasa akan menggunakan apa sahaja helah, cara, pendekatan memastikan jawatan mereka kekal ditangan. Bagi para ahli yang ingin mengambil alih tempat mereka akan menggunakan apa cara sahaja termasuk wang ringgit bagi mencapai matlamat dan tujuan.

5. Adalah menghairan, pelik, tidak percaya, Malaysia yang telah merdeka lebih 50 tahun dan mempunyai kerajaan berlandaskan demokrasi berparlimen dan mempunyai agensi khusus seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR) gagal membendong gejala ini. Apakah keistimewaan UMNO sahingga BPR langsung tidak berperanan dalam menyelesaikan atau mengambil tindakan diatas pesalah rasuah dalam kategori ini?

5. Menjelang pemilihan jawatan UMNO 2008, gong dan gendang politik /rasuah wang mula dipalu dan terus dipalu. Satu hakikat yang nyata, UMNO tidak serious menangani gejala ini demi survival segelintir pemimpin.

6. Saya percaya BPR berkemampuan menanganinya jika diberikan kebebasan untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

7. Menjelang kemerdekaan negara ke 51, saya juga berharap dan berdoa agar rakyat Malaysia mendapat kemerdekaan yang total dari penjajahan kerajaan BN yang diterajui UMNO sekarang.  
By abu sayab on August 25, 2008 12:10 AM

By totally spies on August 21, 2008 12:20 AM

unfortunately, Tun speaks the truth! by judging at yr comment, dont think you are malay or maybe melayu celup.

singapore was once part of tanah melayu, bacalah fakta sejarah cik rino. nama singapore sebenarnya SINGA-PURA sekrng dah disebut SIN-GA-PORE. Parameswara, yg jumpa singapura (nama lama, temasek) tapi bila si penjajah bernama stamford raffles, Namanya yg diangkat dlm sejarah.

-----  
Parameswara, seorang bangsawan Srivijaya dari Palembang, keturunan Majapahit. That is why many Melayu are Melayu celup ala Indon !!

By abu sayab on August 25, 2008 12:54 AM

By azienmat on August 22, 2008 4:16 AM By azienmat on August 22, 2008 4:16 AM

Terima Kasih pada HARIMAU kerana bersusah-payah mengirim list orang terkaya di Malaysia. Tahniah kepada Mokhzani kerana tersenarai orang terkaya di Malaysia, teruskan usaha untuk meningkat ke top 10, seterusnya top 5.

Dan saya tertunggu melayu pertama menjadi yang akan menjadi orang paling kaya di Malaysia, paling kaya dimuka bumi ini.

Setakat ini orang melayu berada ditangga ke 14 aje. Mudah-an tahun 2020 nanti, top 5 dipegang orang melayu semuanya..

-----  
Ayoh..yoh baca Economics  
Melayu dah capai lama lah!

The top 10 richest in Malaysia from 1st Jan 2008 are:

- 1)UMNO top Leaders (combined)- Euro 120 billion
- 2)MCA top Leaders (combined)- Euro 50 billion
- 3)MIC top Leaders (combined)- Euro 20 billion
- 4)Taib Mahmud Sarawak - euro 10 billion
- 5)Daim USD 18b
- 6)Ling Liong Sik & Sons USD 16b
- 7)Samyvellu & Family 14B
- 8)Robert Kuok USD 10 billion
- 9)Ananda Krishnan USD 7.2 billion
- 10)PDRM (m)S/B USD 6.5 billion

Kalau nak capai pakai instant formula berikut:-

- 1)Join UMNO be a Div leader,ADUN,MP or Minister  
Or
- 2)No need to work,pray many times a day to NEP  
or
- 3)No need to attend University lectures, Go to Petaling Street or Jln.Masjid India hold demo and shout 'Ketuanan Melayu' 3 times a day  
jgn lupa angkat Keris plk!!

By ijan on August 25, 2008 11:00 AM

salam,

rasuah didalam UMNO semakin menjadi dan ini akan merosakan imej parti yang diberi amanah oleh orang melayu untuk menjaga kepentingan orang melayu.Pemimpin melayu yang terlibat dengan rasuah sebenarnya seperti harapkan pagar ,pagar makan padi.Orang melayu mengharapakan pemimpin kita menjadicontoh teladan tetapi sebaliknya berlaku...saya merasakan UMNO perlulah ingatkan balik lirik lagu UMNO yang selalu dinyanyikan pemimpin melayu setiap perhimpunan agung umno.umno ini adalah milik orang melayu yang memperjuangkan nasib melayu bukan untuk kepentingan pemimpin itu sahaja,masa kini bukan mencari siapa yang salah tetapi bersama kita menyelesaikan masalah dan kembali didalam ungkapan hidup melayu dan berkerjasama dengan semangat kasih sayang terhadap bangsa kita melayu... melayu bangsa yang mampu maju selagi melayu ingat perjuangan datuk nenek kita yang bersusah payah utk umno ...jgn kita lupa jugak segala yang baik perlu kita ambil tetapi yang buruk kita tinggalkan..kita mesti hapuskan orang yang membunuh orang melayu sendiri dan jangan ada bangsa kita menjadi pengkhianat kepada bangsa kita sendiri terutama pemimpin umno yang rasuah untuk kepentingan peribadi disebabkan mereka ini semua harapan orang melayu membawa suara melayu itu sendiri.

By Ali on August 25, 2008 4:09 PM

Ass.kum Tun,semoga Tun sihat bersama isteri tercinta.... Sememangnya sejak akhir-akhir ini isu pemilihan parti menjadi hangat. Ditambahkan lagi dengan mereka-mereka yang "gila pangkat" Ketua Bahagian & Pemuda Bahagian.Sogokan wang agar nama mereka di canangkan di peringkat Cawangan makin berleluasa. Mereka sanggup melakukan apa saja asalkan niat mereka tercapai. Bak kata orang "Matlamat Menghalalkan Cara". Kenapa saja mereka yang ingin bertanding ini dikenakan syarat agar Bersumpah (Mubalah) jika mereka benar-benar IKHLAS kerana UMNO.

By Khairil on August 25, 2008 4:24 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

UMNO makin rosak. BN makin jatuh.

Rasuah??

Bohonglah kalau tak ramai yg ada di dlm UMNO skrng, tdk menerima rasuah.

BPR juga seolah2 tdk berguna.

Ingt tak mereka akan jurang neraka yg akn mereka hadapi nnt.

Wassalam.

By joe-ice-t on August 25, 2008 10:31 PM

Aslm wm...

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala usaha Tun sbagai bapa pembangunan negara. Saya amat menyayangi negara ini seperti juga ramai patriotik2 lain. Malangnya, isu-isu yang berlaku sejak awal tahun 2008 telah memberikan implikasi negatif terhadap pembangunan ekonomi negara. Dgn erti kata lain, isu politik telah menguasai media2 masa dan saya teramat sedih apabila ramai ahli2 politik masa kini tidak lagi berjiwa rakyat malah lebih individualistik serta materialistik. Smpai bila kah rakyat perlu menonton wayang kulit yg diwatakkan oleh segolongan ahli politik yg suka mempermainkan isu politik di media2 masa masa kini? Corruption, Consipiracy, Scandals, Covering up stories bla bla bla.. These practices have been so common among politicians since many2 years ago. We as citizens don't care! What we care is to see this country continue developing, prosperous, peace and harmony. Ya Allah, please help us!...

By richard.wong8 on August 26, 2008 1:47 PM

Dear YB Tun Dr. Mahathir,

Firstly, I would like to apologize for commenting out of this topic. I admire you so much that I'm lost of words. There's one incident that I saw you in person at the 'Halal' food fair and wanted to shake your hand, but I'm so afraid that I did not approach you as there's so many bodyguards around. Nevertheless, I'm very happy I could 'communicate' with you through e-mail. You are the greatest man on EARTH! When I was a kid back in the 70's, I used to asked & wonder myself if Malaysia can produce it's own airplane, ship, train, car, motorcycles, bicycle etc. I was so proud when the 1st Malaysian car was produce in 1986 and I've bought it.

Back then, my teacher always tells us that if we were to study in European countries and tell them that we are from Malaysia, nobody knows where this country is. Then we have to tell them it's between Singapore & Thailand. After you became our Prime Minister, now we are well known and fully respected.

You anticipated a lot of obstacles and managed to overcome by yourself, e.g. the financial crisis in 1997. Your idea is simply so superb not to borrow from IMF that you have been criticize so badly, but what's most important is, it is your decision and make it best for all Malaysians. Then the whole world agreed that you have made the best move.

I cannot imagine if Malaysia is without you. How I hope that you are still Malaysia's Prime Minister. No others can replace you, not even anyone in South East Asia.

Tun, you are the magic for Malaysia! Long Live, May God Bless You & Your Family.

By rizal kl on August 26, 2008 2:14 PM

salam Tun,

ketika Tun menegur YABDSAAB suatu ketika dahulu, ramai pihak termasuk individu, media, kerajaan, umno(termasuk org2 yg suka mengeluarkan komen atas sesuatu isu) menegur Tun kembali. meminta Tun agar jangan mencampuri hal ehwal umno dan kerajaan, malahan ada yg melabel Tun sudah nyanyuk.. tak kurang juga yg menyuruh Tun buat cara org yg pencen.. tapi saya sebagai rakyat yg membesar di zaman Tun yakin apa yg Tun buat mesti bersebab malahan tika itu saya sendiri tidak bersetuju jambatan lencong di johor dibatalkan.

tapi kini mereka yg menegur Tun harus merasakan sendiri apa yg Tun rasakan dahulu apabila amanah yg Tun serahkan telah disalahgunakan. ahli umno yg pentingkan pangkat dan kepentingan pasti tersenyum riang dgn kepimpinan YABDSAAB. ahli umno yg penting integriti dan amanah sebagai orang

melayu pasti tiada tempat untuk diadu. terpaksa mengikut kata2 orang atasan.

jika dilihat untuk pilihanraya akan datang atau pilihanraya kecil mana2 kawasan, sebahagian rakyat malaysia menjadi keliru. jika pilih BN, YABDSAAB terus mendabik dada mengatakan bahawa rakyat menyokong sepenuh kerajaan beliau. tetapi padahal sebahagian rakyat "terpaksa" menyokong BN bukan kerana YABDSAAB atau BN tetapi tidak mahu maruah malaysia digadai oleh YABDSAI yg sanggup mendapatkan kepercayaan rakyat tanpa mengira maruah negara. bagi pendapat saya yg berharga 2 sen ini, YABDSAI mementingkan diri sendiri. sanggup meminta rakyat turun ke padang hanya untuk membela dirinya sendiri. meminta pertolongan negara lain yg mereka sendiri menghadapi konflik dalaman. ingat lagi waktu YABDSAI dipecat, habis rantau asean dilawati untuk menjaja kisah dia ditindas. jika YABDSAI benar, tuhan akan tunjukkan satu hari nanti. tak pelu kerah bala tentera rakyat berperang di jalanan. mereka ada kerja dan keluarga. usah diganggu. bila penyokong YABDSAI fanatik, yg salah tetap betul. sokongan tetap sokongan. yg salah ditegur. itu caranya. Kami menyokong Tun atas dasar pemerintahan yg telah dilakukan. jika Tun berbuat salah, Tun juga seperti YABDSAI dan YABDSAAB. cuma permasalahan kita rasuah berlaku betul2 di bahagian pemerintahan yang tertinggi. jadi siapa harus kami sokong. kami tak mahu jadi seperti anak kecil bermain api.

Pakatan rakyat kata BN kotor, BN kata Pakatan rakyat kotor. semua bukti2 didedahkan. padahal 2 x 5. yg sengsara rakyat. rakyat yg bodoh sanggup menggadai nyawa dan harta untuk YABDSAI dan rakyat yg bijak pandai sanggup melupakan maruah melayu untuk YABDSAAB.

jika hal rasuah ini ingin dicapai dgn penyelesaian yg betul, ia bukan mudah untuk dilakukan. percayalah bukan sedikit masa boleh membetulkan perkara ini. sebab rasuah isu biasa. di alam pekerjaan hinggalah di bahagian politik. cuma jika YABDSAAB sendiri tidak peka atau terlibat(saya tidak pasti). susahlah. 12 tahun lagi ke wawasan 2020. jika YABDSAAB sentiasa membatalkan projek dan asyik membayar pampasan. bila malaysia mahu maju.

pikirkan lah.

By ABI on August 26, 2008 2:36 PM

Can anyone out there name one person- a politician, a leader at any level, a bureaucrat or a technocrat who could be regarded by all the rakyat as clean and corruption-free? I'm interested in getting to know that person well. As one of our our home-grown sociologists has written, "corruption everywhere breeds efficiency"! hence everyone believes and practices corruption as a private policy!

ABI

By Sayamenurutperintah on August 26, 2008 2:38 PM

Asalamu'alaikum Tun Dr. Mahathir Mohamed, mantan perdana menteri Malaysia.

Once you said, when no longer being a PM, now you feel what the rakyat feel. You were attacked, peppered, abused with words and sidekicks analogically. You now understand how the people in the lower side of the system got treated and suffer just to live a normal life.

You talk about corruption, now, while the graft exist long long time ago, when malay minister of Melaka accept bribery just to prolong their existence and superiority, care-less about other things.

You were on top of the people here, you may suppress them, book them as what you did to many years and years ago. And there were chances to ensure, at any level, at any closed door, that graft and corruption in any shape and figure, will not have chance.

Why Malaysia sir? Because at your earlier time, Malaysians are idiots, yes-man, idolizing characters and eating words come out from you. Not much education that provide eye-opener. But i can't put u in the blame for all that because the "penyakit" already exist before you. Once we already Merdeka, what else are we going to fight for? Of course, being rich and famous. We can't be Michael Jackson coz we cant sing and dance like him and we sepatih haram bangang omputeh.

There was opportunity to straightened this before it rot along the way. You have seen it coming, as you

are given the 'ilham' and vision to see what might coming. As the only thing that the incoming things are more 6 dimension rather than your ability of 4 dimension perspective. SO unlucky, you could stop the process of gathering wealth thru politics before it gone to far. You could set the line where people under your nose will not gather more than a nickle than what they earn monthly for being a politician and a menteri.

When this was done, there should be no lobbying, no politik wang, no one really eager to step on one's head just to make sure be appointed, as a ketua, or just a balaci ketua.

Then, the process in Malaysia is absolutely justified. No one want to take a job as menteri, unless he realize that the job earns him so little, but the nation and rakyat gather so much. No one hesitate to let go their post when the job is poorly done, coz they will have to answer to the taxpayer.

You were having a power to choose a person who is unbiased, under the radar and not much to comment about. A person that has nothing to be checked such as Hamid Albar, or Muhyiddin Yasin, or even a veteran that was good enough just to ensure the process of justice is far from end like Musa Hitam.

And you made a system, where no one inside the government could make a correction but just get the blame and biawak hidup. You made the menteri have super power, forcing things to go away from the guidelines and regulation been made. Well, its to hard and late to stop the spinning wheel. Because you set so.

The only thing you may do is, to identify potential person in politic, make him clearly correcting the way it suppose to be. Make rules that no one in top brass of the politic could gain wealth and power too much. Make more restriction, coz when Quran were given with restriction, the life of people turned to be better, prosperous, understanding, morrally developed and much more that you can say to me.

There would me more to do, and to undone.

Sorry i write in English, because i also feel not so Merdeka yet.

By SuperHero on August 26, 2008 4:23 PM

Tun, berikan lah nasihat kepada UMNO dan semua rakyat agar sentiasa ingat akan apa yang perlu diperjuangkan dan selalu ingat perjuangan yang sebenar bukan hanya untuk diri sendiri tetapi kita juga harus ingat kepada generasi yang akan datang..Korupsi wang ini adalah paling berbahaya dan epidemik kepada masyarakat yang aman dan makmur ini..jangan hanya kerana persaingan pihak berkepentingan dan mahukan kuasa semata-mata akan menyebabkan hidup dan MALAYSIA ini kucar-kacir dan berpecah belah..Tun, mempunyai suara dan sangat berpengaruh di MALAYSIA,di bumi bertuah ini.Jadi, saya sangat-sangat berharap agar Tun menyuarakan apa yang saya pohon dari Tun ini.PERJUANGAN HIDUP IKHLAS KERANA ALLAH S.W.T

By bdk kampung on August 27, 2008 1:12 AM

Assalamualaikum...

Tun....persoalan yang bermain di pikiran saya adalah begini:

1. Mengapa sekarang baru dibangkitkan isu rasuah dalam UMNO?
2. Adakah masa Tun menjadi Presiden, tiada amalan rasuah dalam pemilihan UMNO?
3. Apakah yang akan terjadi pada pemimpin UMNO yang betul betul memperjuangkan hak melayu jika tidak diberi peluang memegang jawatan dalam parti akibat rasuah?

By ezkamal on August 27, 2008 10:39 AM

Telah berlaku di Bahagian saya sendiri apabila muka-muka baru mencabar ketua-ketua cawangan dan AJK yang ada untuk menghalang dari membuat pencalonan bagi mencari perubahan. Nampaknya demokrasi semakin lenyap dalam UMNO. Dan apabila para ahli sanggup menjual maruah dengan hanya sogokan beberapa ratus ringgit, UMNO sudah hilang kredibilitinya sebagai Wadah Perjuangan orang Melayu. Inilah akibat kepemimpinan melalui teladan yang dibawa oleh ramai pemimpin atasan.

Saya menyanjungi perjuangan Tun dan berdoa agar dikurniakan usia panjang dan kekuatan berterusan untuk terus menyuarkan rintihan kita.

Terima kasih Tun..!

By precious on August 27, 2008 12:03 PM

salam buat TUN, isteri serta family..

maafkan saya sekiranya komen yang ditinggalkan tak seperti yang diharapkan...

permulaannya, saya kagum apabila PUTERI ditubuhkan, saya rasa mungkin inilah yang akan menjadi pelapis untuk generasi WANITA..akan tetapi setelah saya duduk & mengalami pelbagai peristiwa saya akui bahawa RASUAH mmg amat memeritkan keadaan...

bayangkan sekiranya PUTERI yang hanya tertubuh selama 7thn thl dicemari dgn POLITIK WANG bagaimana pula dengan SAYAP PERGERAKAN yang lain...?? amat memalukan kerana PUTERI itu sendiri sudah pandai meminta IMBUHAN sebelum melakukan sesuatu pekerjaan....  
umum mengetahui RASUAH & POLITIK WANG mmg sukar utk dilumpuhkan...seharusnya kita sebagai org MELAYU mempunyai jati diri yang kuat walaupun dizaman cyber WANG adalah segalanya (untuk mereka yg memikinya ttg WANG)...sehingga kita sanggup meletakkan nilai harga diri utk wang yang tidak seberapa nilainya...

sebagai insan yang baru ingin belajar mengenai POLITIK, saya mohon pandangan & pendapat TUN untuk membantu saya dlm menanggapi ISU RASUAH serta bagaimana utk saya mengelakkan diri drpd DIRASUAH & MENERIMA RASUAH??

saya juga dengan rendah diri memohon kepada Tun sebagai seorang yang amat berpengalaman didalam politik di MALAYSIA supaya kembali membantu UMNO didalam menangani MASALAH ini...  
By chickenfeet on August 27, 2008 3:40 PM

Salaam buat Tun serta Keluarga,..

What uve said abt the Malays in Singapore is true..jadi hamba ditanah sendiri disebalik meritokrasi..those who sings a diffrent tune usually tergolong dlm mereka yg sombong atau lupa diri..kadang kala menghina melayu di Malaysia kononnya Melayu 'bawahan' atau 'takde standard'..mereka terbawa bawa dgn ideologi pemerintah bahwa Melayu di singapura kononya berlainan Kemelayuan nya..so far its working...now they shift their aim at Islam singapura...

By MFAR on August 27, 2008 7:31 PM

Salam Tun,

MISKINNYA ORANG DI MALAYSIA INI

Miskin adab

Miskin prinsip

Miskin harta (tak cukup-cukup)

Miskin budi pekerti

Miskin penilaian

Miskin kekuatan

Miskin keimanan

Miskin ilmu



Miskin pengaruh  
Miskin kepimpinan  
Miskin keperibadian  
Miskin petunjuk  
Miskin niat  
Miskin akhlak

Sayu saya mengenangkan semua ini.

By dr\_matsmileAuthor Profile Page on August 27, 2008 7:50 PM

Salam yang berbahagia Tun

UMNO hari ini telah dilumpuhkan oleh sebuah penyakit yang bernama rasuah.. Obat untuk menyembuhkan penyakit rasuah adalah berhenti merasuah.Tapi berapa ramai yang ingin berhenti melakukan aktiviti rasuah jika ini memberi keuntungan pada dirinya.Bak diibaratkan seorang perokok yang sukar untuk meninggalkan tabiat merokok walaupun sedar merokok itu membahayakan..kerana merokok itu menyenangkan bagi mereka.

Rasuah yang bermaharaja lela di semua peringkat lapisan rakyat sebenarnya merugikan rakyat itu sendiri.Lihat di Indonesia, amalan rasuah yang telah mendarah daging dalam sistem birokrasi mereka telah merugikan rakyat mereka sendiri.Kemajuan negara terhambat, hak rakyat dinafikan..kehidupan melarat telah menjadi sinonim dengan mereka..semua ini bukan kerana mereka bodoh tetapi kerana kuatnya implikasi dari rasuah itu sendiri..

dalam hal sekarang, apa yang perlu dilihat kembali adalah penerapan nilai islam sendiri dikalangan pemimpin yang bakal memimpin..Memimpin adalah sebuah amanah yang besar.hanya yang benar-benar berhak dan layak yang seharusnya dipilih...

Jika masih ada kewarasan di akal sihat mereka, amalan ini tidak seharusnya diteruskan. Rezeki kita semua telah ditetapkan. Jika melampaui batasnya, kita telah mengambil hak dan menganiayai orang lain.Apa imbalan orang yang melakukan amalan ini, DOSA adalah jawabannya..salam